



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*The National University
of Malaysia*



UNIVERSITI
MALAYA

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
Academy of Malay Studies

E-PROSIDING
SEMINAR BAHASA, SASTERA DAN KEBUDAYAAN MELAYU

SEBAHTERA 2023

"Naratif Baharu Pengajian Melayu"



**Khamis
14 Disember 2023**



9:00 pagi - 4:30 petang

**Dewan Semarak
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya**

**E-PROSIDING
SEMINAR BAHASA, SASTERA DAN
KEBUDAYAAN MELAYU**

SEBAHTERA 2023

E-PROSIDING
SEMINAR BAHASA, SASTERA DAN
KEBUDAYAAN MELAYU

SEBAHTERA 2023

Penganjur Bersama:

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti
Kebangsaan Malaysia (BITARA MELAYU).

Penyunting:

DR. ABD GANING LAENGKANG
DR. NURUL HANIZA SAMSUDIN
DR. WAN ROBIAH MEOR OSMAN
DR. NURHAMIZAH HASHIM

DISEMBER 2023

©Hak Cipta Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

Hak cipta terpelihara. Semua bahagian di dalam prosiding ini tidak boleh disiarkan atau diterbitkan semula dalam sebarang bentuk atau dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya, tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Akademi Pengajian Melayu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur.
Telefon: +603-7967 7200 / 7218
E-mel: apm@um.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data pengkatalogan-dalam-penerbitan

E-PROSIDING SEMINAR BAHASA, SASTERA DAN KEBUDAYAAN MELAYU

Penyunting : Abd Ganing Laengkang, Nurul Haniza Samsudin,
Wan Robiah Meor Osman, Nurhamizah Hashim

e ISBN978-967-9930-19-1

1. Language -Research -- Malaysia
 2. Literature - Research - Malaysia
 3. Culture - Research - Malaysia
 4. Malays (Asian People) - Research - Malaysia
- I. Abd Ganing Laengkang. II. Nurul Haniza Samsudin,
III. Wan Robiah Meor Osman. IV. Nurhamizah Hashim

**UCAPAN ALU-ALUAN
DEKAN AKADEMI PENGAJIAN MELAYU**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada seluruh Ahli Jawatankuasa SEBAHTERA yang merupakan singkatan nama daripada Seminar Bahasa, Sastera Kebudayaan Melayu 2023 (SEBAHTERA 2023) anjuran bersama Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dengan kerjasama Bitara Melayu, (sebelumnya dikenali sebagai Pusat Pengajian Bahasa, Kebudayaan dan Kesusteraan Melayu (PPBKKM), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pada asalnya, sejarah penganjuran seminar ini adalah merupakan bentuk kerjasama awal yang bertujuan mempertemukan sarjana Pengajian Melayu dari kedua-dua pusat Pengajian Melayu. Selain itu, seminar ini juga bertujuan memberi pendedahan kepada pensyarah muda tentang isu-isu berkaitan Pengajian Melayu. Penganjuran seminar SEBAHTERA buat kali pertama telah diadakan di UKM dan pada tahun 2006 dengan tema "Memperkasa dan Mengantarabangsakan Pengajian Melayu". Giliran seminar seterusnya dilaksanakan di UM pada tahun 2007 dengan tema "Pengajian Melayu adalah Pengajian Kebangsaan". Begitulah selanjutnya telah diadakan mengikut gilian secara berselang seli antara APM, UM dan BITARA Melayu, UKM. Tahun 2023 kali ini merupakan giliran penganjuran seminar di APM, UM. Objektif seminar ini ialah untuk memberi pendedahan kepada para pensyarah muda tentang isu-isu penting berkaitan Pengajian Melayu. Pengajian Melayu kini sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran, khususnya peranan Pengajian Melayu dalam pendidikan tinggi negara. Kita perlu memikirkan bagaimana bidang Pengajian Melayu boleh diperkasakan menjadi bidang dan disiplin ilmu yang strategik. Pengajian Melayu wajar menjadi arena segala kepakaran tentang pelbagai pencapaian bangsa Melayu, pemikiran dunia Melayu dan krisis bangsa Melayu digembeleng dan dibahaskan.

Para sarjana Pengajian Melayu mesti bersedia menggali segala seni akal dan sistem nilai orang Melayu dengan tidak hanya bergerak dalam sistem pengajian yang terbatas pada khazanah persuratan dan lingkungan yang terhad semata-mata. Kita mesti menerokai pelbagai disiplin ilmu dan kearifan setempat dalam konteks yang lebih besar dan semasa, untuk diketengahkan di peringkat nasional dan global. Hanya dengan pendekatan sedemikian, kita dapat berperanan dalam memberi nilai tambah kepada fungsi pengajian Melayu, yang relevan, berciri global dan mempunyai cakupan yang merentas sempadan disiplin. Bidang pengajian Melayu juga mesti dilengkapkan dengan rangkaian sumbangan yang jelas dan terlihat kepada bangsa dan negara. Sesungguhnya kita kini berada pada zaman yang sarat dengan cabaran. Zaman dengan pelbagai persimpangan yang menuntut kita membuat keputusan yang bukan sahaja betul, tetapi radikal, kritikal dan strategik. Pada hari ini, kita mengharapkan akan tampil lebih ramai pemikir Melayu, bijak pandai Melayu dan pemimpin Melayu, yang mengutarakan idea-idea dan pemikiran besar kepada bangsa. Akhirnya, saya mengucapkan selamat berseminar kepada semua pemakalah dan para peserta. Dengan lafadz bismillahirrahmanirrahim, maka saya merasmikan Seminar Bahasa, Sastera dan Kebudayaan Melayu (SEBAHTERA) 2023.

Sekian. Assalamualaikum warohmatullah hiwabarakatuh.

PROFESOR MADYA DR. SABZALI MUSA KAHN
Dekan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

PRAKATA PENGERUSI SEBAHTERA 2023

Dengan nama Allah Maha Pengasih dan Penyayang.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT atas limpahan kurnia, taufik dan hidayah-Nya, Seminar Bahasa, Sastera dan Kebudayaan Melayu 2023 (SEBAHTERA 2023) dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Penganjuran SEBAHTERA pada tahun 2023 ini membawa satu tema yang sangat signifikan dengan dunia yang sangat dinamik. Tema Naratif Baharu Pengajian Melayu merupakan satu gagasan yang dikemukakan oleh Datuk Seri Hj Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi melalui kertas kerja pada tahun 2020, yang bertajuk Pengajian Melayu dan Masa Depan: Keperluan Membangun Naratif Baru. Menurut beliau, kini sudah tiba masanya untuk menilai semula kedudukan semasa pengajian Melayu dan membina keperluan membangunkan naratif baru sesuai dengan perkembangan dunia teknologi dan globalisasi.

Melalui gagasan tersebut, beliau ingin melihat pengajian Melayu mampu menjadi disiplin ilmu yang progresif, berdaya saing dan berupaya untuk melahirkan graduan yang sentiasa relevan dengan perubahan dunia yang begitu pantas. Oleh itu, pengajian Melayu perlu melakukan perubahan dalam pelbagai aspek bagi memulakan naratif baharu seiring dengan kemajuan sains dan teknologi. Penawaran program pengajian Melayu di universiti tempatan, merangkumi bahasa, sastera, budaya, kesenian dan sebagainya perlu dinilai semula dan diberikan nafas baharu.

Dalam Seminar SEBAHTERA 2023 ini, dua belas kertas kerja, termasuk dua pembentangan ucap tama yang telah dibentangkan oleh ahli akademik di Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya dan Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Universiti Kebangsaan Malaysia. Kertas kerja tersebut telah membahaskan tiga bidang ilmu utama pengajian Melayu, iaitu bahasa, sastera dan budaya. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga tema ini akan memperlihatkan arah tuju dan naratif baharu pengajian Melayu.

Saya secara peribadi merakamkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Akademi Pengajian Melayu dan BITARA MELAYU atas amanah yang diberikan kepada saya untuk menjayakan seminar ini. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua jawatankuasa yang memberikan komitmen dan kerjasama sepenuhnya bagi merealisasikan seminar ini. Saya bagi pihak penganjur memohon jutaan kemaafan sekiranya sepanjang seminar dan penerbitan e-prosiding ini terdapat kekurangan dan kesilapan. Saya mendoakan agar seminar SEBAHTERA terus dianjurkan pada setiap tahun.

*Tingkap papan kayu bersegi,
Sampan sakat di Pulau Angsa,
Indah tampan kerana budi,
Tinggi darjat kerana bahasa.*

DR. ABD GANING LAENGKANG
Pengerusi SEBAHTERA 2023
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

PRAKATA PENGURUSI BERSAMA SEBAHTERA 2023

Assalamualaikum Warohmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi, kerana dengan izin dan limpah perkenan-Nya, dapat kita menjayakan penganjuran Seminar Bahasa, Sastera dan Kebudayaan Melayu 2003 (SEBAHTERA 2023) pada kali ini.

Saya bagi pihak Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kedua-dua pihak, khususnya Akademi Pengajian Melayu (APM) yang menjadi tuan rumah untuk bersama-sama menganjurkan seminar antara kedua-dua institusi ini buat kali yang ke-13.

Tema penganjuran seminar kali ini ialah “Naratif Baharu Dalam Pengajian Melayu”. Sebanyak lima kertas kerja selain daripada satu kertas ucaptama telah diajukan oleh BITARA MELAYU, yang kesemuanya mengetengahkan kajian dan penyelidikan terkini; dengan aspirasi pengajian Melayu dalam penyelidikan arus perdana akan dibincangkan dalam seminar ini yang merangkumi aspek bahasa, linguistik, kesusasteraan, kesenian dan kebudayaan Melayu.

Penganjuran seminar oleh kedua-dua institusi ini sesungguhnya merupakan satu medium untuk mengukuhkan kerjasama kedua-dua pihak, seterusnya menyediakan satu ruang untuk memartabatkan dan memperkasakan bidang pengajian Melayu, khususnya dalam membincangkan tema penganjuran yang diajukan. Melalui ahli akademik kedua-dua institusi ini dapat bertukar-tukar pandangan dan juga membincangkan kerjasama dalam hal-hal berkaitan penyelidikan dan penerbitan selain merapatkan juga hubungan silaturahim ahli akademik dalam bidang pengajian Melayu.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada ahli jawatankuasa, kerana kedua-dua institusi ini yang bernaung di bawah payung SEBAHTERA dapat merealisasikan penganjuran seminar pada tahun 2023 ini seperti yang dirancang.

*Kain tenunan pelbagai jenama,
Mari dijual anak dara ayu,
Seminar SEBAHTERA dianjur bersama,
Mengangkat martabat pengajian Melayu.*

DR. ZUBIR IDRIS

Pengerusi Bersama SEBAHTERA 2023
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA Melayu),
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

SENARAI KANDUNGAN

| | | |
|----|---|-----|
| | Ucapan Alu-Aluan Dekan Akademi Pengajian Melayu | v |
| | Prakata Pengerusi SEBAHTERA 2023 | vi |
| | Prakata Pengerusi Bersama SEBAHTERA 2023 | vii |
| 1 | Naratif Baharu Pengajian Bahasa Melayu: Satu Tinjauan <i>Abd Ganing Laengkang, Akhmad Mansur, Nurul Haniza Samsudin & Nur Azimah Mohd Bukhari</i> | 1 |
| 2 | Pemanfaatan Teks Naratif Lisan Sebagai Sumber Data Analisis Bahasa Sungai <i>Kartini Abd. Wahab & Maslida Yusof</i> | 13 |
| 3 | Fungsi Leksikal Enam Teras dalam Naratif Baru Kerajaan Malaysia Madani dari Perspektif Pengajian Melayu <i>Salinah Ja'afar</i> | 24 |
| 4 | Nilai Agama Sebagai Elemen Nasionalisme Dalam Pantun Melayu <i>Zubir Idris, Muhd Norizam Jamian & Yusmilayati Yunos</i> | 36 |
| 5 | Alam Sekitar Dalam Cerpen Terpilih Penulis Sabah: Analisis Ekologi Sastera <i>Nurhamizah Hashim, Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Madiawati Mamat@Mustaffa & Norhayati Ab. Rahman</i> | 48 |
| 6 | Kesusasteraan Melayu Era Baru: Kesan Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Sastera Di Universiti <i>Che Abdullah Che Ya & Nasrun Alias</i> | 58 |
| 7 | Naratif Baharu Pengajian Melayu Kontemporari <i>Awang Azman Awang Pawi</i> | 69 |
| 8 | Orang Kuat' Masyarakat Orang Asli Lanoh, Di Perak <i>Nur Afifah Vanitha Abdullah & Saadiah Ma' Alip</i> | 80 |
| 9 | Persembahan Seni Suara Menerusi Dendangan Syair <i>Shafa'tussara Silahudin</i> | 91 |
| 10 | Pengajian Kebudayaan dan Kesenian Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (Bitara Melayu): Cabaran Di Arus Perdana <i>Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddafi Hanafiah</i> | 110 |

NARATIF BAHARU PENGAJIAN BAHASA MELAYU: SATU TINJAUAN AWAL

(NEW NARRATIVE OF MALAY LANGUAGE STUDY: A PRELIMINARY SURVEY)

Abd Ganing Laengkang
abdganing@um.edu.my

Akhmad Mansur
akhmadmansur@um.edu.my

Nurul Haniza Samsudin
haniza_85@um.edu.my

Nur Azimah Mohd Bukhari
azimah_bukhari09@um.edu.my

Jabatan Bahasa Melayu,
Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya.

ABSTRAK

Graduan program bahasa Melayu sentiasa menghadapi cabaran dalam memenuhi keperluan industri dan pasaran kerja. Kebanyakan graduan beranggapan bahawa mereka tidak dapat bersaing bagi memenuhi keperluan semasa disebabkan wujud persepsi bahawa kerjaya selepas bergraduasi hanya menjadi pendidik. Pada masa yang sama, wujud persoalan sejahtera mana kursus-kursus pengajian bahasa dan linguistik Melayu selari dengan keperluan industri. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif, iaitu kajian kepustakaan dan analisis kandungan untuk menganalisis penawaran kursus-kursus di sepuluh universiti awam berdasarkan maklumat daripada laman sesawang rasmi universiti. Dapatan kajian kepustakaan tersebut memperlihatkan kerelevan penawaran kursus berkaitan pengajian bahasa Melayu dalam dan luar negara. Tinjauan awal menunjukkan bahawa penyedia program bahasa Melayu mula mengikuti rentak perkembangan revolusi industri dengan menawarkan kursus-kursus bersifat multidisiplin antara bahasa Melayu dengan teknologi maklumat, pengurusan, sains dan teknologi. Kajian ini berupaya menjadi titik tolak kepada penawaran kursus-kursus bahasa Melayu merentas disiplin selari dengan naratif baharu pengajian Melayu yang menekankan sistem pendidikan berorientasikan ilmu dan kemahiran.

Kata kunci: naratif baharu; pengajian bahasa Melayu; teknologi maklumat; pengurusan; sains dan teknologi

ABSTRACT

Graduates of the Malay language program always face challenges in meeting the needs of the industry and the job market. Most graduates think that they cannot compete to meet the current needs due to the perception that the career after graduation is only to become an educator. At the same time, there is a question of how far the courses of Malay language and linguistics studies are in line with the industry needs. This study uses a qualitative research method, namely literature review and content analysis to analyze the course offerings at ten public universities based on information from the university websites. Based on the findings of the literature review, it shows the relevance of the course offerings related to Malay language studies in and outside the country. Preliminary observations show that the providers of the Malay language program have begun to follow the pace of the industrial revolution by offering courses that are multidisciplinary between Malay language and information technology, management, science and technology. This study is able to be a starting point for the offering of Malay language courses across disciplines in line with the new narrative of Malay studies that emphasizes the education system oriented towards knowledge and skills.

Keywords: *new narrative; Malay language studies; information technology; management; science and technology*

Pengenalan

Keperluan industri sentiasa mengalami perubahan disebabkan perubahan teknologi yang begitu pesat. Tenaga kerja perlu sentiasa berupaya menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut bagi memastikan mereka sentiasa relevan. Dalam konteks ini, universiti yang merupakan sumber tenaga kerja perlu sentiasa seiring dengan perubahan teknologi agar graduan yang dilahirkan tidak ketinggalan dengan perkembangan industri. Yuzaimee et al. (2011) menyatakan bahawa kualiti sesebuah universiti dan pengiktirafan oleh badan-badan akreditasi turut menjadi faktor yang menjamin kebolehpasaran. Pemilihan universiti juga amat berkait rapat dengan kursus yang akan diikuti oleh pelajar dan bidang kerjaya yang boleh diceburi selepas tamat pengajian. Ketepatan pemilihan kursus pengajian juga berkait rapat dengan maklumat yang diperolehi berkaitan sesuatu kerjaya. Kesilapan dalam memilih kursus pengajian dan pusat pengajian memberi impak kepada pengajian dan masa depan pelajar. Situasi ini menjadikan IPT perlu lebih berdaya saing dan membina reputasi melalui amalan tadbir urus terbaik, peningkatan budaya kerja yang cemerlang dan pemantapan sumber kewangan ke arah pencapaian autonomi khususnya IPTA.

Pengangguran dalam kalangan graduan di Malaysia bukanlah perkara baharu. Negara-negara lain seperti Filipina, Indonesia, India, Thailand, Britain dan Amerika Syarikat turut menghadapi masalah yang sama. Masura Rahmat et al. (2012) menyatakan bahawa antara punca yang menyebabkan graduan menganggur ialah lebihan graduan berbanding keperluan industri dan tidak memenuhi kriteria yang diperlukan oleh industri. Pendapat ini selari seperti yang dinyatakan oleh Muller (2018), iaitu wujud ketidakselaruan antara program pendidikan dengan kehendak pemain industri. Hal ini menyebabkan sektor pendidikan didapati gagal untuk memberikan manfaat secara keseluruhan kepada para pemain ekonomi. Kemahiran yang dimiliki oleh graduan juga tidak dibangunkan dengan sepenuhnya ketika di menara gading. Walau bagaimanapun, terdapat faktor lain yang turut menyumbang kepada isu ini seperti kestabilan politik, ekonomi dan sosial (Fazilah Mohd Othman et al., 2020). Isu ekonomi misalnya menyebabkan sesebuah negara terpaksa mengurangkan perbelanjaan dan meningkatkan pungutan cukai. Kesannya, pemain industri terpaksa mengurangkan kos yang

semakin meningkat dan mengurangkan pengambilan tenaga kerja bagi meminimumkan kos operasinya. Permintaan tenaga buruh yang semakin berkurangan telah mewujudkan lebihan penawaran tenaga buruh dalam pasaran.

Graduan pengajian bahasa, khususnya graduan bahasa Melayu, sentiasa perlu memenuhi perubahan yang berlaku dalam industri. Selain kemahiran komunikasi dan kepimpinan, ilmu pengetahuan bahasa yang ditawarkan hendaklah selari dengan perkembangan semasa agar graduan yang dilahirkan berupaya memenuhi keperluan industri. Pembelajaran bahasa Melayu di peringkat pendidikan tinggi ditawarkan oleh beberapa universiti di Malaysia seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Bidang pengajian ini menggunakan istilah Bahasa Melayu atau Linguistik Melayu. Di UPM, pengajian dalam bahasa Melayu ditawarkan oleh Jabatan Bahasa Melayu menerusi Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi melalui program Ijazah *Sarjana Muda Sastera Bahasa Melayu* dan Linguistik. Pelajar perlu melengkapkan 125 jam kredit dan pengajian mengambil masa selama tiga tahun setengah. Akademi Pengajian Melayu, UM pula menerusi Jabatan Bahasa Melayu menawarkan Sarjana Muda Pengajian Melayu melalui program *Ijazah Sarjana Bahasa Melayu Profesional*.

Penawaran kursus bahasa Melayu di universiti awam menunjukkan bahawa wujud keperluan untuk mendalami bahasa kebangsaan dan peluang pekerjaan yang luas dalam bidang ini. Walau bagaimanapun, wujud persepsi yang menyatakan bahawa bidang bahasa kurang komersial dan mudah dipelajari (Zuraini Jusoh et al., 2021). Potensi bidang bahasa dalam mewujudkan peluang pekerjaan seharusnya diberikan perhatian kerana bahasa Melayu merupakan antara bahasa yang mempunyai penutur teramai di dunia. Penutur bahasa Melayu itu sendiri meliputi empat buah negara, iaitu Selatan Thailand, Filipina, Kemboja, Sri Lanka, Afrika Selatan dan lain-lain diaspora Melayu (Takari, 2013). Bahasa Melayu juga mendukung fungsi sebagai bahasa moden seperti bahasa saintifik, bahasa budaya dan kesusastraan yang berdaya maju. Dalam konteks Malaysia, universiti awam dan swasta telah menawarkan pengajian bahasa, khususnya bahasa Melayu. Kewujudan program atau pengajian bahasa di pelbagai universiti menandakan bahawa program pengajian bahasa masih relevan dengan industri. Namun demikian, kebanyakan graduan beranggapan bahawa mereka tidak dapat bersaing memenuhi keperluan semasa disebabkan wujud persepsi bahawa kerjaya selepas bergraduasi hanya menjadi pendidik. Persoalan yang timbul ialah sejauh manakah kursus-kursus pengajian bahasa dapat mengejar perkembangan dan keperluan pasaran kerja industri yang begitu dinamik.

Berdasarkan kajian pasaran¹ yang dijalankan kepada lepasan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Melayu Profesional yang bergraduasi pada tahun 2020, seramai 26 daripada 40 responden telah menjawab soal selidik tersebut. Hasil analisis kajian pasaran tersebut menunjukkan bahawa majoriti 50% responden memilih bidang pendidikan, 57.7% responden memilih bekerja dalam sektor kerajaan dan 65.4% responden berpendapat bahawa program yang ditawarkan memenuhi sebahagian penerapan asas teori dalam bidang pekerjaan. Pada masa yang sama, 100% responden berpendapat bahawa kursus perlu dipelbagaikan untuk mengukuhkan program dan 100% responden menyatakan bahawa program ini bersesuaian dengan kehendak pasaran. Dari persepsi majikan, sebanyak 56.3% majikan berpendapat graduan mempunyai komunikasi interpersonal yang baik, 50% majikan berpendapat graduan mempunyai kemahiran teknologi maklumat yang baik dan 75% berpendapat graduan menguasai ilmu yang dipelajari dengan amat baik.

¹ Kajian pasaran oleh Jabatan Bahasa Melayu, UM apabila pelajar menyelesaikan latihan industri.

Konsep Naratif Baharu Pengajian Bahasa Melayu

Mohamed Khaled Nordin (2020) mengemukakan satu gagasan naratif baharu pengajian Melayu melalui kertas kerja beliau, *Pengajian Melayu dan Masa Depan: Keperluan Membangun Naratif Baru*. Menurut beliau, kini sudah tiba masanya kedudukan pengajian Melayu di Malaysia dinilai semula bagi membina naratif baharu untuk disesuaikan dengan perkembangan sains teknologi dan globalisasi. Tambahan lagi, terdapat tiga kedudukan atau situasi utama yang dialami pengajian Melayu, iaitu jumlah peruntukan yang diterima semakin mengecil, semakin kurang penyelidik dan pelajar yang berminat mengkaji ilmu pengajian Melayu, dan pengajian Melayu kurang berkembang dan kurang menonjol (*visibility*). Ketigatiga situasi ini menjadikan pengajian Melayu dilihat lesu, tidak berdaya saing, tidak berinovasi dan tidak mampu memenuhi keperluan perkembangan sains teknologi dan globalisasi. Oleh itu, naratif baharu pengajian Melayu yang dimaksudkan oleh beliau ialah universiti perlu mencari titik keseimbangan dan kespaduan antara disiplin ilmu sains teknologi dengan kemanusiaan agar dapat membina peradaban. Peradaban yang merangkumi ialah budaya, bahasa, seni muzik, sejarah dan kesusastraan.

Berdasarkan konsep tersebut, kajian ini memperincikan lagi konsep naratif pengajian Melayu dengan hanya melihat aspek bahasa Melayu. Secara khususnya, kajian ini mengemukakan konsep *Naratif Baharu Pengajian Bahasa Melayu*. Konsep ini merujuk kepada usaha pihak universiti untuk mencapai keselarian antara penawaran program bahasa Melayu dengan perkembangan atau kedinamikan sains dan teknologi yang berlaku dalam industri. Dengan perkataan lain, penawaran program bahasa Melayu mampu mengikuti perkembangan sains dan teknologi yang sangat pesat. Graduan yang dilahirkan melalui program bahasa sentiasa relevan dengan keperluan sains dan teknologi, dan globalisasi.

Berdasarkan tinjauan awal yang dilakukan, kebanyakan universiti telah cenderung ke arah konsep naratif baharu pengajian bahasa Melayu. Hal ini dapat dilihat melalui nama-nama program bahasa yang ditawarkan. Di Universiti Islam Antarabangsa menawarkan program *Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa*, iaitu kursus yang menggabungkan disiplin linguistik dengan kemahiran komunikasi peringkat antarabangsa. Ia bertujuan untuk melahirkan graduan yang boleh berkomunikasi silang budaya pada peringkat global, dengan menekankan penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Pengkaji merumuskan bahawa naratif baharu pengajian bahasa Melayu ialah usaha di pihak universiti untuk menawarkan program-program pengajian bahasa Melayu yang berupaya melahirkan mahasiswa yang sentiasa relevan dengan perkembangan arus globalisasi, sains dan teknologi yang berlaku dalam industri.

Pengkaji melakukan kajian tinjauan terhadap program-program bahasa, termasuk program linguistik Melayu, yang ditawarkan di universiti awam. Tinjauan dan penelitian awal dilakukan adalah untuk melihat kerelevan program-program bahasa di universiti awam dengan kedinamikan dan keperluan industri yang pesat. Dengan perkataan lain, kajian ini dilakukan adalah untuk melihat sejauh mana program-program bahasa di universiti memenuhi keperluan industri.

Metodologi Kajian

Kajian ini bersifat kualitatif, iaitu dengan melakukan tinjauan terhadap program pengajian bahasa yang ditawarkan di universiti awam. Pengkaji meneliti program-program bahasa yang diluluskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia. Setiap borang kelulusan program boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi Agensi Kelayakan Malaysia, iaitu <https://www2.mqa.gov.my/mqr/akrbyipta.cfm>. Pengkaji meneliti latar belakang dan objektif penawaran kursus untuk melihat fokus program tersebut. Oleh sebab, kajian ini bersifat

tinjauan awal, pengkaji akan menentukan kecenderungan tersebut berdasarkan makna, struktur, objektif, nama atau peluang pekerjaan yang dipaparkan. Terdapat universiti yang tidak memaparkan struktur program atau kursus-kursus yang diajarkan dalam sesuatu program bahasa seperti *Ijazah Bahasa Melayu dengan Multimedia*, boleh diertikan sebagai satu program yang cenderung kepada bahasa dan teknologi maklumat atau kandungan media. Selain itu, pengkaji turut menentukan fokus program tersebut berdasarkan objektif atau matlamat program dan peluang kerjaya. Objektif program ini berupaya untuk menggambarkan kecenderungan sesuatu program di universiti. Walau bagaimanapun, keutamaan akan diberikan kepada struktur untuk menentukan arah kecenderungan sesuatu program. Kajian ini tidak meneliti program-program bahasa dalam pendidikan kerana tujuan program tersebut sangat jelas ke arah pendidikan.

Dapatkan dan Perbincangan

Kajian ini memberikan tumpuan terhadap program-program pengajian bahasa Melayu di universiti, sama ada universiti penyelidikan atau sebaliknya. Aspek yang diteliti bagi setiap program ialah struktur program, objektif, nama atau peluang pekerjaan yang boleh diceburi. Struktur program akan diperlihatkan sama ada satu program dua major (*double major*), gabungan major dengan minor atau hanya satu major sahaja. Bagi program yang hanya satu major, nama dan objektif program boleh menunjukkan kecenderungan program tersebut sama ada ke arah bahasa dengan komunikasi, bahasa dengan teknologi, atau bahasa dengan komunikasi antarabangsa. Jadual berikut merupakan hasil tinjauan yang menunjukkan nama universiti, nama program dan struktur program, iaitu:

Jadual 1: Program Bahasa dan Fokusnya

| Bil | Nama Institusi | Nama Program | Struktur Program |
|-----|--|--|------------------|
| 1. | Universiti Utara Malaysia (UUM) | Program Sarjana Muda Sastera Linguistik dan Teknologi Maklumat | Major + Major |
| 2. | Universiti Sains Malaysia (USM) | SM Linguistik Bahasa Melayu | Major + Minor |
| 3. | Universiti Malaya (UM) (2017) | SM Bahasa Melayu Profesional | Major |
| 4. | Universiti Putra Malaysia (UPM) | Bachelor Sastera (Bahasa Melayu) | Major |
| 5. | Universiti Teknologi MARA (UiTM) | SM Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Melayu Komunikasi Profesional | Major |
| 6. | Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) | SM Bahasa Melayu Kontemporari Dengan Media Interaktif (Kepujian). | Major |
| 7. | Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) | Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Pengajian Bahasa Melayu). | Major |
| 8. | Universiti Islam A/bangsa Malaysia (UIAM) | SM Sastera dalam Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa | Major |
| 9. | Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) | SM Sains Sosial (Bahasa dan Komunikasi Silang Budaya) | Major |
| 10 | Universiti Malaysia Sarawak . | Ijazah Sarjana Muda Sastera (Linguistik) Dengan Kepujian | Major |

Berdasarkan Jadual 1, menunjukkan terdapat sepuluh universiti yang mempunyai kriteria seperti yang ditetapkan. Universiti tersebut ialah UUM, USM, UM, UPM, UiTM, Unisza, UKM, UIAM, UPNM, dan UNIMAS. Berdasarkan Jadual 1, dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hanya satu program terdiri daripada dua major, iaitu Program Sarjana Muda Sastera Linguistik dan Teknologi Maklumat, UUM.

Universiti Utara Malaysia (UUM)

Universiti Utara Malaysia (UUM) menawarkan program *SM Sastera Linguistik dan Teknologi Maklumat* bagi melahirkan graduan yang mempunyai pelbagai disiplin ilmu. Program ini ditawarkan secara dua major, iaitu gabungan penguasaan ilmu bahasa dan teknologi maklumat. Tempoh pengajian adalah selama 4 tahun, dengan jumlah 150 jam kredit. Gabungan dua bidang pengajian ini berupaya melahirkan graduan yang sentiasa relevan dengan perkembangan industri. Dalam konteks bahasa, program ini diharapkan dapat melahirkan graduan yang mahir untuk menghasilkan produk bahasa yang kreatif dan inovatif. Selain itu, program ini melibatkan kemahiran komunikasi interpersonal, komunikasi digital, keusahawanan dan berkepimpinan. Selain penguasaan ilmu bahasa, program ini melibatkan kursus pengkomputeran, kepintaran buatan, sistem pangkalan data, matematik untuk teknologi maklumat dan sebagainya.

Program ini amat menarik kerana ia boleh memenuhi keperluan pelbagai bidang pekerjaan. Berdasarkan tinjauan, program ini boleh memasuki bidang pekerjaan industri pembangunan perisian dan pengkomputeran, perbankan, penerbitan, telekomunikasi, penyiaran, pengiklanan. Dalam perbankan, graduan dalam bidang ini boleh menjadi pengurus pembangunan aplikasi, pegawai IT bahagian unit keselamatan, unit pengurusan storan, unit aplikasi, unit pengaturcaraan, unit multimedia dan unit kreatif/grafik), juruaudit IT, penganalisis forensik data, dan sebagainya. Pengkaji merumuskan bahawa UUM telah memulakan satu naratif baharu pengajian bahasa, khususnya sastera dan bahasa Melayu yang digandingkan dengan bidang industri terkini.

Universiti Sains Malaysia (USM)

Program Linguistik Bahasa Melayu yang ditawarkan di bawah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK) secara major dengan minor. Program ini memberi tumpuan terhadap bidang linguistik bahasa dan dialek Melayu. Selain itu, program ini menekankan aspek teoretis dan penerapan teori linguistik dalam subbidang linguistik, iaitu data bahasa seperti linguistik umum, fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, wacana, pragmatik, psikolinguistik dan sosiolinguistik. Oleh sebab program ini juga bersifat gabungan major dengan minor, maka para pelajar boleh memilih dua bidang pengajian yang berlainan, seperti bidang sejarah, komunikasi, dan sebagainya. Hal ini memberikan peluang yang luas kepada pelajar untuk memilih bidang yang diminati.

Universiti Malaya (UM)

Secara umumnya, program bahasa Melayu di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya turut telah memulakan naratif baharunya pada tahun 2017² apabila nama program *Sarjana Muda Pengajian Melayu (Bahasa Melayu) dengan Kepujian* ditukar kepada *Sarjana Muda Bahasa Melayu Profesional*. Program ditawarkan secara major tanpa minor, dengan bilangan jam kredit sebanyak 128 jam kredit. Selain untuk membezakan program Bahasa Melayu

² <https://www2.mqa.gov.my/mqr/iptaKPLListAA.cfm?IDAkrIPTS=251>

dengan Sarjana Linguistik Melayu di Akademi Pengajian, pengkaji mendapati perubahan tersebut merupakan naratif baharu kerana program tanpa minor yang selaras dengan keperluan industri. Dengan kata lain, Program Bahasa Melayu melakukan perubahan dengan berusaha meluaskan bidang pengajian bahasa kepada bidang lain.

Berdasarkan Lampiran 1 (rujuk lampiran pada muka surat 11), sebanyak 26 kursus teras program bahasa Melayu, tujuh daripada kursus tersebut ke arah industri, iaitu bidang komunikasi dan multimedia. Tujuh kursus tersebut ialah *Bahasa dalam Komunikasi Interpersonal*, *Bahasa dalam Komunikasi Korporat*, *Bahasa Melayu dalam Penyiaran dan Kewartawanan*, *Animasi Kreatif Bahasa Melayu*, *Pembangunan Perisian Kursus Bahasa Melayu*, *Bahasa Melayu dalam Sinematografi*, dan *Bahasa Melayu dan Multimedia*. Bidang komunikasi dan multimedia dilihat dalam kerangka ilmu bahasa. Misalnya, kursus *Bahasa Melayu dalam Sinematografi* (industri perfileman) berkaitan dengan cara penulisan kertas cadangan penerbitan filem dan penulisan skrip. Tanpa penguasaan bahasa yang baik, penulisan perancangan penerbitan filem atau kualiti skrip filem akan menemui kegagalan. Kesemua kursus ini melahirkan graduan yang boleh memenuhi pasaran kerja yang bersifat profesional.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Buku Panduan Prasiswa Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, sesi akademik 2021/2022 memperlihatkan struktur Program Pengajian Bahasa Melayu. Program ini diwujudkan secara major dengan bilangan 121 jam kredit. Program ini mengadunca ilmu teras dan aplikasi dalam kajian linguistik bagi melahirkan pakar linguistik yang berfikiran kreatif, inovatif, dan daya tahan kemelayuan yang tinggi. Buku Panduan Prasiswa Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan tersebut telah menyenaraikan 23 kursus teras. Pengkaji mendapati hanya satu kursus yang cenderung ke arah komunikasi kreatif (industri kreatif), iaitu kursus *Penulisan Kreatif*. Kursus ini berkaitan dengan penulisan puisi, cerpen, novel, dan drama. Pengkaji merumuskan bahawa Program Pengajian Bahasa Melayu di UKM masih mengekalkan matlamat untuk melahirkan pakar dalam kajian linguistik Melayu.

Universiti Putra Malaysia (UPM)

UPM menawarkan *Program Bacelor Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu dengan Kepujian*³ sejak 1995. Program ini diwujudkan secara major tanpa minor, dengan jumlah 125 jam kredit. Berdasarkan senarai kursus teras yang ditunjukkan dalam Lampiran 1, pengkaji mendapati empat daripada kursus teras program berfokus kepada bidang komunikasi awam, multimedia dan seni kreatif. Empat subjek tersebut ialah Keterampilan Berbahasa Melayu, *Pengucapan Awam*, *Multimedia dalam Bahasa dan Penglahiran Bakat Kreatif*. Berikut merupakan inti objektif program bahasa Melayu di UPM⁴, iaitu:

Meningkatkan penguasaan bidang bahasa dan linguistik Melayu dengan memberikan penekanan kepada kearifan Melayu mencakupi aspek bahasa dan budaya Melayu dengan disokong oleh penerapan aspek teknologi, keusahawanan dan kemahiran insaniah. Mempelbagaikan disiplin termasuk bidang bahasa dan penterjemahan, bahasa dan penerbitan, serta bahasa dan terapi kebahasaan; Meningkatkan keupayaan panca bahasa selari dengan keperluan semasa serta arus globalisasi.

³ Nama yang dipaparkan dalam laman sesawang Agensi Kelayakan Malaysia *Bacelor Bahasa Melayu*.

⁴ Sumber daripada laman sesawang rasmi UPM.

Selain penguasaan bahasa, program ini memberi peluang pekerjaan yang lebih cenderung ke arah pekerjaan industri kebahasaan dan pengurusan, seperti pegawai dan penyelidik bahasa, penyuntingan, penulisan, penerbit, kewartawanan, pengiklanan, perundingan serta pengurusan, pentadbiran sektor awam dan swasta. Oleh itu, pengkaji merumuskan bahawa program bahasa Melayu di UPM menekankan aspek bahasa dan komunikasi sesuai dengan perkembangan semasa.

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

UNIMAS menawarkan *Program Ijazah Sarjana Muda Sastera (Linguistik) Dengan Kepujian*. Program ini diwujudkan secara major sahaja dengan jumlah 121 jam kredit. Daripada jumlah jam kredit tersebut, 64 jam kredit ialah kursus teras program. Objektif program ini adalah untuk melahirkan graduan berpengetahuan, berwibawa dan bersifat profesional dalam mempraktikkan ilmu linguistik. Selain itu, ia juga bertujuan untuk melahirkan graduan boleh berkomunikasi dengan baik dan dapat menyelesaikan masalah dan sebagainya. Berdasarkan senarai kursus teras yang disenaraikan dalam Lampiran 1, pengkaji mendapati hanya dua kursus yang berkaitan dengan bidang lain, iaitu *Bahasa dan Pengkomputeran* dan *Linguistik komunikasi*.

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

UiTM turut menawarkan kursus yang cenderung ke arah komunikasi dengan memperkenalkan program *Sarjana muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Melayu Komunikasi Profesional*. Program ini diakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia pada 5 April 2018 dengan bilangan kredit sebanyak 120 jam. Hal ini berdasarkan objektif kursus yang dipaparkan dalam laman sesawang universiti tersebut, iaitu seperti berikut:

Dirangka untuk melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran komunikasi, cekap berbahasa khususnya bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dengan berlatarkan belakang pengetahuan tentang linguistik gunaan, teknologi, kemahiran berfikir, keusahawanan dan pengurusan organisasi.⁵

Berdasarkan objektif di atas, kajian merumuskan bahawa program tersebut bertujuan untuk melahirkan graduan yang cekap dengan dua bahasa, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, berpengetahuan dalam ilmu bahasa, teknologi terkini, dan pengurusan dalam organisasi. Dengan perkataan lain, program bahasa di UiTM cenderung ke arah bidang profesional, iaitu sama dengan program bahasa Melayu di Akademi Pengajian Melayu, UM. Namun demikian, program bahasa di UiTM mengatakan dengan jelas kemahiran dua bahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza)

Unisza menawarkan *Sarjana Muda Bahasa Melayu Kontemporari Dengan Media Interaktif*.⁶ Program ini lebih ke arah media digital interaktif, iaitu penghasilan kandung media seperti animasi, rakaman video, permainan video dan sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa program ini lebih cenderung kepada media kreatif. Ia selari dengan objektif program yang dipaparkan dalam laman sesawang rasmi, iaitu seperti berikut:

⁵ Sumber: Laman sesawang rasmi UiTM.

⁶ https://fbk.unisza.edu.my/index.php?option=com_quix&view=page&id=2&Itemid=783

Program ini menawarkan pembelajaran bahasa Melayu secara komprehensif dan kontemporari dengan mengaplikasikan media digital interaktif. Penerapan elemen ini berupaya menyediakan pelajar yang mampu mendepani cabaran semasa⁷.

Gabungan bahasa Melayu dengan media interaktif membawa maksud penggunaan bahasa Melayu dalam penghasilan kandungan media kreatif. Berdasarkan peluang pekerjaan yang dipaparkan, pengkaji mendapati empat daripada lapan pekerjaan lebih tertumpu pada media kreatif, iaitu editor, animator, artis grafik, dan penulis kreatif. Empat peluang pekerjaan yang lain ialah wartawan, pegawai pengurusan, pegawai penerangan, guru bahasa. Berdasarkan objektif dan peluang pekerjaan yang dipaparkan, pengkaji merumuskan bahawa Unisza telah melakar naratif baharu pengajian bahasa Melayu sesuai dengan keperluan semasa.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

UIAM menawarkan *Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa*.⁸ Secara umumnya, program ini diwujudkan dengan major dengan minor. Program ini menekankan kemahiran dua bahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Hal ini selari dengan tujuan penggubalan program, iaitu untuk melahirkan graduan yang mempunyai tahap kecekapan komunikatif yang tinggi dalam bahasa Melayu dan kesedaran silang budaya untuk komunikasi global. Program ini amat unik berbanding dengan program lain kerana berusaha melahirkan graduan yang beroleh berkomunikasi pada peringkat antarabangsa. Hal ini merupakan satu naratif baharu atau merupakan dimensi baharu dalam pengajian bahasa kerana ia mengangkat nilai graduan pada peringkat global.

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Kursus yang ditawarkan di UPNM juga amat menarik kerana menekankan aspek bahasa dan komunikasi silang budaya. Kursus tersebut terdiri daripada 60 jam kredit subjek teras program dan pelajar perlu melengkapkan 120 jam kredit untuk bergraduasi. Kursus ini bertujuan untuk melahirkan pelajar memimpin, boleh berkomunikasi berkesan dan mempunyai sikap yang bertanggungjawab. Selain itu, program ini diwujudkan bagi melahirkan pelajar yang menghormati pelbagai kaum dan bahasa dan boleh menyelesaikan konflik dengan lebih berkesan. Dari segi peluang pekerjaan, universiti ini menyenaraikan tujuh pekerjaan utama, iaitu pegawai tadbir diplomatik, pegawai tadbir, pegawai perhubungan korporat, pegawai khidmat masyarakat, pengurus acara dan sebagainya. Pengkaji merumuskan bahawa UPNM telah melakar naratif baharu kerana menekankan aspek silang budaya dalam pengajian bahasa.

Kesimpulan

Kajian ini mengemukakan konsep Naratif Baharu Pengajian Bahasa Melayu. Konsep ini bermaksud usaha pihak universiti untuk mencapai keselarian antara penawaran program bahasa Melayu dengan perkembangan atau kedinamikan sains dan teknologi yang berlaku dalam industri. Berdasarkan tinjauan awal, kajian ini mendapati pelbagai struktur program dan objektif bagi memenuhi keperluan dan perubahan industri. Penawaran program dua major merupakan usaha yang sangat penting, iaitu bagi melahirkan mahasiswa yang sentiasa relevan

⁷ Laman sesawang rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin

⁸ Pengkaji tidak dapat mengakses maklumat tentang struktur program. Oleh itu,uraian berdasarkan nama dan objektif program yang dipaparkan dalam laman sesawang rasmi.

dengan kedinamikan industri. Universiti yang perlu meluaskan bidang bahasa kepada bidang lain agar sentiasa relevan dengan perubahan semasa. Antara bidang yang relevan sepanjang masa ialah *Program Bahasa Dakwah dalam Media Interaktif*.

Biodata

Abd Ganing Laengkang, Akhmad Mansur, Nurul Haniza Samsudin, dan Nur Azimah Mohd Bukhari merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Rujukan

- Fazilah Mohd Othman & Rozita Abdul Mutalib. (2020, November 25-24). *Perspektif mahasiswa terhadap faktor pengangguran siswazah di Malaysia* [Pembentangan kertas kerja]. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020), Kolej Universiti Islam Selangor, Selangor, Malaysia. http://conference.kuis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak2020/059_ID166_Perspektif_Mahasiswa_Terhadap_Faktor_Pengangguran_Siswazah.pdf
- Masura Rahmat, Kamsuriah Ahmad, Sufian Idris, & Noor Faridatul Zainal (2012). Relationship between employability and graduates' skills. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 59, 591–597. 10.1016/j.sbspro.2012.09.318.
- Müller J. M., Buliga O., & Voigt K.I. (2018). Fortune favors the prepared: How SMEs approach business model innovations in Industry 4.0'. *Technological Forecasting and Social Change*, 132, 2-17
- Takari, M. (2013). *Melayu: Dari lingua franca ke cultura franca*. https://www.researchgate.net/profile/Muhammad_Takari/publication/256730080_ME_LAYU_DARI_LINGUA_FRANCA KE_CULTURA_FRANCA/links/00b7d523afa75aae10000_000.pdf
- Yuzainee, A. R., Fadhilah, B., & Faridah. (2011). Faktor yang mempengaruhi pelajar dalam memilih universiti: Kajian kes. *Prosiding Ist International Symposium on Conducive Learning Environment for Smart School*, 134-147.
- Zuraini Jusoh, Rozita Radhiah Said, & Norazlina Hj. Mohd Kiram . (2021). Career awareness in the study of Malay language program. *International Journal of Language Education*, 5(2), 89-101. <https://doi.org/10.26858/ijole.v5i2.16357>

Lampiran 1: Nama Institusi, Struktur Program dan Bidang

UNIVERSITI MALAYA
Sarjana Muda Bahasa Melayu Profesional

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
Bacelor Sastera (Bahasa Melayu, Sesi 2022/2023)

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
(Program Pengajian Bahasa Melayu)

A. ILMU TERAS BAHASA

1. Bahasa Melayu Tinggi
2. Tatabahasa Bahasa Melayu
3. Laras Bahasa Melayu
4. Sistem Ejaan Jawi
5. Semantik Leksikal Bahasa Melayu
6. BM dalam Periklanan dan Perdagangan
7. Analisis Wacana Bahasa Melayu
8. BM, Masyarakat dan Media Sosial
9. Retorik Bahasa Melayu
10. Analisis Bezaan dan Analisis Kesilapan BM
11. Stilistik Bahasa Melayu 3
12. Penulisan Bahasa Melayu Profesional
13. Penterjemahan Bahasa Melayu
14. Terminologi dalam Perancangan BM
15. Perkembangan, Pemerolehan B. kanak-kanak
16. Kertas Projek
17. Penerbitan dan Penyuntingan Teks BM
18. Leksikografi Bahasa Melayu
19. Pembelajaran dan penguasaan Bahasa Melayu

B. KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

20. Bahasa dalam Komunikasi Interpersonal
21. Bahasa dalam Komunikasi Korporat
22. BM dalam Penyiaran dan Kewartawanan
23. Animasi Kreatif Bahasa Melayu
24. Pembangunan Perisian Kursus BM
25. Bahasa Melayu dalam Sinematografi
26. Bahasa Melayu dan Multimedia

A. ILMU TERAS BAHASA

1. Pengantar Linguistik Am
2. Penulisan Akademik
3. Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu
4. Bahasa Melayu Tinggi
5. Pengantar Sosiolinguistik
6. Nahu Melayu
7. Pengantar Psikolinguistik
8. Semantik
9. Kaedah Penyelidikan BM
10. Pengantar Stilistik/
11. Pengantar Penterjemahan
12. Sistem Tulisan Jawi
13. Disertasi Bacelor

A. KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

14. Keterampilan Berbahasa Melayu
15. Pengucapan Awam
16. Multimedia dalam Bahasa
17. Penglahiran Bakat Kreatif

A. ILMU TERAS BAHASA

1. Pengantar Pengajian Melayu
2. Pengantar Kajian Bahasa Melayu (CITRA)
3. Fonetik Bahasa Melayu
4. Fonologi Bahasa Melayu
5. Morfologi Bahasa Melayu
6. Sintaksis Bahasa Melayu
7. Metodologi Penyelidikan
8. Budaya Popular
9. Dialektologi Bahasa Melayu
10. Pengeditan Teks Bahasa Melayu
11. Analisis Wacana Bahasa Melayu
12. Sosiolinguistik Bahasa Melayu
13. Semantik Bahasa Melayu
14. Latihan Industri
15. Linguistik Sejarah Bahasa Melayu
16. Psikolinguistik Bahasa Melayu
17. Falsafah Bahasa
18. Pragmatik Bahasa Melayu
19. Sejarah Bahasa Melayu
20. Leksikografi Bahasa Melayu
21. Latihan Ilmiah
22. Sintaksis Bahasa Melayu Lanjutan

B. KOMUNIKASI MEDIA

23. Penulisan Kreatif (Puisi, cerpen, novel, drama)

A. ILMU TERAS BAHASA (PENGKHUSUSAN)

1. Pengantar Bahasa Melayu
2. Fonetik Bahasa Melayu
3. Fonologi Bahasa Melayu
4. Morfologi Bahasa Melayu
5. Sintaksis Bahasa Melayu
6. Sejarah Perkembangan Linguistik Bahasa Melayu
7. Sosiolinguistik
8. Semantik
9. Pragmatik
10. Linguistik Sejarah dan Perbandingan Bahasa Austronesia
11. Analisis Wacana
12. Psikolinguistik
13. Komunikasi Lisan dalam Bahasa Melayu
14. Literasi Komputer dalam Bidang Linguistik
15. Penulisan Ilmiah
16. Kaedah dalam Penyelidikan Linguistik
17. Linguistik Korpus

A. ILMU TERAS BAHASA

1. Pengantar Linguistik
2. Fonetik
3. Fonologi
4. Pengantar Falsafah Bahasa
5. Variasi bahasa
6. Dialek Melayu Sarawak Peringkat (Iban, Melanau, Bidayuh)
7. Pengantar Linguistik Antropologi
8. Morfologi
9. Dialektologi
10. Semantik
11. Bahasa Melayu
12. Sosiolinguistik
13. Psikolinguistik
14. Metodologi Penyelidikan
15. Analisis wacana
16. Pragmatik
17. Sintaksis
18. Leksikografi
19. Linguistik sejarah
20. Projek Tahun Akhir 2
21. Linguistik dan Terjemahan
22. Kesusasteraan Borneo Kalimantan

B. KOMPUTER DAN KOMUNIKASI

23. Bahasa dan Pengkomputeran
24. Linguistik komunikasi

PEMANFAATAN TEKS NARATIF LISAN SEBAGAI SUMBER DATA ANALISIS BAHASA SUNGAI

*(THE USE OF ORAL NARRATIVE TEXTS AS SOURCE OF DATA ANALYSIS
OF SUNGAI LANGUAGE)*

Kartini Abd. Wahab
kartini@ukm.edu.my

Maslida Yusof
maslida@ukm.edu.my

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

ABSTRAK

Huraian terdahulu tentang bahasa Sungai tertumpu pada penerbitan kamus bergambar dan buku asas belajar bahasa Sungai. Dengan kata lain, pendeskripsian sistem linguistik bahasa Sungai yang berdasarkan sumber data natural masih kurang, khasnya yang menggunakan teks naratif lisan. Teks naratif lisan, selain menjadi warisan budaya masyarakat peribumi, ia merupakan sumber data penting yang dapat dimanfaatkan untuk menganalisis ciri-ciri linguistik sesebuah bahasa dengan lebih natural. Sehubungan itu, satu kajian dijalankan untuk menganalisis ciri-ciri linguistik bahasa Sungai dengan bersumberkan teks naratif lisan. Kajian lapangan dijalankan di kampung Sungai Lokan, Kinabatangan. Data dikutip menerusi kaedah rakaman beberapa cerita naratif lisan yang melibatkan penutur natif berlandaskan kriteria NORM. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa Sungai mempunyai urutan kata S-K-O dalam ayat dasarnya. Seterusnya, bahasa Sungai mempunyai 14 bentuk kata ganti nama diri yang kehadirannya ditentukan di posisi subjek mahupun objek dalam ayat. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa bahasa Sungai mempunyai sistem kata ganti nama tunjuk yang ditentukan oleh jarak ruang fizikal dan masa antara penutur dan pendengar tentang orang, benda atau perkara yang dirujuk. Implikasi kajian menjelaskan bahawa menerusi pemanfaatan ke atas teks naratif lisan, ciri-ciri linguistik bahasa Sungai sebagai bahasa Austronesia dapat dianalisis dan diketengahkan dengan lebih berpada. Kajian ini diharap menyumbang kepada penelitian lanjut tentang bahasa-bahasa peribumi di Sabah dengan bersumberkan teks naratif lisan.

Kata kunci: bahasa Sungai; Austronesia; Kinabatangan; linguistik; teks naratif lisan

ABSTRACT

Previous studies on the Sungai language has focused on the publication of picture dictionaries and basic books on learning the Sungai language. In other words, the description of the linguistic system of the Sungai language based on natural data sources is still lacking, especially those that use oral narrative texts. In addition to being the cultural heritage of indigenous communities, oral natives texts are an important source of data that can be used to analyze the linguistic characteristics of a language in a more natural way. In this regard, a study was conducted to analyze the linguistic features of the Sungai language based on oral narrative texts. Field research was conducted in Sungai Lokan village, Kinabatangan. Data was collected through the method of recording several oral narrative stories involving native speakers based on NORM criteria. The results of the study show that the Sungai language has a SVO words order in the basic sentence. Next, the Sungai language has 14 forms of personal pronouns whose presence is determined in the subject or object position in the sentence. The results of the study also show that the Sungai language has a demonstrative pronoun which determined by the physical space and time distance between the speaker and the listener regarding the person, object or thing being referred to. The implication of this study is that through the use of natural oral narrative texts, the linguistic features of Sungai language as a Austronesian language can be analyzed and presented more adequacy. This study is expected to contribute to further research on indigenous languages in Sabah by sourcing oral narrative texts.

Keywords: Sungai language; Austronesian; Kinabatangan; linguistics; oral narrative texts

Pengenalan

Sabah yang dikenali juga sebagai Negeri Di Bawah Bayu, bukan sahaja terkenal dengan keindahan alam semula jadinya, malah unik dengan kepelbagaian kaum dan adat resamnya. Menurut catatan King & King (1984), terdapat kira-kira 55 buah kumpulan etnolinguistik di Sabah, yang mana 32 daripadanya ialah etnik peribumi yang merupakan kumpulan penutur rumpun bahasa Austronesia. Walau bagaimanapun, jumlah sebenar bahasa peribumi di Sabah belum dapat dimuktamadkan, memandangkan pengklasifikasiannya sebelum ini berdasarkan sosiopolitik, pensejarahan, linguistik, etnologi, geografi dan sosiologi. Dari segi linguistik, Asmah Omar (2004), mengklasifikasikan bahasa peribumi di Sabah ke dalam rumpun Austronesia yang terdiri daripada kelompok (i) Dusunik, (ii) Murutik, (iii) Paintanik, (iv) Bajau-Sama dan (v) Melayik. Abdul Hamid Ahmad (1993) pula membahagikan bahasa peribumi di Sabah kepada kelompok (i) bahasa Dusun, (ii) bahasa Murut, (iii) bahasa Bajau, (iv) bahasa Paitan dan (v) bahasa Tidung. Pemerian terdahulu menyatakan bahawa bahasa Sungai adalah subdialek dalam kelompok Dusunik dan Paitanik. Miller (1981) pula menyatakan bahasa Orang Sungai terbahagi kepada enam subkeluarga, iaitu Sungai, Tambunan, Lingkabau, Lobu, Hulu Kinabatangan, Abai dan Segama. Walau bagaimanapun, kelompok penutur bahasa Sungai, iaitu orang Sungai secara umumnya menganggap diri mereka sebagai kaum yang tersendiri, dan bukannya sebahagian daripada kelompok masyarakat Dusun, Kadazan mahupun Paitan. Hal ini bukanlah sesuatu yang asing di Sabah kerana setiap kaum pastinya mempunyai rasa bangga dengan identiti masing-masing. Yang pastinya, kepelbagaian bahasa peribumi di Sabah menjadi lambang jati diri kepada setiap

penuturnya dan berfungsi sebagai alat pengembangan kebudayaan suku kaum masing-masing. Sehubungan itu, kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan salah satu bahasa peribumi di Sabah, iaitu bahasa Sungai.

Sorotan Literatur

Bahasa Sungai tergolong dalam rumpun bahasa Austronesia yang dituturkan oleh suku kaum Orang Sungai yang lazimnya menetap di beberapa lembangan sungai di bahagian Timur Sabah. Istilah Orang Sungai (*The River People*), diberikan oleh Sir William Pryer sewaktu beliau terserempak dengan masyarakat peribumi yang menetap di pesisir Sungai Kinabatangan, sewaktu lawatannya pada tahun 1881. Selain Kinabatangan, daerah Beluran, Pitas dan Paitan juga merupakan antara kawasan utama yang didiami oleh Orang Sungai. Memandangkan daerah-daerah ini meliputi kawasan yang luas, bahasa Sungai dan penuturnya lazimnya dilabelkan mengikut kawasan geografi. Sebagai contoh di daerah Kinabatangan, perbezaan variasi boleh ditemukan dari segi fonologi, intonasi dan kosa kata antara bahasa Sungai yang dituturkan di kawasan hulu Sungai Kinabatangan, Kinabatangan Tengah dan Hilir Kinabatangan. Malah, di daerah ini juga Orang Sungai terbahagi kepada beberapa sub etnik, misalnya Idahan, Makiang, Sukang, Sugud, Abai dan lain-lain, berdasarkan kawasan petempatan kumpulan sub etnik tersebut. Sebagaimana pandangan King (1984), bahasa Sungai mempunyai tatanama yang rumit, memandangkan nama etniknya banyak berdasarkan kawasan kampung, linguistik dan sosiologi.

Berdasarkan tinjauan literatur, perbincangan terdahulu tentang bahasa Sungai didapati tertumpu kepada pendokumentasian bahasa Sungai oleh beberapa institusi luar dan dalam negara. Dalam hal ini, institusi seperti Summer Institute of Linguistics (SIL), Jabatan Muzium dan Arkib Negeri Sabah serta Lembaga Kebudayaan, Belia dan Sukan negeri Sabah, telah bekerjasama dalam mendokumentasikan bahasa Sungai. Usaha terawal melibatkan pendokumentasian bahasa Sungai Tambunuwo yang dituturkan di kawasan Labuk-Sugut dalam daerah Beluran, Sabah, menerusi penyusunan daftar kata bahasa Sungai yang diusahakan oleh John Wayne King & Julie K. pada tahun 1992. Kedua-dua peneliti ini juga telah menyusun buku asas belajar bahasa Sungai menerusi buku *Sungai Language Lesson* (1985). Buku ini mengandungi panduan asas sebutan perkataan dalam bahasa Sungai, contoh-contoh dialog mudah berkaitan aktiviti sehari-hari masyarakat Orang Sungai serta glosari bahasa Sungai. Selain itu, John Wayne King & Julie K. juga telah mengumpul cerita rakyat Sungai Tombunuwo (*Sungai Tombunuwo Folk Tales*), menerusi kerjasama dengan Muzium Sabah pada tahun 1990. Daftar kata bahasa Sungai Paitan pula pernah diusahakan oleh Sitti Rahmah G. Hj. Ibrahim yang diterbitkan dalam bentuk buku pada tahun 2015 oleh DBP cawangan Sabah. Daftar kata ini mengandungi 2753 entri bahasa Sungai yang dituturkan di kampung Kolapis dalam daerah Beluran. Seterusnya penguraian aspek fonologi dan fonemik bahasa Sungai pula pernah dihasilkan oleh Abdul Hamid Ahmad (1993), dengan tumpuan kepada dialek bahasa Sungai yang dituturkan oleh Orang Sungai di daerah Pitas.

Berdasarkan hasil tinjauan lepas, dapat dirumuskan tiga perkara yang mendorong penyelidikan ke atas bahasa Sungai dilakukan. Pertama, penelitian tentang bahasa Sungai setakat ini lebih tertumpu kepada penyusunan daftar kata bahasa Sungai, penerbitan buku belajar bahasa Sungai yang bersifat asas serta huraihan tentang aspek fonologi dan fonemik bahasa Sungai. Dengan kata lain, penguraian tentang sistem sintaksis dan morfologi bahasa Sungai didapati masih kurang dilakukan. Kedua, penguraian tentang bahasa Sungai yang


terdahulu menumpukan bahasa Sungai yang dituturkan di kawasan daerah Labuk-Sugut, Paitan, Pitas dan Beluran. Sebaliknya penelitian tentang bahasa Sungai yang dituturkan di daerah Kinabatangan, iaitu daerah majoriti Orang Sungai di Sabah, masih belum ada dilakukan dalam kajian terdahulu. Ketiga, penelitian terdahulu tentang bahasa Sungai menggunakan metode pengumpulan data secara temu bual dan rakaman data bahasa Sungai secara per se. Dengan kata lain, pengumpulan data bahasa Sungai yang menggunakan data rakaman teks naratif lisan belum dimanfaatkan setakat ini.

Sintaksis adalah komponen penting dalam pendeskripsian sesebuah bahasa kerana menerusinya ciri-ciri unik struktur sesebuah bahasa tersebut dapat dikenal pasti. Selain itu, penelitian ke atas bahasa Sungai juga seharusnya tidak mengecualikan daerah yang lain, khususnya daerah Kinabatangan yang merupakan kawasan terbesar suku kaum Orang Sungai dan merupakan lembangan sungai utama di negeri Sabah. Selanjutnya, pendeskripsian bahasa Sungai juga seharusnya memanfaatkan teks naratif lisan seperti cerita rakyat, cerita asal usul atau cerita legenda kerana menerusi teknik penceritaan lisan, lebih banyak ciri-ciri linguistik sesebuah bahasa dapat dikenal pasti secara lebih natural penggunaannya dalam ayat. Justeru, bertitik tolak daripada hal tersebut, maka satu penyelidikan dijalankan untuk menghuraikan beberapa aspek sintaksis bahasa Sungai di daerah Kinabatangan, dengan memanfaatkan teks naratif lisan sebagai sumber data analisis.

Metodologi Kajian

Pengumpulan data bahasa Sungai untuk kajian ini melibatkan kajian lapangan di petempatan Orang Sungai di daerah Kinabatangan Sabah, iaitu di Kampung Sungai Lokan. Kampung Sungai Lokan terletak di pertengahan lembangan Sungai Kinabatangan. Lokasi kampung ini jaraknya kira-kira 97 km daripada bandar Sandakan dan merupakan salah satu kampung yang terpencil di mukim Bukit Garam. Dari segi infrastruktur, kampung ini boleh diakses dengan jalan raya separuh berturap, jalan ladang kelapa sawit dan juga melalui jalan air iaitu sungai Kinabatangan. Kampung Sungai Lokan belum mempunyai sistem paip air berpusat (bermeter), namun mempunyai kemudahan elektrik. Bekalan air penduduk kampung adalah bersumberkan tадahan air hujan mahupun sungai yang berdekatan. Terdapat satu sekolah rendah (SK. Sungai Lokan), satu surau dan dewan kampung yang kecil serta jeti di kampung ini. Anggaran jumlah penduduk kampung ini adalah sekitar 300 orang dan majoritinya beragama Islam. Antara aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh penduduk kampung ialah bekerja di ladang kelapa sawit yang berhampiran, bekerja sendiri misalnya berkebun, menangkap/memancing ikan di sungai berdekatan dan menanam kelapa sawit secara kecil-kecilan di tanah milik sendiri. Anak-anak muda di kampung ini kebanyakannya berhijrah dan bekerja di pekan Bukit Garam, yang mempunyai lebih banyak kemudahan fizikal.

Untuk tujuan pengumpulan sumber data bahasa Sungai, pengkaji telah memilih seorang informan (umur 60 tahun) yang merupakan penduduk kampung Sungai Lokan yang memenuhi kriteria NORM (*non-mobile, old, rural males*). Pengumpulan data melibatkan teknik temu bual, teknik cerita, perakaman dan catatan. Sumber data bahasa Sungai yang diperoleh menerusi rakaman teks naratif lisan, ditranskripsikan kepada tulisan rumi dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, dengan bantuan seorang penutur natif bahasa Sungai yang memenuhi kriteria NORM. Berdasarkan ketiga-tiga teks naratif lisan tersebut, pengkaji mengenal pasti dan menganalisis beberapa ciri linguistik bahasa Sungai yang dituturkan oleh Orang Sungai di bahagian tengah sungai Kinabatangan.



Rajah 1: Peta Kampung Sungai Lokan, Kinabatangan, Sabah

Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan hasil kajian lapangan di lokasi kajian, pengkaji telah mengumpul tiga rakaman teks naratif lisan dalam bahasa Sungai iaitu (i) cerita asal usul kampung Sungai Lokan, (ii) cerita rakyat Aki Oris dan (iii) cerita dongeng Perjanjian Buaya. Ketiga-tiga teks naratif lisan tersebut dijadikan sumber data utama untuk mengenal pasti dan menganalisis ciri-ciri linguistik bahasa Sungai. Sehubungan itu, untuk tujuan perbincangan dalam kertas kerja ini, tiga aspek ciri linguistik asas bahasa Sungai yang akan dibincangkan, iaitu (i) urutan kata dalam ayat dasar bahasa Sungai, (ii) kata ganti nama diri dalam bahasa Sungai dan (iii) kata ganti nama tunjuk dalam bahasa Sungai.

Urutan Kata dalam Bahasa Sungai

Urutan kata merujuk pada susunan perkataan dalam ayat dasar yang terdiri daripada SUBJEK (S), KATA KERJA (K) dan OBJEK (O). Setiap bahasa di dunia ini mempunyai tipologinya yang tersendiri dari segi sistem urutan katanya. Bahasa Melayu, bahasa Indonesia dan bahasa Sepanyol misalnya mempunyai tipologi bahasa jenis S-K-O. Sementara itu bahasa yang lain misalnya bahasa Korea, Jepun dan Turki tang mempunyai urutan kata S-O-K. Sehubungan dengan itu, berdasarkan teks naratif lisan bahasa Sungai yang dikaji, kajian ini mendapati bahawa bahasa Sungai mempunyai urutan kata S-K-O. Urutan kata ini lazimnya muncul dalam ayat aktif transitif. Beberapa contoh ayat bahasa Sungai yang mempunyai urutan kata S-K-O adalah seperti yang berikut:

- | | |
|---|----------|
| <p>1. <i>Oku Kassim Amrin monarita diti sugsugan.</i></p> <p>(S) (K) (O)</p> <p>aku Kassim Amrin menceritakan keturunan ini</p> <p>Saya Kassim Amrin menceritakan keturunan ini.</p> | BS BM |
| <p>2. <i>Iyolo tongoulun sawa mongowit do tongoh tasin.</i></p> <p>(S) (K) (O)</p> <p>mereka orang hilir membawa segala garam</p> <p>Mereka orang Hilir membawa segala garam.</p> | BS BM |
| <p>3. <i>Iyolo siti sarayo diti, na mongowit do tongoh gading.</i></p> <p>(S) (K) (O)</p> <p>mereka sini hulu ini, nah membawa segala gading</p> <p>Mereka sini (org) Hulu ini, nah membawa segala gading.</p> | BS BM |

(Sumber: Data lapangan 2018: Aki Oris)

Walau bagaimanapun, berdasarkan teks naratif lisan bahasa Sungai yang dikaji, pengkaji turut menemui ayat-ayat yang didahului dengan kata kerja (K), diikuti oleh subjek (pelaku/S) dan diakhiri dengan objek (O), seperti dalam contoh yang berikut:

- | | |
|--|----------|
| <p>4. <i>Marantau isido kawago minongoi siti Kinabatangan.</i></p> <p>(K) (S) (O)</p> <p>merantau dia pula pergi sini Kinabatangan</p> <p>Dia pergi merantau pula ke sini Kinabatangan.</p> | BS BM |
| <p>5. <i>Jadi, namuka no disido do kampung silo, kampung Tantason.</i></p> <p>(K) (S) (O)</p> <p>jadi, membuka mereka kampung sana, kampung Tantason</p> <p>Jadi, mereka membuka kampung di sana, kampung Tantason.</p> | BS BM |

(Sumber: Data lapangan 2018: Aki Oris)

Berdasarkan data-data ini, dapat disimpulkan bahawa bahasa Sungai di kawasan yang dikaji menunjukkan ciri yang sama dengan bahasa Melayu dari segi urutan kata dasar, iaitu berstruktur S-K-O. Namun begitu, bahasa ini juga didapati menunjukkan urutan kata K-O-S seperti dalam contoh ayat (4) dan (5) di atas. Hal ini menunjukkan persamaan bahasa Sungai dengan bahasa peribumi Sabah yang lain, misalnya bahasa Dusun dan Kadazan yang juga mempunyai urutan kata berstruktur K-O-S dalam ayat.

Kata Ganti Nama Diri Bahasa Sungai

Kata ganti nama diri (KGND) merupakan kata yang digunakan untuk menggantikan kata nama orang, yang terbahagi kepada KGND pertama, kedua dan ketiga. Berdasarkan data teks naratif lisan bahasa Sungai yang dikaji, pengkaji telah menemui KGND dan fungsinya, seperti yang dirumuskan dalam jadual berikut:

Jadual 1: Kata Ganti Nama Diri Bahasa Sungai

| No. | KGND | Fungsi & Kedudukan dalam Ayat | | Bahasa Melayu (BM) |
|-----|--------------|----------------------------------|--|-----------------------|
| | | Subjek (FN) | Objek (FN) | |
| 1 | KGND Pertama | <i>oku</i> (tunggal) | <i>ku</i> (klitik/milik/kepunyaan) (tunggal) | aku, ku |
| | | | <i>tokou</i> (jamak) | kita |
| 2 | KGND Kedua | <i>ikoi</i> (jamak) | <i>ikoi</i> (jamak) | kami |
| | | <i>ikaw/kou</i> (tunggal) | <i>dika</i> (tunggal) <i>dikao</i> (tunggal/jamak) | engkau/kau kamu |
| 3 | KGND Ketiga | <i>isido</i> (tunggal/lelaki) | <i>disido</i> (kepunyaan) (tunggal) | dia/nya |
| | | | <i>yo</i> (tunggal) | nya |
| | | <i>iyolo</i> (jamak) | <i>diolo</i> (jamak) | mereka |
| | | | <i>dagai</i> (kepunyaan) (jamak) | mereka |

(Sumber: Data lapangan 2018: Aki Oris & Asal Usul Kampung Lokan)

Jadual 1 menunjukkan bahawa bahasa Sungai mempunyai sistem kata ganti nama diri yang bervariasi. Berikut ditunjukkan kehadiran dan kedudukan KGND bahasa Sungai tersebut dalam ayat bahasa Sungai yang dianalisis:

1. *Oku, e Kassim Amrin.* BS
Aku, Kassim Amrin.
Saya, Kassim Amrin. BM
2. *Jadi, siti Lokan diti waro tanahku.* BS
jadi, sini Lokan ini ada tanah **ku**
Jadi, di sini Lokan ini ada tanahku. BM
3. *Nah, kaa di Buaya, ada' **kou** mundak odu do waa tomodon **ku** **dika**.* BS
nah, kata Buaya, jangan **kau** lari nenek ada hajat **ku** **kau**
Nah, kata si Buaya, jangan kau berlari nenek kerana ada hajatku dgn kau. BM
4. *Yang ailaanku tanakyo pertama, e Aki Amulis.* BS
yang tahu **ku** anak **nya** pertama Aki Amulis
Yang saya tahu anaknya pertama, Aki Amulis. BM
5. *Isido sadang mangusaha dan **isido**, prodak **disido** antad siti Kg. Sg. Lokan.* BS
dia sedang mengusaha dan **dia**, produk **dia** dari sini Kg. Sg. Lokan
Dia sedang mengusahakan dan dia, produknya dari sini Kg. Sg. Lokan. BM
6. *Ada' **tokou** meminu do sada.* BS
jangan **kita** membakar ikan
Kita jangan (tidak boleh) membakar ikan. BM

7. *Ikoi manusia, bang limo tunturu inoh ikoi noh.* BS
kami manusia, jika lima jari itu **kami**
 Kami manusia, jika lima jari itulah kami. BM
8. *Tatapi sararum parjalanan diolo, iyolo minantas minaya siti ud do Luan.* BS
 tetapi dalam perjalanan **mereka**, mereka merentas ikut sini ulu Luan
 Tetapi dalam perjalanan mereka, mereka merentas ikut di sini ulu Luan. BM
9. *Masalah agayo dagai diti, waig abarsih.* BS
 masalah besar **kami** ini, air bersih.
 Masalah besar kami ini, air bersih. BM
10. *Sino no iyolo mitukar-tukar iti tongoh barang-barang keperluan do isido diti.* BS
 Sana **mereka** bertukar-tukar ini segala barang-barang keperluan **mereka** ini
 Di sanalah mereka bertukar-tukar segala barang-barang keperluan mereka ini. BM

(Sumber: Data lapangan 2018 Aki Oris, Asal Usul Kg. Sungai Lokan & Perjanjian Buaya)

Berdasarkan contoh-contoh yang dikemukakan, KGND dalam bahasa Sungai Kinabatangan, terbahagi kepada KGND pertama, kedua dan ketiga. Walau bagaimanapun, setiap KGND tersebut hadir dalam posisi yang berbeza dalam ayat, iaitu sama ada di kedudukan subjek atau selepas kata kerja sebagai objek. Bagi KGND *ikoi* (kami), bentuk ini dapat hadir di posisi subjek mahupun objek seperti dalam contoh ayat (7). Setiap KGND juga sama ada berbentuk tunggal atau jamak, serta ada yang berfungsi menunjukkan unsur pemilikan atau kepunyaan. Sebagai contoh KGND **ku**, selain berbentuk klitik, ia juga menunjukkan unsur rujukan pemilikan sesuatu, seperti dalam contoh ayat (2) tersebut.

Kata Ganti Nama Tunjuk Bahasa Sungai

Kata ganti nama tunjuk merupakan kata yang bertugas menjadi pengganti kata nama yang ditunjukkan, contohnya kata nama tunjuk umum seperti *ini* dan *itu* serta kata ganti nama tunjuk tempat seperti *sana*, *sini*, dan *situ* (Nik Safiah Karim et al., 2008). Lazimnya, kata ganti nama tunjuk digunakan untuk merujuk benda, perkara atau tempat. Sehubungan itu, Jadual 2 berikut menunjukkan contoh-contoh kata ganti nama tunjuk dalam bahasa Sungai, yang dianalisis berdasarkan teks naratif lisan yang dikaji, iaitu:

Jadual 2: Kata Ganti Nama Tunjuk Bahasa Sungai

| No. | Kata Ganti Nama Tunjuk | | Contoh |
|-----|------------------------|-----|---|
| | BS | BM | |
| 1 | <i>iti</i> | ini | <i>Iti apat misulod.</i> BS <i>Ini empat bersaudara.</i> BM |
| 2 | <i>Diti</i> | ini | <i>Pantok mula-mula <u>isido</u> <u>diti</u> memang antad si Parayon.</i> BS Tempat mula-mula dia ini memang dari Parayon. BM |
| 3 | <i>Iri</i> | itu | <i>Kiwaro tongoh <u>bangkatan</u> <u>iri</u>.</i> BS Ada segala monyet merah itu . BM |
| 4 | <i>ilo</i> | Itu | <i>Bang mongoi kou si Kuamut <u>ilo</u>, kowaro bahasa Kuamut.</i> BS Jika awak pergi ke Kuamut itu , ada bahasa Kuamut. BM |
| 5 | <i>Ino</i> | itu | <i>Jadi <u>ino</u> dagai do usaha siti.</i> BS Jadi itu kami punya usaha di sini. BM |

| | | | |
|---|-------------|-----|---|
| 6 | <i>Dilo</i> | itu | <i>Ilo Luan dilo</i> memang ngaran nyo Luan poh. BS Itu Luan itu memang namanya Luan. BM |
| 7 | <i>Dino</i> | itu | <i>Pintasan dino</i> bang pamauwan ya tantoson. BS Pintasan itu kalau panggilannya Tantason. BM |

| No. | Kata Ganti Nama Tempat | | Contoh |
|-----|------------------------|------|---|
| | BS | BM | |
| 8 | <i>Sudi</i> | sana | <i>Sudi pantok dino.</i> BS Sana tempat itu. BM |
| 9 | <i>Siti</i> | sini | <i>Iyolo minantas minaya siti ud do Luan.</i> BS Mereka berjalan mengikut sini di ulu Luan. BM |
| 10 | <i>Silo</i> | situ | <i>Silo sandipau do Luan.</i> BS Situ seberang (Kg.) Luan. BM |

(Sumber: Data lapangan 2018 Aki Oris, & Asal Usul Kg. Sungai Lokan)

Pada dasarnya, bahasa Sungai mempunyai beberapa jenis kata ganti nama tunjuk, iaitu *iti* (ini), *diti* (ini), *iri* (itu), *ilo* (itu), *ino* (itu), *dino* (itu) dan *dilo* (itu). Walau bagaimanapun, kehadiran setiap kata ganti nama tunjuk tersebut, sama ada mendahului frasa nama atau muncul selepas kata nama. Sebagai contoh kata *iti* (ini) dalam ayat (1) dan *ino* (itu) dalam ayat (5) muncul sebelum frasa nama. Sementara itu, kata *iri* (itu) *ilo* (itu), *dilo* (itu) dan *dino* (itu) pula muncul di posisi selepas frasa nama (ayat 3, 4, 6 dan 7). Dalam pada itu, sekiranya terdapat penggunaan lebih daripada satu kata ganti nama tunjuk yang membawa maksud *itu*, dalam ayat bahasa Sungai, kata *ilo* (itu) akan mendahului frasa nama dan diikuti oleh kata ganti nama tunjuk yang seterusnya, iaitu kata *dino* (itu), seperti dalam contoh ayat (6).

Analisis ini juga mendapati bahawa bahasa Sungai mempunyai kata ganti nama arah yang dipengaruhi oleh konteks masa dan jarak ruang fizikal antara penutur dengan pendengar berkaitan orang, benda atau perkara yang sedang dirujuk atau dibualkan. Misalnya, kata *sudi* (sana) dalam ayat 8, merujuk pada konteks tempat/lokasi yang agak jauh daripada penutur dan pendengar, ataupun lokasi/tempat tersebut tidak dapat dilihat oleh kedua-dua pihak sewaktu perbualan tersebut berlangsung. Sebaliknya, kata tunjuk *siti* (sini) menunjukkan konteks tempat atau lokasi yang dimaksudkan, berada berhampiran dengan penutur dan pendengar, atau kedua-dua pihak berada dalam kawasan tersebut. Selanjutnya, kata *silo* (situ) pula mewakili rujukan tempat yang masih berdekatan atau boleh dicapai secara fizikal oleh penutur dan pendengar. Dalam konteks rakaman ayat ini, informan sebenarnya merujuk kepada lokasi seberang sungai kampung Luan iaitu nama lama kampung Sungai Lokan. Keseluruhannya daripada data ini dapat disimpulkan bahawa kata ganti nama tunjuk dalam bahasa Sungai mempunyai pelbagai variasi yang berbeza daripada bahasa Melayu.

Kesimpulan

Kertas kerja ini telah membincangkan ciri linguistik bahasa Sungai yang dituturkan di daerah Kinabatangan Sabah, menerusi kajian lapangan yang bertempat di kampung Sungai Lokan. Dengan memanfaatkan data yang bersumberkan rakaman teks naratif lisan dalam bahasa Sungai, menerusi cerita rakyat Aki Oris, cerita asal usul Kampung Sungai Lokan dan cerita dongeng Perjanjian dengan Buaya, kajian ini telah berhasil mendeskripsikan beberapa aspek linguistik bahasa Sungai. Tiga aspek yang ditumpukan dalam analisis ini iaitu, urutan kata dalam ayat bahasa Sungai, sistem KGND dalam bahasa Sungai dan kata ganti nama tunjuk dan arah dalam bahasa Sungai.

Berdasarkan data yang diteliti, kajian ini menyimpulkan bahawa bahasa Sungai di kawasan yang dikaji mempunyai urutan kata dasar iaitu S-K-O. Namun begitu, bahasa ini juga menunjukkan persamaan dengan bahasa peribumi Sabah yang lain, misalnya bahasa Dusun dan Kadazan yang urutan katanya berstruktur K-O-S. Selanjutnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa bahasa Sungai mempunyai sistem kata ganti nama diri (KGND) yang bervariasi. Setiap KGND tersebut hadir dalam posisi yang berbeza dalam ayat, iaitu sama ada di kedudukan subjek atau selepas kata kerja sebagai objek. KGND bahasa Sungai juga berbentuk tunggal, jamak dan menunjukkan unsur pemilikan atau kepunyaan. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa bahasa Sungai mempunyai kata ganti nama yang dipengaruhi oleh konteks masa dan jarak ruang fizikal antara penutur dengan pendengar yang berkaitan orang, benda atau perkara yang sedang dirujuk atau dibualkan.

Hasil kajian ini diharap dapat menyediakan ruang kajian yang bersifat teoretis ke atas bahasa Sungai, serta menyumbang kepada usaha mempertahankan warisan budaya tidak ketara masyarakat peribumi di Malaysia, khususnya di Sabah. Tambahan pula, menerusi penelitian ke atas sistem sintaksis, ia dapat membantu usaha melengkapkan pendokumentasian tatabahasa bahasa Sungai. Hal ini sejajar dengan ketetapan UNESCO bahawa untuk mencapai tahap pendokumentasian sesebuah bahasa yang dianggap unggul, sesebuah bahasa itu perlu mempunyai huraian tatabahasa di samping adanya kamus, teks yang meluas, rakaman audio dan video yang berkualiti tinggi dan beranotasi. Implikasi kajian menjelaskan bahawa menerusi pemanfaatan ke atas teks naratif lisan, ciri-ciri linguistik bahasa Sungai sebagai bahasa Austronesia dapat dianalisis dan diketengahkan dengan lebih berpada. Akhir sekali, kajian ini diharap dapat menyemarakkan lagi kajian terhadap bahasa-bahasa peribumi di Sabah dengan memanfaatkan teks naratif lisan khususnya cerita-cerita rakyat.

Penghargaan

Kertas kerja ini adalah berdasarkan projek penyelidikan di bawah geran Universiti Kebangsaan Malaysia berkod: GGP-151-2017. Terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkaji juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Encik Kasiim Amrin selaku informan bahasa Sungai dan Encik Abdul Wahab Dulachi, atas bantuan dan penyemakan transkripsi serta terjemahan bahasa Sungai.

Biodata

Kartini Abd. Wahab merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. *Maslida Yusof* merupakan Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rujukan

- Abdul Hamid Ahmad. (1993). *Fonologi bahasa Sungai di Sabah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2004). *The encyclopedia of Malaysia Volume 9. Languages and Literature*. Archipelago Press.
- King, J. W., & King, J. K. (1985). *Sungai language lessons*. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Sabah.
- King, J. W., & King, J. K. (1988). *Buuk totongaron tolu nobaasa: Buku frasa tiga bahasa [A tri-lingual phrase book: Sungai (Labuk-Sugut)-Bahasa Malaysia-English]* (Series A, No. 1). Jabatan Muzium dan Arkib Negeri Sabah.
- King, J. W., & King, J. K. (1990). *Sungai/Tombonuwo folk tales (Sabah Folk Tales No. 4)*. Muzium Sabah.
- King, J. W., & King, J. K. (1992). *Kamus kigambar: Sungai/Tambunuuo*. Jabatan Muzium dan Arkib Negeri Sabah.
- Miller, C. P. (1981). A brief look at the languages and dialect of Sabah. *Sabah Society Journal*, 7(1), 53-64.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa dewan (Edisi Ketiga)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sitti Rahmah G. Hj. Ibrahim. (2015). *Daftar kata bahasa Sungai Paitan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

FUNGSI LEKSIKAL ENAM TERAS DALAM NARATIF BARU KERAJAAN MALAYSIA MADANI DARI PERSPEKTIF PENGAJIAN MELAYU

(*LEXICAL FUNCTIONS OF SIX CORE CONCEPTS IN THE NEW NARRATIVE OF
MALAYSIA MADANI GOVERNMENT FROM THE PERSPECTIVE OF MALAY STUDIES*)

Salinah Ja'afar
b1salina@um.edu.my

Jabatan Linguistik Melayu,
Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya.

ABSTRAK

Fungsi leksikal perkataan yang digunakan dalam menerapkan konsep dan konteks Malaysia Madani ini amat menarik untuk didalami dalam memastikan kita faham setiap bentuk kata yang digunakan sebagai tonggak kerajaan Malaysia Madani. Setiap unit perkataan yang mendokong pembentukan negara bangsa ini mempunyai fungsi leksikal yang khusus, terutama kepada konsep Malaysia Madani itu sendiri. Setiap unit leksikal yang dipilih ada peranan dan fungsinya yang meliputi seluruh rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Kemampanan, Kesejahteraan, Daya cipta, Hormat, Keyakinan, dan Ihsan yang merupakan unit leksikal yang menjadi teras dalam konsep Malaysia Madani perlu difahami sepenuhnya dalam merealisasikan setiap aspirasi yang ada dalam Malaysia Madani. Oleh sebab itu, kertas ini akan membicarakan fungsi leksikal setiap konsep yang digunakan dalam mewakili konsep Malaysia Madani sesuai dengan tema seminar kali ini yang berfokus kepada naratif baru Pengajian Melayu.

Kata Kunci: fungsi leksikal; Malaysia Madani; naratif baru; teras.

ABSTRACT

Lexical functions of the words used in nurturing the concept and context of Malaysia Madani is an intriguing to explore, to ensure that we understand every form of word used as the foundation of Malaysia Madani's governance. Each lexical unit that supports the formation of this nation has a specific lexical function, especially concerning the concept of Malaysia Madani itself. Every chosen lexical unit plays a role and function that encompasses the diverse population of Malaysia. Sustainability (Kemampanan), Wellbeing (Kesejahteraan), Creativity (Daya Cipta), Respect (Hormat), Belief (Keyakinan), and Charity (Ihsan), which are lexical units at the core of the Malaysia Madani concept, need to be fully understood in realizing every aspiration within Malaysia Madani. Therefore, this paper will discuss the lexical functions of each concept used to represent the Malaysia Madani concept, in line with the theme of this seminar, which focuses on the new narrative of Malay Studies.

Keywords: lexical functions, Malaysia Madani, new narrative, core

Pengenalan

Fungsi leksikal ialah satu konsep yang digunakan bagi menghuraikan makna yang terkandung dalam sesebuah bentuk kata atau unit leksikal berdasarkan kewujudannya dalam ayat dan frasa. Melalui fungsi leksikal ini makna dan penggunaan sesuatu bentuk kata akan difahami dengan lebih mudah oleh pengguna-pengguna bahasa. Istilah-istilah seperti kolokasi, konkordans, lema dan data korpus mempunyai kaitan yang rapat dalam analisis fungsi leksikal sesuatu bentuk kata. Fungsi leksikal akan memperlihatkan kewujudan leksikal lain yang telah ditetapkan bagi sesuatu unit leksikal atau leksem. Pemilihan kata yang dikenal pasti dalam menghuraikan sesuatu konsep yang dipilih tertakluk kepada fungsi item leksikal tersebut (Salinah Ja'afar, 2005). Secara umumnya, istilah ‘Madani’ merujuk kepada konsep yang diperkenalkan oleh Anwar Ibrahim ketika menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri dan kini dijadikan konsep pentadbiran kerajaan yang bersifat menyeluruh berdasarkan enam tonggak utamanya, iaitu M (*kemampunan*), A (*kesejahteraan*), D (*daya cipta*), A (*hormat*), N (*keyakinan*) dan I (*Ihsan*). Fungsi leksikal kesemua teras yang digunakan oleh kerajaan ini amat menarik untuk dibicarakan dan difahami bagi membolehkan kita semua patuh dan dapat bersama-sama kerajaan dalam membentuk satu masyarakat yang bertamadun dan berbudaya tinggi.

Berdasarkan sejarahnya, konsep ‘Madani’ ini diperkenalkan atas sebab terdapat banyak kelemahan dalam sistem pentadbiran negara dari segi tatakelola, terutamanya rasuah yang berleluasa, isu kemiskinan, gejala sosial dan kemusnahan alam sekitar. Maka, konsep ini menekankan aspek tatakelola dalam pelaksanaan terhadap dasar sedia ada terutamanya ketika berdepan kemelut politik dan ekonomi negara sekarang ini. Walaupun negara ini mempunyai dasar yang baik mengenai perlindungan alam sekitar, namun kemusnahan tetap berterusan. Masih banyak kes rasuah dilaporkan media saban hari. Kita juga disuakan dengan kelemahan dalam menangani isu sosial dan menangani persoalan kemiskinan baik di luar atau di bandar. Ternyata ini bukan kelemahan dasar namun lebih kepada tatakelola, ketirisan dan penyalahgunaan kuasa. Konsep ini juga menekankan aspek tatakelola yang menekankan kepada pelaksanaan terhadap dasar sedia ada terutamanya dalam kemelut politik dan ekonomi yang dihadapi negara ketika ini. Gagasan Perdana Menteri melalui masyarakat Madani adalah melahirkan Malaysia yang maju dan tinggi tamadunnya. Kemajuan ini bukan dinilai dari segi kebendaan atau ekonomi semata-mata, namun yang lebih penting kemajuan dari segi pemikiran dan peradaban.

Konsep ‘Madani’ ini merupakan satu naratif baru dalam dunia politik dan pentadbiran negara yang memerlukan penelitian dan pemahaman yang mendalam bagi membolehkan rakyat menerima dan juga mengamalkan setiap komponen yang ada dalam konsep madani ini sebagai panduan dan juga pedoman dalam setiap urusan kerja dan sosial. Masyarakat yang maju dari aspek pemikiran dan peradaban tentu sahaja akan menjadikan sesebuah negara itu maju dan juga harmoni, terutama bagi negara Malaysia yang sememangnya sebuah negara yang mempunyai kelompok masyarakat yang berbilang kaum. Seperti mana yang terkandung dalam laman web rasmi Malaysia Madani, MADANI merupakan sintesis gaya Malaysia, yang menggabung jalin amalan sedia ada dengan kaedah baru yang direka untuk menangani isu-isu baru dan ketidakpastian. Enam nilai teras MADANI dicerakim sebagai kerangka dasar dan falsafah yang berkait rapat dan bersepada, dengan setiap satu menguatkan yang lain. MADANI diilhamkan berdasarkan konsep kesediaan menerima perubahan, dengan mengambil kira saranan segenap lapisan masyarakat dengan hasrat pemulihan melalui reformasi substantif demi Malaysia yang lebih maju dan makmur.

Pengertian Konsep ‘Madani’

Perkataan ‘madani’ adalah perkataan yang berasal dari bahasa Arab dari terjemahan *al-mujtama al-madany*. Perkataan ini dikembangkan semula oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas, pakar dalam sejarah dan peradaban Islam dari Malaysia yang mengambil istilah tersebut dari ciri-ciri masyarakat Islam yang diasaskan oleh Rasulullah di Madinah berdasarkan keadaan dan suasana ketika itu. Secara keseluruhannya takrif tamadun boleh dilihat dari beberapa aspek bahasa. Dalam bahasa Arab, terdapat empat istilah yang digunakan dalam mendefinisikan makna tamadun. Istilah-istilah yang dimaksudkan itu ialah *tamadun*, *umran* dan *hadharah*, *madaniyyat*, dan *thaqafah*. Tamadun atau *tamaddun* adalah istilah yang berasal daripada perkataan *maddana* dan *madana*. Perkataan *madana* membawa maksud pemilihan sesuatu lokasi sebagai tempat tinggal, membangun sesuatu kawasan hingga menjadi suatu perbandaran. *Madana* juga bermaksud sesuatu yang berkaitan dengan pembangunan, perbandaran, serta kehalusan budi pekerti. Perkataan *maddana* dan *madana* juga mempunyai kaitan dengan perkataan “*madinah*” yang bermaksud bandar, perkataan “*madani*” atau “*al-madaniyyah*” yang bermaksud peradaban dan kemakmuran hidup yang merujuk kepada kebendaan yang dicapai oleh masyarakat, serta perkataan “*mudun*” pula bererti kota-kota yang memiliki ciri-ciri tamadun.

Oleh hal yang demikian, perkataan *madinah*, *madani* atau *al-madaniyyah*, serta *mudun*, kesemuanya membawa maksud kehidupan di bandar-bandar yang masih dikaitkan dengan satu corak hidup yang maju dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan. Istilah *umran* dan *hadharah* merupakan istilah yang paling awal digunakan untuk mentakrif maksud tamadun. Istilah ini digunakan oleh Ibn Khaldun pada 14M. *Umran* merupakan kata terbitan ‘*amara* yang bermaksud kawasan tanah atau rumah yang didiami, diduduki orang, tempat tinggal yang tetap bagi segolongan penduduk yang menetap dan seumpamanya dalam suatu keadaan yang berkembang subur lagi makmur dari keadaan kering tandus atau terbiar dan seterusnya menjadi sebuah bandar. Manakala istilah *hadharah* pula bererti kehidupan menetap, dan lawan kepada istilah *badawiah* yang bererti nomad, dan berpindah randah. *Hadharah* juga ditakrifkan sebagai suatu wilayah, daerah atau bahagian dari ibu-ibu kota atau bandar-bandar atau kampung-kampung yang diusahakan.

Dalam bahasa Melayu pula, tamadun dilihat dari dua aspek, iaitu peradaban dan kebudayaan. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan pengertian tamadun dalam Kamus Dewan. Maksud tamadun yang dipetik dari Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) tamadun ialah “keadaan masyarakat manusia yang dicirikan oleh atau didasarkan pada taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik), negara dan penduduknya yang telah mencapai taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran, budaya dan corak hidup”. Menurut pandangan sarjana Islam, Ibn Khaldun dalam Muqaddimah, perkataan *madani* membawa maksud “masyarakat” dan apabila digabungkan dengan “*umran*”, ia bermaksud masyarakat madani atau masyarakat yang bertamadun yang mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Menurut Syed Mohamad Naquib al-Attas pula, tamadun ialah keadaan kehidupan bermasyarakat yang telah mencapai tahap kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur dalam masyarakatnya. Abu Bakar Hamzah pula menjelaskan maksud tamadun dalam bukunya “Sejarah Kebudayaan Islam” sebagai sesuatu yang lahir dan berkembang seiring dengan kehidupan manusia dan perkembangan yang berupa material mahupun abstrak.

Dalam bahasa Inggeris pula, makna tamadun dilihat dari aspek epistemologi yang mana perkaitan *civilization* berkait rapat dengan *urbanization*. Istilah *civilization* digunakan oleh barat sekitar 19 Masihi. Istilah ini berasal daripada perkataan Latin, iaitu “*civic*” yang bermaksud “bandar”. Oleh itu, *civilization* pula membawa maksud keadaan yang bersifat kebandaran atau kemajuan. Selain istilah *civilization*, istilah-istilah lain turut digunakan untuk menggambarkan makna tamadun. Antaranya ialah *civilitas* yang bermaksud tiap-tiap

perubahan adalah jelas pertumbuhannya di bandar-bandar besar dan ciri-ciri asas manusia lebih mudah ditemui di bandar. Istilah *Renaissance* juga dipakai dalam mentakrifkan makna tamadun. Dalam bahasa Cina pula, istilah *Wen Ming* digunakan dalam menghuraikan maksud tamadun. Istilah diambil daripada kata akar “ming” yang bermaksud *cerah, terang* dan *bercahaya*. *Wen Ming* bermaksud unsur-unsur material dan spiritual daripada pencapaian sejarah perkembangan manusia. Dalam bahasa Cina juga, tamadun digambarkan sebagai satu amalan yang perlu diperlakukan, pemikiran yang bijaksana, pemahaman yang jelas dan tutur kata secara terbuka.

Menurut pandangan salah seorang sarjana Barat, iaitu Clive Bell, beliau mendefinisikan tamadun sebagai suatu ciri masyarakat, yang membezakan sebuah masyarakat maju dengan masyarakat mundur adalah tamadunnya. Robert Haini pula menjelaskan tamadun ialah suatu cara hidup yang dapat dicirikan. Bagi Arnold Tonybee, beliau menyatakan tamadun ialah sejenis kebudayaan yang wujud di bandar-bandar dan disimpulkan sebagai tatacara hidup yang dicetuskan oleh orang-orang yang hidup di bandar. Pandangan ini amat menepati dengan kenyataan yang diutarakan oleh Ibn Khaldun. M. A. J. Beg membuat kesimpulan bahawa tamadun terdiri daripada rangkaian fenomena masyarakat seperti bandar, huruf, seni bina, agama, undang-undang dan rangkaian dasar politik.

Rahardjo (1999), konsep masyarakat madani mengandung tiga hal, iaitu agama sebagai sumbernya, peradaban sebagai prosesnya dan masyarakat kota sebagai hasilnya. Oleh itu, konsep *khaira ummah* dapat dimaknai sebagai masyarakat madani. Sedangkan pola pembangunan masyarakat madani berpandukan pada pola pembangunan masyarakat Madinah yang diletakkan Rasulullah dulu. Berdasarkan pandangan Raharjo ini boleh dikatakan bahawa ‘Madani’ itu sendiri berasaskan kepada tamadun Islam yang terbentuk sejak zaman Rasulullah lagi.

Sejarah Madani

Istilah ‘madani’ merujuk kepada tamadun dan peradaban, atau *civil society* dalam bahasa Inggerisnya. Jika dilihat sejarah wujudnya konsep madani ini, orang pertama yang dikatakan menggunakan istilah *civil society* ialah Cicero (106-43 SM) seorang ahli pemikir Yunani. Jika dicari akar sejarahnya, maka dapat dilihat bahawa dalam masyarakat Yunani kuno masalah ini sudah wujud. Rahardjo (1999) menyatakan bahawa istilah *civil society* sudah ada sejak zaman sebelum masehi. Orang yang pertama kali yang mencetuskan istilah *civil society* ialah Cicero (106-43 SM), sebagai orator Yunani kuno⁹. Beliau menjelaskan masyarakat madani pada kehidupan kontemporer seperti rasa kesediaan untuk saling menghargai dan memahami. Kemudian, muncul beberapa karya-karya dari intelektual Muslim Indonesia, di antaranya Azyumardi Azra dengan bukunya *Menuju Masyarakat Madani* tahun 1999 dan Lukman Soetrisno dengan bukunya *Memberdayakan Rakyat dalam Masyarakat Madani* tahun 2000.

Secara dasarnya kesemua pandangan mengaitkan leksikal ‘Madani’ dengan peradaban, tamadun, sosial, masyarakat yang menjurus kepada aspek kesejahteraan, kesejagatan, kebebasan, kemanusiaan, keadilan, dan pelbagai lagi aspek yang membawa kepada keamanan dan kesejahteraan kehidupan manusia di dunia ini. Malaysia dengan terbentuknya kerajaan baru yang dipimpin oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mengambil konsep ‘Madani’ ini untuk diterapkan dalam sistem pentadbiran dan jentera kerajaan. Ciri-ciri yang ada dalam kerajaan Madani disenaraikan seperti berikut:

⁹Pengertian Masyarakat Madani: Karakteristik, dan Sejarahnya (gramedia.com)
<https://www.gramedia.com/literasi/masyarakat-madani/>

1. Mempunyai peradaban yang tinggi
2. Mengutamakan kesamarataan dan telus
3. Kebebasan awam
4. Kedaulatan undang-undang
5. Keadilan sosial
6. Penglibatan sosial

Kesemua ciri ini dijadikan sebagai asas dalam pembentukan kerajaan dan pelaksanaannya yang menjurus kepada pengaplikasian nilai-nilai murni dan juga menitikberatkan kesamarataan dan kesejahteraan rakyat. Enam teras dijadikan sebagai tonggak Malaysia Madani, iaitu:

1. **Kemampunan**-Mutu hidup seimbang berdasarkan citra Malaysia yang unik berdasarkan ilmu pengetahuan dan kearifan tempatan.
2. **Kesejahteraan**-Kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu dan kepelbagaiannya pandangan.
3. **Daya cipta**- Pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelaskan daya cipta manusia.
4. **Hormat**-Perilaku budi bahasa kepada kekayaan tradisi, merayakan kemajmukan dan meraikan perbezaan pandangan dunia.
5. **Keyakinan**-Menghidupkan harapan terhadap perubahan seiring sikap amanah dan melakukan perubahan ke arah kebaikan.
6. **Ihsan**-Berasas *ihsan* akan nasib semua pihak melalui tindakan pemberdayaan kemanusiaan.

Fungsi Leksikal Konsep dan Konteks Teras Malaysia Madani

Kemampunan

Kemampunan terbentuk daripada perkataan ‘mampan’ yang menerima apitan ‘ke-an’. Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) mendefinisikan *mampan* sebagai mampu mengekalkan pencapaian atau prestasi yg baik (berkaitan ekonomi, Pembangunan dan sebagainya). Perkataan mampan dalam bahasa Inggeris ialah ‘*sustain*’, manakala *kemampunan* merujuk kepada ‘*sustainability*’. Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) masih belum memuatkan entri ‘*kemampunan*’, yang ada hanya entri ‘*mampan*’. Berdasarkan semantik, *kemampunan* merujuk kepada proses yang berterusan dalam segala pencapaian yang baik, tidak kira pencapaian tersebut dari aspek ekonomi, pembangunan, pentadbiran, sosial, kemanusiaan, dalam pentadbiran dan juga jentera kerajaan, *kemampunan* memainkan peranan yang amat penting bagi memastikan semua rakyat hidup dengan kadar kemampuan yang membolehkan mereka mendapatkan barang keperluan, meneruskan kehidupan dengan selesa. Perkataan mampan dikatakan berasal dari kata ‘mapan’ yang diambil dari bahasa Indonesia yang bermaksud mantap, baik, stabil yang merujuk kepada kedudukan atau taraf sesuatu perkara.

Fungsi leksikal *kemampunan* ini boleh dilihat dari dua aspek, iaitu aspek ekonomi dan sosial. Aspek ekonomi merujuk kepada keupayaan untuk mencipta kekayaan dalam bentuk jumlah yang mencukupi, kesaksamaan dalam pelbagai bidang sosial, kuasa dan menyelesaikan masalah ekonomi penduduk, dan mengukuhkan pengeluaran dan penggunaan sektor pengeluaran wang. Pendek kata, memenuhi keperluan tanpa mengorbankan generasi akan datang adalah keseimbangan antara manusia dan alam. Bagi *kemampunan* sosial pula merujuk kepada menerapkan nilai perpaduan dan kestabilan penduduk. Aspek sosial lebih merujuk tindak tanduk masyarakat dalam mengamalkan nilai yang menghasilkan tingkah laku mampan seperti nilai semula jadi, mengekalkan tahap pendidikan, latihan dan kesedaran yang harmoni

dan memuaskan, menyokong rakyat sesebuah negara untuk memperbaiki diri dan mengekalkan taraf hidup yang baik, dan menggalakkan penyertaan rakyat.

Definisi pertama *kemampanan* ialah “penciptaan dan penggunaan sumber yang memenuhi keperluan masa kini tanpa menjelaskan kapasiti generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka sendiri” (UNESCO, 2021). Oleh itu, *kemampanan* adalah tentang mencari kaedah untuk memastikan bahawa pilihan dan tindakan yang kita buat sekarang tidak mempunyai pengaruh yang memudaratkan pada masa hadapan. Memandangkan kadar kekurangan sumber semasa dan keimbangan yang semakin meningkat tentang cara aktiviti manusia mempengaruhi alam sekitar, idea ini adalah penting.¹⁰

Jika diteliti fungsi leksikal *kemampanan* yang menjadi teras Malaysia Madani pula, *kemampanan* merujuk kepada mutu hidup seimbang berdasarkan citra Malaysia yang unik berasaskan ilmu pengetahuan dan kearifan tempatan. Maka, konsep *kemampanan* di sini membawa fungsi leksikal yang berbeza yang merujuk kepada penumpuan kepada ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan tempatan dalam memastikan kehidupan rakyat di negara ini bertambah baik dan kekal dalam keadaan terkawal dari semasa ke semasa dan lebih sesuai digunakan kepada taraf ekonomi dan hidup masyarakat. Berdasarkan data yang ada di laman sesawang Bank Negara Malaysia, perkataan ‘*kemampanan*’ menunjukkan 460 sumber carian dalam laman sesawang BNM, antara contoh penggunaan tersebut ialah:

1. Pelaburan Swasta di Malaysia: Pemacu dan **Kemampanan**
2. **Kemampanan** pelaburan swasta dan peranannya terhadap perkembangan ekonomi
3. Penilaian juga dibuat mengenai **kemampanan** pelaburan swasta pada masa hadapan dan implikasi yang mungkin ada terhadap pertumbuhan ekonomi. (sumber:https://www.bnm.gov.my/documents/20124/830845/cp04_003_rencana.pdf)
4. Walaupun skim manfaat tertakrif menghadapi banyak risiko dan isu yang tersendiri, seperti penceن bulanan yang tidak mencukupi dan **kemampanan** fiskal, isu-isu ini perlu dianalisis secara berasingan
5. Sistem moden merupakan sistem yang agak baharu, yang mengekalkan sifat penceن universal seperti sistem proprietari tetapi menawarkan tahap **kemampanan** yang lebih tinggi.
6. Oleh itu, **kemampanan** fiskal merupakan satu pertimbangan reka bentuk dasar yang penting dari segi jumlah bantuan dan kelayakan bagi dasar Tonggak 0
7. **Kemampanan** sistem penceن swasta Malaysia secara amnya mencukupi. Walau bagaimanapun, hal ini sebahagiannya disebabkan oleh kecukupan yang lebih rendah untuk Tonggak 0 seperti yang dinyatakan di atas. Pada masa ini, program seperti Bantuan Warga Emas mencakupi bahagian yang secara relatif kecil daripada hasil Kerajaan iaitu 0.3%.¹⁸
8. **Kemampanan** ini juga disokong oleh pelaksanaan Tonggak 2 yang lebih baik berikutkan keupayaan institusi KWSP yang kukuh telah mencatatkan prestasi yang mantap dalam sejarah, meskipun semasa tempoh kemerosotan ekonomi.
9. Dasar ini juga akan merintis jalan ke arah pembaharuan lain dalam usaha mengurangkan pergeseran dalam pasaran pekerja, memperkuat **kemampanan** fiskal termasuk pembaharuan dalam hasil dan perbelanjaan awam, serta mempertingkatkan rangka kerja perlindungan sosial secara keseluruhan. (sumber:https://www.bnm.gov.my/documents/20124/10150285/emr2022_bm_box1.pdf)

¹⁰ Perbezaan Antara Kemampanan, Kelestarian Alam Sekitar dan Pembangunan Mampan - DEISO

Konsep *kemampanan* ini juga dikaitkan dengan konsep kelestarian yang merujuk kepada terjemahan perkataan *sustainability*. Kelestarian seringkali dikaitkan dengan alam sekitar yang merujuk kepada keupayaan ekosistem untuk mengekalkan dan mengembangkan penduduknya sambil kekal sihat dan seimbang. Kelestarian merupakan aspek penting dalam kewujudan kontemporari kerana tamadun manusia semakin bergantung kepada ekosistem dan sumber semula jadi untuk kelangsungan hidup. Melindungi dan memelihara sumber semula jadi, meminimumkan kesan buruk alam sekitar, dan menggalakkan amalan lestari merentas semua aspek kehidupan semuanya termasuk dalam kelestarian alam sekitar. Walaupun kedua-dua konsep *kemampanan* dan kelestarian ini kelihatan serupa, tetapi dari segi konteks penggunaan, kedua-duanya membawa fungsi leksikal yang berbeza. *Kemampanan* merujuk kepada kekuahan atau pemantapan sesuai perkara yang berkaitan ekonomi, gaya hidup, sosial, kewangan, dan sebagainya, manakala kelestarian merujuk kepada pemeliharaan atau pengekalan perkara-perkara yang telah mampan supaya sentiasa utuh dari semasa ke semasa.

Maka secara keseluruhan fungsi leksikal *kemampanan* merujuk kepada kemantapan atau kekuahan sesuatu yang berkaitan dengan ekonomi, kewangan, kesejahteraan hidup, kestabilan. Dalam konteks Malaysia Madani *kemampanan* membawa fungsi leksikal yang lebih luas yang merangkumi segala aspek kehidupan rakyat yang mantap berpandukan kepada ilmu pengetahuan dan juga kearifan tempatan yang mampu mengukuhkan kedudukan pemerintahan, pentadbiran, ekonomi, sosial, politik, dan perkara-perkara yang berkaitan ketatanegaraan bagi membentuk negara bangsa yang maju, kukuh dan berdaya saing.

Kesejahteraan

Kesejahteraan adalah kata terbitan yang terbentuk daripada perkataan ‘sejahtera’ yang menerima imbuhan ‘ke-an’. Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) mendefinisikan *sejahtera* sebagai aman dan makmur, senang dan tenteram, terpelihara daripada bencana (kesusahan, gangguan, dan lain-lain), kesejahteraan pula didefinisikan sebagai keselamatan, kesenangan (hidup dan lain-lain), kesentosaan, ketenteraman. Konsep sejahtera merupakan matlamat utama yang ditekankan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menjadi tonggak kepada pelaksanaan sistem pengajaran dan pembelajaran di semua peringkat sekolah di negara ini. Prof. Emeritus Tan Sri Dzulkilfi Abdul Razak merupakan pendokong kuat kepada pemurnian konsep kesejahteraan di dalam pendidikan dan kehidupan kerana beliau percaya ia mampu menginsanakan individu dan mendokong usaha pembinaan kekuatan jatidiri ummah. Konsep kesejahteraan dalam pendidikan negara ini juga telah dikupas dalam sebuah buku *The Malay Concept of Sejahtera*, nukilan tokoh cendekian Islam negara, Mohd. Kamal Hassan, yang membincangkan makna, konsep dan pendekatan sejahtera itu sendiri dan bagaimana ia mampu membina minda masyarakat Madani- wawasan negara kita hari ini.

Langkah sejahtera ini bukanlah sesuatu yang baharu kerana ia telah lama diperkenalkan pada tahun 1989 apabila Perdana Menteri kita, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Menteri Pendidikan pada ketika itu. Permulaan sesi persekolahan tanpa pembelajaran bertujuan menggalakkan murid-murid untuk tidak terlalu terbebani dengan proses pembelajaran seawal mereka kembali ke sekolah. Transisi dari cuti semester kepada sesi persekolahan memerlukan kesediaan minda dan emosi bagi sebilangan anak-anak, terutamanya bagi mereka yang masih di peringkat sekolah rendah. Dalam kalangan para guru juga turut merasakan ianya sebagai zon ‘berlapang fikiran’ atau ‘ambil nafas’ bagi mereka kembali fokus dengan rutin harian sebagai pendidik.¹¹

¹¹ Zulkarnin Zakaria, 2023. Kesejahteraan dalam Pendidikan Malaysia Madani - Malaysia MADANI

Fungsi leksikal kesejahteraan yang digunakan dalam naratif baru Malaysia Madani merujuk kepada kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu dan kepelbagaiannya pandangan.

1. *Kesejahteraan* kewangan merujuk kepada keupayaan seseorang individu memenuhi obligasi kewangan semasa, kekal berdaya tahan terhadap kejutan pendapatan, mencapai matlamat kewangan masa hadapan dan membuat keputusan kewangan bagi meningkatkan kualiti hidup secara keseluruhan.
2. Pandemik telah menyerlahkan dan dalam sesetengah aspek meningkatkan lagi kelemahan yang ketara terhadap *kesejahteraan* kewangan isi rumah dan perniagaan.
3. Bank turut menitikberatkan usaha memelihara *kesejahteraan* kakitangan pada tempoh yang luar biasa ini.
4. Bank menubuhkan pasukan petugas daripada pelbagai fungsi untuk menangani semua aspek keselamatan dan *kesejahteraan* kakitangannya secara menyeluruh serta memastikan kesinambungan urusan bank.

Daya Cipta

Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) mendefinisikan *daya cipta* sebagai keupayaan (kebolehan) mencipta. *Daya cipta* merupakan kata majmuk yang dibentuk dari gabungan perkataan daya dan cipta. Daya bermaksud kekuatan, tenaga, keupayaan, kemampuan, akal, ikhtiar, jalan (untuk sesuatu), muslihat, tipu, cipta pula bermaksud angan-angan (khayalan), cita, fikiran. Berdasarkan makna yang ada dalam kedua-dua bentuk kata yang digabungkan menjadi kata majmuk *daya cipta* ini jelas bahawa *daya cipta* membawa fungsi yang lebih luas dalam konteks Malaysia Madani. *Daya cipta* dalam naratif baru Malaysia Madani merujuk kepada pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan *daya cipta* manusia. *Daya cipta* mengandungi beberapa konotasi antaranya pembaharuan, reka cipta dan reka baharu. Dalam erti kata yang lain *daya cipta* diterjemahkan sebagai pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan *daya cipta* manusia.

Daya cipta, sebagai salah satu rukun Malaysia Madani, akan mewujudkan proses perubahan berterusan, yang mendakap dan memperkasa kreativiti rakyat. Malaysia Madani akan menyediakan persekitaran dan infrastruktur yang mampu merangsang kreativiti dan menggalakkan penghasilan sistem, produk, idea dan proses lebih maju.¹² *Daya cipta* adalah salah satu daripada enam nilai teras Malaysia Madani, yang merupakan gagasan yang dipelopori oleh Perdana Menteri ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim. *Daya cipta* bermaksud kemampuan untuk mencipta sesuatu yang baru, unik, atau berbeza daripada yang sedia ada, sama ada dalam bentuk sistem, produk, idea, atau proses. *Daya cipta* akan diterjemahkan melalui pelbagai cara, antaranya:

1. Membudayakan *daya cipta* rakyat dengan menyediakan persekitaran dan infrastruktur yang mampu merangsang kreativiti dan menggalakkan penghasilan yang lebih maju.
2. Mentransformasikan kurikulum pendidikan untuk melahirkan pelajar ber*daya cipta* dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

¹² <https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolumnis/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/malaysia-madani-membudayakan-daya-cipta-rakyat>.

3. Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang-bidang strategik yang dapat memberi impak kepada kesejahteraan, *kemampunan*, dan daya saing negara.
4. Mewujudkan ekosistem inovasi yang menyokong usahawan, penemu, dan pelaku industri untuk meneroka peluang-peluang baru dan mencipta nilai tambah.
5. Mempromosikan budaya *ihsan* dan keyakinan yang dapat menanamkan semangat berani mencuba, belajar dari kesilapan, dan berkongsi ilmu dan pengalaman.

Fungsi leksikal *daya cipta* dalam naratif baru Malaysia Madani ini jelas menunjukkan bahasa pelbagai aspek perlu dikuasai bagi meningkatkan kemampuan untuk mencipta sesuatu yang baru, unik, atau berbeza daripada yang sedia ada, sama ada dalam bentuk sistem, produk, idea, atau proses ke arah menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang berjaya, rakyatnya dalam keadaan bersedia dan berilmu, serta mampu menjadi negara maju setaraf dengan negara-negara maju yang lain.

Hormat

Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) mendefinisikan hormat sebagai (1) Mempunyai pandangan yang tinggi terhadap seseorang dengan memberikan layanan yang penuh sopan, khidmat, takzim; (2) Perbuatan untuk menyatakan rasa khidmat atau takzim; (3) Menaruh penghargaan (khidmat, takzim). “*Hormat*” dalam konteks Malaysia Madani merujuk kepada sikap *hormat-menghormati* antara individu, kumpulan masyarakat dan lapisan masyarakat dalam mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, beradab, dan progresif. Istilah “Malaysia Madani” sendiri merujuk kepada konsep masyarakat madani atau masyarakat beradab yang diusung dalam pembangunan Malaysia.

Sikap *hormat* ini mencerminkan nilai-nilai seperti kesopanan, saling menghargai, dan toleransi terhadap perbezaan budaya, agama, dan latar belakang lainnya. Dalam konteks Malaysia Madani, masyarakat diharapkan untuk mengamalkan sikap *hormat* ini dalam kehidupan seharian. Beberapa elemen yang mencerminkan sikap *hormat* dalam Malaysia Madani termasuklah:

1. *Hormat* terhadap kebebasan beragama: Masyarakat diharapkan untuk menghormati kebebasan individu untuk mempraktikkan agama masing-masing tanpa diskriminasi.
2. *Hormat* terhadap keadilan dan kesamarataan: Sikap *hormat* juga mencakupi penghormatan terhadap prinsip keadilan dan kesamarataan dalam masyarakat, tanpa mengira keturunan, agama, atau kelas sosial.
3. *Hormat* terhadap kepelbagaian budaya: Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian etnik dan budaya. Sikap *hormat* terhadap kepelbagaian ini mencakup penghargaan terhadap adat resam, bahasa, dan tradisi masing-masing kumpulan etnik.
4. *Hormat* terhadap hak asasi manusia: Kesedaran dan penghormatan terhadap hak asasi manusia adalah aspek penting dalam masyarakat madani. Ini melibatkan perlindungan hak-hak individu dan kelompok tanpa diskriminasi.
5. *Hormat* terhadap tanggungjawab sosial: Sikap *hormat* juga mencakupi tanggungjawab sosial terhadap masyarakat. Ini termasuk keterlibatan dalam aktiviti sukarela, pembangunan komuniti, dan penjagaan terhadap alam sekitar.

Fungsi leksikal *hormat* dalam naratif baru Kerajaan Malaysia Madani merujuk kepada pembentukan sahsiah diri yang tinggi yang dapat membantu memupuk suasana harmoni dan kesepadan dalam masyarakat, sambil mendorong pembangunan yang mampan dan inklusif. Hal ini mencerminkan semangat Malaysia sebagai sebuah negara yang majmuk dan bersepadu.

Keyakinan

Kata *keyakinan* merupakan kata terbitan yang didasari oleh kata ‘yakin’. Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) mendefinisikan yakin sebagai betul-betul percaya (tentang kebenaran, kemampuan, sesuatu, atau seseorang, dan lain-lain), tidak ragu-ragu (syak-syak) lagi, pasti benar. Beberapa *keyakinan* yang mungkin dihubungkan dengan Malaysia Madani termasuk:

1. *Keyakinan Keadilan Sosial*: Malaysia Madani menganjurkan keadilan sosial, di mana setiap individu, tanpa mengira latar belakang etnik atau sosial, mempunyai hak yang sama untuk menikmati manfaat pembangunan dan kemakmuran.
2. *Ketelusan dan Kehemahan*: *Keyakinan* terhadap prinsip ketelusan dan kehemahan dalam pentadbiran dan pengurusan sumber daya negara adalah aspek penting. Transparensi membantu memastikan akauntabiliti dan menggalakkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi-institusi negara.
3. *Kepelbagaian dan Keterbukaan*: *Keyakinan* dalam kepelbagaian etnik, budaya, dan agama serta keterbukaan terhadap idea-idea dan pandangan yang berbeza. Ini melibatkan menghormati dan merangkul kepelbagaian sebagai kekuatan yang memperkuuhkan masyarakat.
4. *Respektif dan Toleransi*: *Keyakinan* dalam sikap *hormat* dan toleransi terhadap perbezaan adalah asas bagi keharmonian masyarakat. Ini mencakup penghargaan terhadap hak asasi manusia dan hak-hak individu tanpa diskriminasi.
5. *Kepimpinan Beretika*: Pembinaan masyarakat madani melibatkan kepimpinan yang beretika dan bertanggungjawab. Pemimpin diharapkan untuk mengamalkan nilai-nilai integriti, kejujuran, dan keadilan dalam pengurusan negara.
6. *Pendidikan dan Pembangunan Insan*: *Keyakinan* dalam pendidikan sebagai alat untuk membangunkan insan yang berdaya saing, kreatif, dan beretika. Pembangunan insan yang holistik adalah kunci ke arah kemajuan dan keharmonian masyarakat.
7. *Kesedaran Alam Sekitar*: *Keyakinan* dalam keperluan untuk menjaga dan melindungi alam sekitar, serta kesedaran terhadap impak pembangunan terhadap alam sekitar dan kelestarian sumber-sumber alam.
8. *Kerjasama dan Keterlibatan Komuniti*: Malaysia Madani menggalakkan keterlibatan aktif komuniti dalam proses pembangunan. Ini melibatkan kerjasama antara pihak berkuasa dan masyarakat tempatan dalam merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan.

Fungsi leksikal *keyakinan* dalam naratif baru Malaysia Madani ini membentuk landasan untuk pembangunan Malaysia Madani yang diarahkan kepada mencapai keharmonian sosial, pembangunan mampan, dan kesejahteraan rakyat. Penting untuk diingat bahawa konsep Malaysia Madani adalah dinamik dan boleh berkembang mengikut perubahan dalam masyarakat dan keperluan pembangunan negara.

Ihsan

Kamus Dewan Edisi Keempat (2021) mendefinisikan ‘*ihsan*’ sebagai (1) Beribadat kepada Allah dengan menyedari bahawa seseorang itu berhadapan dengan Allah SWT yang sentiasa melihatnya, (2) Kebaikan, kebajikan, perbuatan yang baik, kemurahan (hati), (3) Jasa baik, izin. Maka, *ihsan* di sini bermaksud melakukan perkara-perkara yang baik sebagai satu amal ibadat agar mendapat ganjaran kebaikan daripada Allah SWT. *Ihsan* merujuk kepada tindakan memberi dengan penuh kasih sayang, kebaikan, dan keikhlasan tanpa mengharapkan ganjaran. Dalam konteks Malaysia Madani, konsep *ihsan* merangkumi sikap kebaikan dan pengorbanan sebagai satu aspek penting dalam membentuk masyarakat yang beradab dan bersatu.

Beberapa aspek *ihsan* dalam konteks Malaysia Madani termasuk:

1. Pemberian dan Bantuan Kemanusiaan: Masyarakat yang amal *ihsan* menggalakkan amalan memberi bantuan dan sokongan kepada mereka yang memerlukan. Ini boleh melibatkan sumbangan kebajikan, bantuan kepada golongan yang kurang bernasib baik, atau terlibat dalam projek-projek kemanusiaan.
2. Sikap Ikhlas dalam Perkhidmatan Awam: Individu yang terlibat dalam perkhidmatan awam atau bidang-bidang yang memberikan khidmat kepada masyarakat diterapkan dengan sikap ihsan dalam melaksanakan tugas mereka. Sikap ikhlas dan keikhlasan dalam melayani masyarakat adalah penting dalam membentuk masyarakat madani.
3. Kesedaran Sosial dan Kelestarian: *Ihsan* juga melibatkan sikap tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dan alam sekitar. Ini termasuk amalan-amalan yang membantu menjaga kelestarian alam sekitar dan memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan.
4. Toleransi dan Penghargaan Terhadap Kepelbagaian: Sikap *ihsan* juga mencakup toleransi dan penghargaan terhadap kepelbagaian dalam masyarakat. Ini melibatkan penghargaan terhadap perbezaan budaya, agama, dan latar belakang lainnya.
5. Kempen Pembangunan Insan: *Ihsan* dalam pembangunan insan merangkumi pendekatan holistik terhadap perkembangan seseorang. Ini melibatkan penyediaan peluang pendidikan, pembangunan kemahiran, dan sokongan untuk meningkatkan kualiti hidup individu.
6. Pengurusan Zakat dan Sadaqah: Dalam konteks Malaysia Madani yang berakar dalam nilai-nilai Islam, *ihsan* juga melibatkan pengurusan zakat dan sadaqah dengan penuh keberlanjutan. Ini membantu membina kebajikan sosial dan ekonomi dalam masyarakat.

Fungsi leksikal *ihsan* ini menjadi penting dalam membentuk budaya masyarakat yang prihatin, saling membantu, dan berpusatkan nilai-nilai kemanusiaan. *Ihsan* juga membantu mencipta suasana harmoni dan solidariti di dalam masyarakat, membentuk dasar bagi pembangunan Malaysia Madani yang berwawasan ke arah kesejahteraan dan keadilan.

Kesimpulan

Konsep Madani yang diwujudkan dalam jentera pentadbiran kerajaan membawa satu naratif baru yang berpandukan kepada teras-teras yang telah dinyatakan. Fungsi leksikal setiap teras yang digunakan dalam menghuraikan konsep dan konteks kerajaan Malaysia Madani ini jelas dan amat bersesuaian dengan situasi dan keadaan negara yang berhadapan dengan pelbagai isu sosial, ekonomi, pendidikan, dan segala isu yang berkaitan. Setiap teras yang dijadikan asas dalam kerajaan Malaysia Madani ini menunjukkan bahawa negara kita mempunyai peradaban yang tinggi, mengutamakan kesamarataan dan telus, mengamalkan kebebasan awam, menjunjung dan melaksanakan kedaulatan undang-undang, memastikan keadilan sosial diamalkan dan memastikan penglibatan sosial oleh semua anggota masyarakat dalam apa juar bidang bagi mewujudkan sebuah negara yang harmoni, kaya dengan budi bahasa, maju dari aspek ekonomi dan kewangan, adil dalam pentadbiran dan politik, hormat antara satu sama lain dan sama-sama berganding bahu ke arah negara bangsa yang maju dan bertamadun.

Biodata

Salinah Ja'afar (Profesor Madya Dr) memiliki Ijazah Doktor Falsafah (Universiti Malaya) dalam bidang Linguistik dan Leksikologi. Beliau merupakan pensyarah Linguistik di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Ahli akademik yang banyak terlibat dengan program di Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Penasihat Pembangunan Kurikulum BM dan AJK Pemantauan Audit Bahasa KPM. Pernah dilantik sebagai Panel Pakar Penilai Pertandingan Terjemahan Puisi Antarabangsa (MASTERA) 2019. Aktif dalam kerja-kerja penterjemahan dan sering memberi ceramah bahasa di sektor kewangan untuk kakitangan perbankan dan BNM, dan turut menjadi pengajar program Diploma Penterjemahan anjuran Persatuan Penterjemah Malaysia bersama Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rujukan

- Azyumardi Azra (1999). *Menuju masyarakat Madani*. Remaja Rosdakarya.
- Culla, A. S. (1999). *Masyarakat Madani (Pemikiran, teori, dan relevansinya dengan cita-cita reformasi)*. PT Grafindo Persada.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2021). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim Harun, Khairulanuar Ismail, Lokman Abd.Wahid, Zawahir Ismail, & Azhar Md. Sabil. Membina kerangka standard bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. *Jurnal Melayu*, 17(2), 241-254.
- Raharjo, D. (1999). *Masyarakat Madani di Indonesia, agama, kelas menengah dan perubahan sosial*. LP3ES.
- Salinah Ja'afar. (2005). Fungsi leksikal “bunga” dalam simpulan bahasa dan peribahasa bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 5(4), 40-66.
- Suhendang, E. (2009). *Konsep masyarakat Madani menurut M. Dawam Rahardjo*. [Tesis diploma tidak diterbitkan]. UIN Sunan Gunung Djati Bandung.
- Izatul Asyikin Hamzah. (2014). *Aktiviti pengenalan ilmu ketamadunan: Sub Topik 2* <https://www.openlearning.com/content/5497f8881303f2432909912c/>
- Zulkarnin Zakaria. (2023). *Kesejahteraan dalam Pendidikan Malaysia Madani-Malaysia MADANI*.<https://malaysiamadani.gov.my/2023/04/kesejahteraan-dalam-pendidikan-malaysia-madani/>

NILAI AGAMA SEBAGAI ELEMEN NASIONALISME DALAM PANTUN MELAYU

(RELIGIOUS VALUES AS A NATIONALISM ELEMENT IN MALAY PANTUN)

Zubir Idris
zidris@ukm.edu.my

Muhd Norizam Jamian
norizam@ukm.edu.my

Yusmilayati Yunos
yusmila@ukm.edu.my

Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kepelbagai masyarakat di Malaysia menjelaskan terdapatnya pelbagai anutan agama yang diamalkan, seterusnya mewujudkan satu ruang persamaan bagi mencerap nilai murni yang sesuai bagi sesebuah masyarakat majmuk. Dalam konteks pantun Melayu, ia telah terbukti berupaya mencerminkan hal yang bersangkutan dengan agama dan nilai murni yang terdapat di dalamnya. Seiring dengan peredaran zaman, kepengarangan pantun Melayu tidak hanya mencerminkan nilai agama dalam masyarakat Melayu sahaja tetapi turut merangkumi pelbagai amalan agama yang terdapat di negara ini, yang dilihat berpotensi untuk dijadikan alat pemangkin nasionalisme. Justeru, makalah ini memperkatakan nilai agama sebagai elemen nasionalisme yang dapat dicerap menerusi beberapa koleksi pantun Melayu, yang seterusnya berupaya menjadi alat perpaduan berkesan. Selain itu, makalah ini juga bertujuan untuk memerikan keberadaan pantun Melayu bertemakan nilai agama yang dapat diolah maksudnya kepada pengertian nasionalisme yang bersesuaian di negara ini. Kaedah kualitatif digunakan dengan berorientasikan kepada kajian kepustakaan menerusi teknik pembacaan rapi. Selain itu, makalah ini juga berpandukan pada takrifan nasionalisme Hans Kohn (1965) sebagai konsep dasar nasionalisme dalam perbincangan. Dapatan kajian diharapkan berupaya menunjukkan keupayaan pantun Melayu sebagai alat manifestasi perpaduan yang jitu dalam kalangan masyarakat, selain membuktikan nilai agama sebagai satu elemen nasionalisme yang bersesuaian di Malaysia.

Kata Kunci: majmuk; nilai agama; pantun Melayu; perpaduan; puisi tradisional

ABSTRACT

The diversity of communities in Malaysia explains the existence of various religious beliefs practiced, thus creating a common space for embracing suitable moral values for a multicultural society. In the context of Malay pantun, it has been proven capable of reflecting matters related to religion and the moral values within it. Along with the passage of time, the composition of Malay pantun not only reflects religious values within the Malay community but also encompasses various religious practices in the country, which are seen as potential catalysts for nationalism. Therefore, this paper discusses religious values as a nationalism element that can be embraced through several collections of Malay pantun, subsequently serving as an effective tool for unity. Furthermore, this paper also aims to define the existence of Malay pantun with religious themes that can be interpreted to suit the relevant nationalism concept in the country. Qualitative methods are employed, primarily based on a literature review and close reading techniques. In addition, this paper also refers to Hans Kohn's (1965) definition of nationalism as the foundational concept of nationalism in the discussion. The research findings are expected to demonstrate the ability of Malay pantun as a precise manifestation tool for unity among the people, while proving religious values as a relevant element of nationalism in Malaysia.

Keywords: multicultural, religious values, Malay pantun, unity, traditional poetry

Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum dan etnik dan hal ini juga menjelaskan terdapat banyak agama yang dianuti penduduk-penduduk di negara ini. Umum mengetahui, agama Islam merupakan agama persekutuan bagi negara Malaysia. Perkara ini termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia perkara ke 3, iaitu agama Islam ialah agama bagi persekutuan; tetapi agama-agama lain masih boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan” (Jabatan Penerangan Malaysia, 2017).

Meskipun terdapat pelbagai agama, namun terdapat hampir satu persamaan di dalamnya iaitu nilai yang dibawa oleh agama-agama berkenaan khususnya dalam konteks nilai murni. Nilai-nilai murni ini yang dianjurkan menerusi pelbagai agama sesungguhnya mempunyai peranan signifikan dalam memupuk semangat nasionalisme di negara ini. Variasi agama yang terdapat di Malaysia mewujudkan satu ruang persamaan bagi mencerap nilai murni yang sesuai bagi sebuah masyarakat majmuk.

Agama sebagai asas perpaduan boleh dijadikan salah satu pendekatan untuk menyatupadukan semua rakyat daripada semua kaum, budaya, agama dan bahasa. Isu-isu agama perlu diuruskan dengan matang dan fikiran yang waras kerana konflik agama mempunyai potensi yang paling tinggi untuk mempengaruhi kestabilan perpaduan negara dan sentimen keagamaan, sekiranya tidak dikawal, mudah dibakar dan boleh menghancurkan keamanan dan perpaduan negara telah lama membawa ke arah pembangunan yang cemerlang di negara selama ini (Jaffary Awang, Mohd Nasir Omar & Muda @ Ismail Ab. Rahman, 2003). Misalnya, sikap hormat-menghormati dan bersatu padu menjadi asas terhadap perpaduan kaum di Malaysia. Sikap sedemikian perlu dipupuk sejak kecil lagi kerana ia dapat membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Suatu perkara yang menarik berkaitan dengan nilai-nilai murni yang terdapat dalam pelbagai agama ini ialah ia turut disinggung dalam pantun-pantun Melayu yang dikarang sama ada oleh pujangga-pujangga silam mahupun khalayak masyarakat masa kini. Menurut Harun Mat Piah (1989), keunikan pantun Melayu boleh dikatakan sebagai satu bukti kelestarian intelektual masyarakat Melayu yang kukuh melangkaui zaman. Hal ini juga dapat dibuktikan

menerusi binaan pantun sebagai suatu bentuk sastera lisan dan masih berkedudukan begitu hingga sekarang. Dengan ketetapan dan ketegasan yang dilihat menerusi rangkap pantun adalah sesuatu yang amat istimewa jika dilihat dari aspek keberadaannya yang telah lanjut dalam arena kesusasteraan Melayu.

Kerelevan pantun sebagai alat didaktik masih kekal terpelihara apabila adanya lahan kepengarangan pantun yang mengikut arus kemodenan. Misalnya, wujudnya pantun yang berupaya membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat. Pantun nasionalisme yang dinyatakan pastinya turut mencakupi elemen yang luas tanpa menyingkirkan struktur pantun yang sudah sedia ada, yang dapat menjelaskan kedudukan nilai agama dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Justeru, makalah ini akan meneliti pantun Melayu dari aspek nilai agama yang dikarang oleh pencipta pantun sama ada dulu dan masa kini dalam usaha membangkitkan semangat nasionalisme pada khalayak, khususnya rakyat Malaysia. Data yang diambil menerusi pelbagai teks pantun akan disesuaikan dengan takrifan nasionalisme oleh Hans Kohn (1965) yang mengatakan satu pemikiran berubah menjadi suatu hasrat dan sentimen yang berkembang melalui berbagai-bagi kesan pengalaman hidup sesuatu masyarakat, seterusnya menjadikan hasrat dan sentimen itu menimbulkan gerak kesedaran anggota masyarakat tersebut untuk menyumbangkan jasa melalui aktiviti-aktiviti yang teratur dengan matlamat terakhirnya untuk menegakkan sebuah negara berdaulat.

Sorotan Literatur

Penelitian yang dibuat terhadap pantun Melayu adalah tidak asing dalam korpus sastera tradisional, dan telah diteliti daripada pelbagai perspektif. Aspek pemikiran dan falsafah yang terkandung di dalam pantun Melayu merupakan antara aspek yang sering dikaji oleh para sarjana. Hal ini dapat dilihat menerusi makalah oleh Shaiful Bahri Md Radzi, Hanapi Dollah dan Solehah Ishak (2004) yang bertajuk *Pengaruh Melayu dalam Pantun Mah Meri*. Seterusnya, Fatimah Abdullah (2009) menulis tentang pantun sebagai perakam norma menerusi penelitian awal terhadap perkahwinan dan keluarga Melayu. Muhammad Haji Salleh (2011) pula dalam makalah yang bertajuk *In Search of Literary Love in Malay Literature: The Early Stages of Relationship* menerangkan unsur romantis yang terkandung di dalam pantun Melayu. Siti Hajar Che Man (2013) dalam penulisannya mengkaji kelestarian pantun dari sudut kerelevan dan kesignifikan pantun di era pembangunan negara dan pembangunan insan pada era moden.

Selain itu, Zurakintan Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh (2015) mengkaji pemikiran Melayu tentang ilmu dan adab dalam puisi Melayu tradisional yang semestinya dapat dilihat menerusi pantun. Nirwana Sudirman dan Zulkifley Hamid (2016) pula dalam kajian mengenai pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu, telah mengenal pasti metafora yang menggambarkan perenggu minda orang Melayu tentang kasih sayang, adat, kiasan, nasihat, perantauan, jenaka, peribahasa, budi, agama, kepahlawanan dan perekonomian. Mohamad Shaidan dan Shaiful Bahri Md. Radzi (2020) menilai tradisionalis, penyimpangan dan puisi sukar dalam puisi Melayu moden dan menyuarakan usaha untuk mengetengahkan kaedah pembacaan puisi sukar.

Berdasarkan kajian lepas yang telah dinyatakan berkenaan pantun, ternyata belum ada satu pun kajian khusus yang menyebut mengenai pantun nasionalisme. Walau bagaimanapun, terdapat dua kajian yang menyentuh soal perpaduan dan nilai patriotisme yang merupakan antara elemen nasionalisme. Madiawati Mamat @ Mustaffa, Nurhamizah Hashim dan Eizah Mat Hussain (2020) dalam makalah bertajuk *Manifestasi Perpaduan Dalam Era Malaysia Baharu Melalui Kumpulan Pantun Warisan*, menilai aspek perpaduan yang dapat dicerap

menerusi pantun Melayu. Makalah tersebut juga menyatakan potensi dunia persuratan Melayu sebagai alat perpaduan bagi kesejahteraan masyarakat di negara ini.

Azim Normiza Ahmad dan Shaiful Bahri Md. Radzi (2021) pula menyentuh nilai patriotisme yang dapat ditelusuri menerusi teks *Pantun Pak Nazel*. Kajian tersebut turut menyatakan bahawa kemampuan genre puisi tradisional memberi ruang dalam dunia pendidikan, dalam penerapan nilai-nilai murni sesuai dengan perubahan masa dan tuntutan zaman. Kedua-dua kajian yang telah dinyatakan meskipun tidak menyatakan secara langsung berkenaan nasionalisme, ada menyentuh betapa elemen perpaduan dan patriotisme adalah salah satu elemen yang terdapat dalam soal memperkatakan mengenai nasionalisme. Pencerapan elemen nasionalisme berdasarkan pantun Melayu nyata menunjukkan bahawa genre pantun nasionalisme adalah wujud dan boleh dibahaskan keberadaannya dalam korpus dunia persuratan Melayu.

Berdasarkan kajian lepas yang telah dinyatakan, nyatalah bahawa kajian berkenaan pantun dan nasionalisme tempatan masih lagi sering dijalankan. Sungguhpun begitu, masih belum terdapat kajian yang meneliti nilai agama yang terdapat dalam pantun Melayu dan hubung kaitnya dengan isu nasionalisme. Justeru, makalah ini membicarakan tentang nilai agama yang dapat mempunyai sumbangannya yang tersendiri bagi memupuk semangat nasionalisme menerusi pantun Melayu, selain meningkatkan korpus kajian bagi ditelaah bersama.

Metodologi Kajian

Makalah ini menggunakan kaedah kepustakaan sepenuhnya dengan merujuk teks-teks pantun seperti *Setaman Pantun Merdeka* (2007), *Rampai Sari Pantun* (2017), *Pantun Warisan: Khazanah Budaya Bangsa* (PWKBB) dan beberapa laman web sebagai korpus data kajian, artikel jurnal dan teks yang berkaitan dengan topik kajian. Kaedah kajian ini hanya melibatkan kaedah analisis kandungan teks yang memfokuskan aspek nilai agama serta menggunakan konsep nasionalisme sebagai teras perbincangan dalam makalah. Keseluruhan kajian dalam penyelidikan ini menggunakan kajian kepustakaan memandangkan kesesuaian penggunaan kaedah ini. Teks yang mengandungi rangkap pantun juga diteliti bagi mendapatkan data. Penerapan metodologi ini melibatkan penggunaan kaedah analisis kandungan untuk menentukan nilai-nilai nasionalisme yang terdapat dalam teks pantun yang telah dinyatakan seperti yang ditegaskan Berelson (1952) “*Content analysis is a research technique for the objectives, systematic, and quantitative description of the content of communication.*”

Dapatan dan Perbincangan

Seperti yang telah dinyatakan pada bahagian awal perbincangan, terdapat pantun yang memperkatakan nasionalisme. Penulisan makalah ini cuba melihat bagaimana nilai agama yang menganjurkan nilai-nilai murni bersamanya dapat menyuguhkan perkara-perkara yang berkait dengan nasionalisme. Terdapat beberapa elemen yang terkandung dalam nilai agama iaitu kesopanan, kesusahaahan, toleransi, kasih sayang dan keprihatinan. Untuk tujuan penulisan makalah ini, hanya elemen toleransi, kesusahaahan dan kasih sayang sahaja yang akan dibincangkan.

Toleransi

Setiap prinsip yang terkandung di dalam Rukun Negara mempunyai matlamat dan maksud yang tertentu. Ianya harus dihayati dengan mendalam oleh semua rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama dan seterusnya dipraktikkan di dalam kehidupan harian. Prinsip

‘Kepercayaan Kepada Tuhan’ sebagai prinsip pertama dalam Rukun Negara bertujuan menggalakkan rakyat Malaysia supaya sentiasa berpegang teguh kepada agama dan kepercayaan masing-masing. Perkara ini sangat penting bagi menjamin kebaikan bersama untuk membina negara Malaysia yang berdaulat. Perlembagaan Persekutuan Malaysia memperuntukkan agama Islam sebagai agama persekutuan negara. Namun, agama-agama lain masih boleh diamalkan di mana-mana sahaja bahagian di dalam negara ini. Keadaan ini adalah bertujuan bagi memastikan perpaduan dalam kalangan rakyat di negara ini sentiasa berada dalam keadaan baik (Muhammad Nasrul Abu Hassan, 2022).

Pantun berikut menggambarkan bahawa latar belakang keturunan yang berbeza bukanlah halangan untuk mencapai perpaduan, dan seterusnya membina bangsa yang utuh dan bersatu-padu:

Tuan Puteri dari kayangan,
Senyuman manis seperti madu,
Bermacam-macam keturunan bukan halangan,
Untuk membina bangsa yang padu.

(Min Zirae, 2014)

Pantun di atas merupakan salah satu pantun yang tepat untuk dikaitkan dengan situasi semasa. Pantun ini menjelaskan bahawa keturunan, agama dan bangsa yang berbagai-bagai bukanlah alasan untuk rakyat berpecah belah antara satu sama lain. Sebaliknya, kepelbagaiannya inilah yang harus diterima pakai oleh setiap rakyat bagi memupuk perpaduan dan menjauhi segala pertelingkahan. Prinsip Rukun Negara yang pertama ini dapat dilihat dengan jelas dalam suasana harmoni yang dikecapi oleh rakyat di negara ini. Mereka menerima dan mengamalkan perbezaan agama untuk saling menghormati antara satu sama lain.

Walaupun berbeza agama dan pegangan, namun setiap agama tersebut menekankan konsep keharmonian dan pengamalan nilai-nilai murni dalam kalangan penganutnya. Hal ini bertujuan bagi melahirkan masyarakat yang sentiasa hidup dalam keadaan yang tenang dan saling bertolak ansur antara satu sama lain. Sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai etnik dan kaum, negara Malaysia membenarkan penduduknya yang berbilang kaum ini bagi menyambut pelbagai jenis perayaan sepanjang tahun.

Keadaan seperti ini amat penting bagi memastikan tidak ada kaum yang terpinggir dan seterusnya menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang aman dan harmoni. Keadaan ini sesuai dengan rangkap pantun di bawah:

Dari Kedah ke Kuala Kubu,
Tunai hajat bersuka ria,
Banyak hikmah hidup bersatu,
Seluruh rakyat berasa bahagia.

(Indah Adriana, 2021)

Rangkap pantun tersebut mengingatkan supaya rakyat di negara Malaysia hendaklah sentiasa bersatu antara satu sama lain. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak manfaat yang akan diperoleh sekiranya rakyat sentiasa bersatu seperti yang dinyatakan dalam frasa pantun ‘Banyak hikmah hidup bersatu’. Seseorang yang mempunyai pegangan agama yang teguh akan terhindar daripada melakukan perkara-perkara yang tidak baik. Setiap agama menitikberatkan penganutnya supaya sentiasa mengamalkan gaya hidup yang saling membantu dan bertolak ansur antara satu sama lain. Pantun ini boleh dikaitkan dengan kepercayaan dan keagamaan. Apabila rakyat sentiasa bersatu antara satu sama lain, sudah tentu akan lahir suasana yang harmoni, dengan segala perselisihan dapat dielakkan. Keadaan ini secara tidak langsung akan

dapat memupuk semangat nasionalisme serta membuatkan rakyat dapat hidup dalam keadaan yang damai dan bahagia seperti yang dinyatakan dalam pantun tersebut.

Pegangan agama masing-masing dan berpandukan kepada prinsip ‘Kepercayaan Kepada Tuhan’ sesungguhnya mampu membentuk rantaian kasih sayang dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum di negara ini. Keadaan ini membolehkan negara Malaysia untuk sentiasa bergerak ke arah negara maju dan lebih berdaya saing dengan menggunakan kemajmukan yang telah dibina sejak sekian lama. Hal ini sejajar dengan pandangan Hans Kohn (1965) yang mengatakan satu pemikiran berubah menjadi suatu hasrat dan sentimen yang berkembang melalui berbagai-bagi kesan pengalaman hidup sesuatu masyarakat, dengan matlamat terakhirnya untuk menegakkan sebuah negara berdaulat.

Kesusilaan

Nilai agama layak dirangkumkan bersama dalam elemen nasionalisme kerana peranannya dalam mendidik dan mengasuh keperibadian masyarakat dengan nilai murni. Kesopanan dan kesusilaan yang diterapkan oleh semua agama yang terdapat di negara ini dapat disimpulkan bersama bagi tujuan pendidikan rohani masyarakat di Malaysia. A. Aziz Deraman (2000) ada menyatakan bahawa kerohanian yang dipupuk daripada nilai agama dan budaya terhasil dari nilai positif sesuatu kaum yang mempunyai pegangan serta pemahaman agama yang mantap. Pantun yang menerapkan nilai agama dapat dilihat seperti berikut:

Hendak memudik teruna sebaya,
Mencari pulasan sarat sesampan,
Anak dididik agama budaya,
Menjadi insan taat dan sopan.

(Abdul Halim “R”, 2017:126)

Hutan tropika warisan berzaman,
Flora dan fauna menggamit pelancong,
Dalam sibuk mengejar kejayaan,
Negara dipelihara agama dijunjung.

(Md Salleh Yaapar, 2007:16)

Kepelbagai etnik yang terdapat di negara ini turut memunculkan variasi agama dan pegangan yang dianuti oleh setiap warganegara. Setiap falsafah agama yang terdapat di negara ini menjurus kepada nilai positif dan bersesuaian dengan pengamalannya di Malaysia, selari dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 3(1) yang memperuntukkan kebebasan beragama selagi ia diamalkan secara aman damai. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa agama di negara ini berupaya dimanfaatkan ke arah pembangunan struktur sosial masyarakat yang harmoni dan saling hormat-menghormati.

Kesusilaan mampu membentuk peribadi dan mengawal aktiviti sehari-hari insan. Nilai ini juga bertindak dalam mengekalkan kehidupan yang bersatu-padu, menjauhi perpecahan dan pertelingkahan, kerana nilai mempunyai peranan penting dalam memastikan etika dan moral yang positif dalam kehidupan bermasyarakat (Norullisza Khosim, Azrin Ibrahim & Mohd Shukri Hanapi, 2020). Nilai agama khususnya dapat dikaitkan dengan semangat nasionalisme yang berusaha untuk memperkuat hubungan antara masyarakat di Malaysia. Misalnya, sikap berakhhlak mulia dan berbaik sangka dapat diterapkan dan menjadi amalan setiap masyarakat agar hubungan baik antara kaum dapat diwujudkan. Situasi ini dapat dikaitkan dengan pantun Melayu seperti berikut:

Bunga cempaka, bunga kemboja,
Baunya harum menawan kalbu,
Berbudi Bahasa berakhlak mulia,
Menjadi amalan setiap waktu. (r.1350)

(Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, 2013)

Bunga cempaka penyeri kota,
Disusun-susun jadi jambangan,
Berbaik sangka antara kita,
Dapat eratkan menjaga hubungan. (r. 1357)

(Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, 2013)

Perpaduan antara orang Melayu adalah topik yang *evergreen* dalam perbincangan politik negara. Masyarakat perlu memantapkan kefahaman mengenai fahaman nasionalis. Hal ini disebabkan nasionalisme adalah teras perpaduan masyarakat Malaysia. Setiap masyarakat mempunyai tanggungjawab yang besar dalam mengarah hala tuju negara (Siti Shamsiah Md Supi, 2002).

Dimensi agama sebagai asas perpaduan boleh diperkuuhkan dengan mengambil kira bahawa semua agama mempunyai nilai-nilai tersendiri yang baik. Nilai-nilai keagamaan semua agama harus diutamakan dan disebarluaskan untuk dihayati oleh semua masyarakat bagi meningkatkan lagi persefahaman. Di antara nilai yang harus dipupuk dan diamalkan oleh semua rakyat ialah kesederhanaan, toleransi, persefahaman, hormat menghormati, kesabaran, keamanan dan sebagainya (Jaffary Awang, Mohd Nasir Omar & Muda @ Ismail Ab. Rahman, 2003). Sebagai sebuah negara yang aman dan makmur, penghayatan terhadap nilai perpaduan wajar diperkuuhkan. Semangat nasionalisme sebeginilah perlu dijadikan amalan oleh seluruh rakyat Malaysia dan ia diperlihatkan dalam pantun Melayu berikut:

Makan nasi bersama telur,
Selepas makan sembahyang zohor,
Negara Malaysia aman dan makmur,
Kepada Allah kita bersyukur. (r. 4848)

(Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, 2013)

Berdasarkan beberapa contoh pantun dan perbincangan yang telah diajukan, dapatlah dilihat betapa nilai-nilai kesusilaan seperti yang dianjurkan oleh pengisian agama yang terdapat dalam pantun Melayu ini dapat dimanfaatkan untuk memacu ke arah penyatuan pelbagai bangsa di negara Malaysia, dan seterusnya memberi impak terhadap pembinaan nasionalisme. Hal ini secara tidak langsung menjelaskan pandangan yang diajukan Hans Kohn (1965) betapa hasrat dan sentimen yang berkembang melalui berbagai-bagai kesan pengalaman hidup sesuatu masyarakat dapat memberikan sumbangan dalam usaha menegakkan sebuah negara berdaulat.

Kasih Sayang

Kasih sayang adalah fitrah yang amat bernilai dalam diri manusia, yang muncul hasil daripada aktiviti mental yang rasional dan logik. Nilai ini merupakan faktor penting dalam menjamin kesejahteraan masyarakat. Kasih sayang melampiaskan sifat saling memberi perhatian, membantu, berkolaborasi dan menjaga kepentingan bersama yang seterusnya menjadi antara

ciri penting dalam membina keluarga dan masyarakat yang harmoni (Siti Norlina Muhamad, Ahmad Kilani Mohamed, Zulkifli Haron & Siti Aisyah Abdul Rahman 2004). Kasih sayang juga merupakan nilai yang ditekankan dalam Islam sebagaimana yang tergambar dalam konsep rahmah.

Rahmah adalah konsep penting dalam Islam yang merujuk kepada kasih sayang dan kebaikan Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Konsep ini mempunyai makna mendalam dalam ajaran Islam dan memainkan peranan penting dalam pemahaman umat Islam tentang hubungan mereka dengan Allah dan sesama manusia.

Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, terdapat kepelbagaian pemahaman tentang agama dan budaya sehingga melahirkan interpretasi konsep kasih sayang yang agak berbeza dalam kalangan individu dan kumpulan agama. Namun, secara keseluruhan, konsep kasih sayang adalah nilai yang diterima secara meluas dalam semua agama dan budaya di Malaysia. Masyarakat Malaysia sering menunjukkan toleransi dan saling hormat-menghormati terhadap perbezaan agama dan budaya dalam kehidupan seharian.

Kasih sayang dan semangat nasionalisme dapat membentuk hubungan erat, terutama dalam konteks pembangunan dan pemeliharaan identiti negara. Kasih sayang boleh berperanan sebagai pemacu semangat nasionalisme kerana ia memberi dorongan kepada individu dan komuniti untuk menjaga kepentingan bersama, melestarikan budaya dan alam sekitar, serta mempromosikan nilai-nilai kesamarataan dan keadilan sosial yang menjadi sebahagian daripada identiti negara. Kasih sayang juga memainkan peranan penting dalam membentuk dan mengekalkan ikatan sosial yang kukuh dalam masyarakat, yang secara tidak langsung dapat memperkuat semangat nasionalisme.

Hubungan kasih sayang dalam menyemarakkan semangat nasionalisme turut dapat dilihat dalam pantun Melayu. Hal ini dapat dilihat menerusi rangkap pantun berikut:

Beras ditanak berkati-kati,
Lauk gulai rendang dirasa;
Kasih mengasihi bersatu hati,
Hidup damai sepanjang masa. (r.850)

(Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, 2013)

Dalam konteks nasionalisme, pantun ini menggambarkan bagaimana kasih sayang dan perhatian terhadap sesama ahli masyarakat adalah nilai-nilai yang penting. Hal ini menciptakan atmosfera harmoni dan bersatu padu, yang merupakan komponen penting dari semangat nasionalisme yang kuat. Kesedaran akan pentingnya memelihara hubungan yang penuh kasih sayang dan menjaga kepelbagaian dalam masyarakat dapat menyumbang pada semangat nasionalisme yang positif dalam budaya Melayu.

Pembayang pantun “Beras ditanak berkati-kati, Lauk gulai rendang dirasa” memaparkan situasi semasa menyediakan hidangan dalam suatu majlis. Tindakan menanak nasi dalam kuantiti yang banyak memerlukan perhatian dan kecermatan, yang dapat diertikan sebagai kasih sayang terhadap proses persiapan makanan. Hal ini juga mencerminkan rasa tanggungjawab terhadap keperluan keluarga dan masyarakat. Proses memasak dan merasa lauk-pauk pula mencerminkan tindakan kasih sayang dalam menyiapkan hidangan yang lazat dan berkualiti bagi orang lain.

Bait-bait maksud pantun tersebut, “Kasih mengasihi bersatu hati, Hidup damai sepanjang masa” pula menyoroti pentingnya kasih sayang dan perpaduan dalam masyarakat sehingga melahirkan hubungan yang penuh cinta, perhatian, dan belas kasihan antara satu sama lain. Sebagai natijahnya, masyarakat boleh mencapai kebahagiaan dan perdamaian yang berlanjutan sepanjang waktu.

Kepentingan kasih sayang dalam pembinaan sebuah negara bangsa yang sejahtera pula ditonjolkan dalam rangkap pantun berikut:

Buah ketapang, buah ketiting,
Bentuk berbeza antara keduanya;
Kasih sayang sangatlah penting,
Demi membina warga sejahtera. (r.1171)

(Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, 2013)

Dalam pantun di atas, pembayang “Buah ketapang, buah ketiting, Bentuk berbeza antara keduanya” menggambarkan perbezaan dan keragaman dalam masyarakat, yang sering kali merupakan ciri khas bagi negara majmuk seperti Malaysia. Meskipun buah ketapang dan ketiting merupakan dua buah yang mempunyai bentuk berbeza, kedua-duanya memiliki nilai dan keunikan masing-masing. Hal ini mencerminkan idea bahawa dalam masyarakat yang majmuk, perbezaan adalah hal yang biasa, dan penting untuk menghargai dan merayakan keragaman tersebut.

Sementara itu, bait-bait maksud pantun “Kasih sayang sangatlah penting, Demi membina warga sejahtera” menekankan bahawa dalam masyarakat yang majmuk, kasih sayang dan penghargaan terhadap perbezaan sangat penting. Hubungan yang baik antara individu dan kelompok yang berbeza, serta penghormatan terhadap kepelbagaiannya adalah kunci dalam mencapai nasionalisme yang positif dan pembangunan masyarakat yang sejahtera. Kasih sayang menjadi penghubung penting antara perbezaan dalam masyarakat untuk melahirkan semangat nasionalisme yang mendukung perpaduan dan kebahagiaan bersama.

Pantun berikut pula mengilustrasikan bahawa kasih sayang adalah nilai yang dihargai dan penting dalam masyarakat:

Burung nuri terbang melayang,
Terbang rendah di pohon meranti;
Amalkan kasih semaiakan sayang,
Masyarakat penyayang jadi realiti. (r.1559)

(Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, 2013)

Baris pembayang “Burung nuri terbang melayang, Terbang rendah di pohon meranti” membayangkan kebebasan dan citra hubungan harmoni dengan alam sekitar. Hal ini boleh diertikan sebagai tindakan kasih sayang terhadap alam semesta, di mana burung nuri berasa aman dan bahagia saat terbang di sekitar lingkungan alaminya.

Baris maksud “Amalkan kasih semaiakan sayang, Masyarakat penyayang jadi realiti” pula menggambarkan pengamalan kasih sayang dapat menciptakan ikatan sosial yang kuat di antara warga, yang seterusnya dapat memperkuat semangat nasionalisme. Masyarakat yang mengamalkan kasih sayang akan membuatkan hubungan antara individu menjadi lebih harmoni, dan semangat nasionalisme yang positif dapat tumbuh.

Natiijahnya kasih sayang adalah nilai yang dapat memperkuat perpaduan dalam masyarakat. Apabila warganegara saling menghargai dan mengambil berat satu sama lain, ini membina hubungan sosial yang kukuh dalam masyarakat. Semangat nasionalisme mendorong semangat kekitaan, membantu sesama warganegara dalam situasi yang mencabar, dan memberi perhatian kepada keperluan orang lain dalam komuniti.

Kesimpulan

Kepelbagai etnik yang terdapat di negara ini turut memunculkan variasi agama dan pegangan yang dianuti oleh setiap warganegara. Setiap falsafah agama yang terdapat di negara ini menjurus kepada nilai positif dan bersesuaian dengan pengamalannya di Malaysia, sejajar dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 3(1) yang memperuntukkan kebebasan beragama selagi ia diamalkan secara aman damai. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa agama di negara ini berupaya dieksplotasi ke arah pembangunan struktur sosial masyarakat yang harmoni dan saling hormat-menghormati.

Dalam konteks pantun Melayu, nilai agama yang terdapat di dalamnya berupaya meningkatkan jati diri bagi setiap anggota masyarakat. Kreativiti dan kefahaman penggunaan seni kesusasteraan Melayu yang tinggi mampu dijadikan alat pemangkin nasionalisme berkesan dalam kalangan rakyat Malaysia. Nilai agama yang dipegang dan diamalkan pelbagai bangsa di negara Malaysia mampu dirakamkan menerusi pantun, sekali gus membuang stigma umum bahawa nilai agama bersifat khas kepada kaumnya sahaja dan tidak boleh dikongsi secara bebas. Dalam konteks nasionalisme, pantun-pantun yang sarat dengan nilai agama, yang juga dapat dianggap sebagai nilai universal adalah penting dalam memupuk hubungan yang harmoni dalam masyarakat.

Penghargaan

Penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi atas geran FRGS/1/2022/WAB10/UKM/02/1 Pembinaan Kerangka Konsep Nasionalisme Berdasarkan Pantun Melayu.

Biodata Penulis

Zubir Idris merupakan Pensyarah Kanan Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhd Norizam Jamian merupakan Pensyarah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Yusmilayati Yunos merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rujukan

Abdul Halim “R”. (2017). *Rampai sari pantun: Teknik mencipta & berbalas pantun*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

A. Aziz Deraman. (2000). *Tamadun Melayu dan pembinaan bangsa Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azim Normiza Ahmad & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2021). Nilai patriotisme dalam Pantun Pak Nazel. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(2), 37–49.

Berelson, B. (1952). *Content analysis in communication research*. New York Hafner Press.

Fatimah Abdullah. (2009). Pantun sebagai perakam norma: Penelitian awal terhadap perkahwinan dan keluarga Melayu. *Jurnal Melayu*, 4, 43-57.

Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu tradisional: Satu pembicaraan genre dan fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Indah Adriana. (2021). Pantun perpaduan.
<https://id.scribd.com/doc/89311059/pantunPERPADUAN>.

Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia. (2013). *Pantun warisan khazanah budaya bangsa*. IKSEP.

Jabatan Penerangan Malaysia. (2017). Maklumat Malaysia: Agama.
<https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30116?language=my>.

Jaffary Awang, Mohd Nasir Omar & Muda@Ismail Ab. Rahman. (2003). *Agama dan perpaduan kaum di Malaysia*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hans, K. (1965). *Nationalism: Its meaning and history*. Van Nostrand Reinhold.

Madiawati Mamat@Mustaffa, Nurhamizah Hashim & Eizah Mat Hussain. (2020). Manifestasi perpaduan dalam era Malaysia baharu melalui Kumpulan Pantun Warisan. *Jurnal Melayu*, 19(1), 75-87.

Md Salleh Yaapar. (2007). *Setaman pantun merdeka*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Min Zirae. (2014). Pantun empat kerat muhibah & perpaduan.
<https://prezi.com/gvredpovoe9m/pantun-empat-kerat-muhibah-perpaduan/>.

Mohamad Shaidan & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2020). Tradisionalis, penyimpangan dan puisi sukar dalam puisi Melayu moden. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 8(3), 11–22.

Muhammad Haji Salleh. (2011). In Search of Literary Love in Malay Literature: The Early Stages of Relationship. *Asiatic: IIUM Journal of English Language and Literature*, 5(2), 17-39.

Muhammad Nasrul Abu Hassan. (2022). *Elemen rukun negara dalam pantun Melayu* [Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan]. Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. (2016). Pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 145-159.

Norullisza Khosim, Azrin Ibrahim & Mohd Shukri Hanapi. (2020). Peranan nilai-nilai Islam dalam pembangunan insan berteraskan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(29), 109-119.

Shaiful Bahri Md Radzi, Hanapi Dollah, & Solehah Ishak. (2004). Pengaruh Melayu dalam pantun Mah Meri. *Jurnal Melayu*, 1, 155-178

Siti Hajar Che Man. (2013). Kelestarian pantun: Rencah dan leluhur bangsa dulu, kini dan selamanya. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 11, 75–81.

Siti Norlina Muhamad, Ahmad Kilani Mohamed, Zulkifli Haron & Siti Aisyah Abdul Rahman. (2004, September 4-6). *Budaya penyayang dalam kehidupan masyarakat Islam: Antara teori dan praktis* [Pembentangan kertas kerja]. Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), Hotel City Bayview, Langkawi, Kedah, Malaysia.

Siti Shamsiah Md Supi. (2002). Nasionalisme dan perpaduan Melayu dalam arus politik perdana menurut Islam. Institut Kefahaman Islam Malaysia. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2002/06/29/nasionalisme-dan-perpaduan-melayu-dalam-arus-politik-perdana-menurut-islam/>.

Zurakintan Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. (2015). Pemikiran Melayu tentang ilmu dan adab dalam puisi Melayu tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 3(2), 121-129.

ALAM SEKITAR DALAM CERPEN TERPILIH PENULIS SABAH: ANALISIS EKOLOGI SASTERA

(THE ENVIRONMENT IN SELECTED SHORT STORIES BY SABAH AUTHORS: ANALYSIS OF LITERATURE ECOLOGY)

Nurhamizah Hashim
aaee@um.edu.my

Eizah Mat Hussain
eizah@um.edu.my

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali
inmarlin@um.edu.my

Madiawati Mamat@Mustaffa
atie@um.edu.my

Norhayati Ab.Rahman
yati@um.edu.my

Jabatan Kesusastraan Melayu,
Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

ABSTRAK

Karya sastera mempunyai kaitan yang cukup rapat dengan alam. Alam merupakan salah satu sumber utama dalam proses penciptaan sesebuah karya sastera. Kini, terdapat ramai pengarang yang telah menggunakan alam sebagai tema utama dalam karya-karya mereka. Tema alam dalam cerpen juga telah digunakan oleh beberapa orang penulis Sabah. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti gambaran alam sekitar yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih serta meneliti kemusnahan alam sekitar yang terdapat dalam cerpen oleh penulis Sabah. Cerpen yang dipilih sebagai data kajian ialah *Kumpulan Cerpen Mencari Warna Daun* dan *Antologi Cerpen Malaysia-Taiwan*. Pendekatan ekologi sastera digunakan untuk menganalisis gambaran alam sekitar dalam cerpen-cerpen tersebut dengan memberi perhatian kepada ekologi alam yang menekankan kepada dua aspek, iaitu penekanan terhadap alam sebagai inspirasi karya sastera dan pembelaan terhadap alam akibat perbuatan manusia yang dikenal sebagai kajian eko kritik. Kaedah analisis kandungan (*content analysis*) akan digunakan untuk mendapatkan gambaran alam sekitar dan kemusnahan serta pencemaran alam sekitar dalam cerpen. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat penulis dari Sabah yang menjadikan alam sebagai latar belakang cerita dalam karya mereka serta kemusnahan dan pencemaran alam sekitar yang telah dikenal pasti dalam cerpen terpilih penulis sabah ini berpunca dari pembangunan yang tidak di rancangan dengan baik.

Kata kunci: alam sekitar, karya sastera, ekologi sastera, manusia, pencemaran alam

ABSTRACT

Literary works are closely related to nature. Nature is one of the main sources in the process of creating a literary work. Now, there are many authors who have used nature as the main theme in their works. Nature themes in short stories have also been used by several Sabah writers. The objective of this study is to identify the description of the environment found in selected short stories as well as examine the destruction of the environment found in short stories by Sabah writers. The short stories selected as research data are the Short Story Group Finding Color of Leaves and the Malaysia-Taiwan Short Story Anthology. The literary ecology approach is used to analyze the depiction of the environment in the short stories by paying attention to the ecology of nature which emphasizes two aspects, namely the emphasis on nature as an inspiration for literary works and the defense of nature as a result of human actions known as eco-criticism. The content analysis method will be used to get a picture of the environment and the destruction and pollution of the environment in the short story. The results of the study show that there are writers from Sabah who make nature the background of their stories in their works and the destruction and pollution of the environment that has been identified in the short stories selected by these Sabah writers stems from development that is not well planned.

Keywords: environment, literary works, literary ecology, human, natural pollution

Pengenalan

Karya sastera tidak lahir daripada ruang yang kosong sebaliknya ia tercipta hasil daripada realiti kehidupan manusia. Hasil daripada adunan pengetahuan, pengalaman, penelitian, penyelidikan dengan kreativiti, imaginasi dan wawasan seseorang pengarang, maka tercipta sesebuah karya sastera. Penghasilan sesebuah karya merupakan luahan fikiran pengarang tentang rencam kehidupan manusia dan alam persekitarannya yang diadun bersama pengalaman melalui daya kreativiti dan imaginasinya (Jumali Selamat, 2009, p.19). Menurut Umar Junus (1989) realiti yang digambarkan bukanlah sesuatu yang berdiri sendiri dan sahih tetapi realiti bergantung kepada ‘penglihatan’ atau imaginasi pengarangnya yang akan menjadi sesebuah karya itu lebih indah atau sebaliknya. Justeru itu, setiap karya yang bertanggungjawab akan mendasari aspek-aspek tertentu tentang keperihalan kemanusiaan, baik secara langsung maupun secara tersirat dan berlapisan maknanya (Shahnon Ahmad, 1994).

Hal ini sejajar dengan pendapat Maharam Mamat (2009) yang mengatakan bahawa unsur alam sekitar merupakan sebahagian daripada elemen yang digunakan oleh seseorang pengarang dalam karyanya. Penggunaan elemen alam sekitar ini tidak sekadar berfungsi untuk menghidupkan latar tempat tetapi elemen ini juga berupaya untuk menyunguhkan tema cerita dengan lebih menarik di samping menguatkan karya kerana alam ini digunakan sebagai wadah perlambangan untuk menyerlahkan pemikiran pengarang. Sifat-sifat masyarakat Melayu yang unik, kreatif dan akrab dengan alam menimbulkan semacam kepekaan dan sensitiviti terhadap segala kejadian di sekitar mereka. Melalui kepekaan tersebut tercetuslah hasil-hasil karya sastera yang halus dan indah sifatnya terutama dalam bentuk cerpen.

Sorotan Literatur

Kajian tentang gambaran dan isu alam sekitar dalam telah mula dilakukan oleh pengkaji dan pengkritik sastera sejak sekian lama. Antaranya seperti kajian yang telah dilakukan oleh Rosmah Derak (2023) dalam artikel bertajuk *Manifestasi Alam Sekitar Dalam Tiga Karya Faisal Tehrani: Perspektif Ekologi Sastera*. Data yang dikaji ialah novel karya Faisal Tehrani yang bertajuk *Bila Tuhan Berbicara* (2007), *Tunggu Teduh Dulu* (2008) dan *Bahlut* (2010).

Pendekatan ekologi sastera telah digunakan untuk menganalisis manifestasi alam sekitar yang terdapat dalam novel-novel tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa manifestasi alam sekitar seperti alam sebagai latar penceritaan terserah dalam ketiga-tiga novel. Alam sebagai sumber kehidupan manusia (sumber ekonomi) pula dapat dilihat dalam *Tunggu Teduh Dulu* dan *Bahlut* manakala alam sebagai bukti ketakjuban manusia kepada Pencipta terserah dalam novel *Tunggu Teduh Dulu* dan *Bila Tuhan Berbicara*. Melalui kritikan eko, didapati hanya novel *Bahlut* memperlihatkan adanya bentuk kritikan ekologi terhadap aktiviti pembalakan haram yang menyebabkan kerosakan alam berlaku seperti pencemaran Sungai dan pemendapan Sungai.

Seterusnya, kajian berkaitan alam sekitar dalam karya sastera juga turut dikaji oleh Maharam Mamat, Mawar Safei dan Maisarah Yaacob (2019) yang bertajuk *Kemusnahan Batu Karang: Analisis Cerpen ‘Kami akan mati, Lin’* tulisan Seroja Theavy Balakrishnan. Kajian ini telah menganalisis tentang kemusnahan batu karang yang terdapat dalam cerpen. Fokus utama penelitian ini menjurus kepada punca dan kesan kemusnahan batu karang terhadap hidupan marin. Hasil kajian ini mendapati bahawa kemusnahan batu karang berpunca daripada pencemaran air (laut dan sungai) akibat buangan sisa kapal, pembalakan, perindustrian, pembangunan dan kegiatan pengambilan terumbu karang secara haram.

Saravanan P. Veeramuthu (2017) juga turut mengkaji tentang alam yang terdapat dalam karya sastera yang bertajuk “Alam dan Kehidupan Bandar dalam Kumpulan Cerpen *Keinginan Kecil di Celah Daun*” karya Seroja Theavy Balakrishnan. Kajian ini melihat kehadiran bandar dalam wacana kesusteraan menjurus kepada dua aspek. Pertama, kehadiran bandar dalam sastera berfungsi sebagai penggambar suasana pekan dan kedua, ialah untuk melihat watak sebagai inti pati kehidupan bandar. Watak-watak yang terdapat dalam Kumpulan cerpen ini menjadi pusat perkembangan cerita dan dilihat sebagai refleksi kehidupan bandar dan pelestariannya. Dapatan kajian memperlihatkan beberapa penemuan bagaimana sastera berinteraksi dengan alam sekitar. Hal ini membuktikan bahawa karya sastera tidak sepatusnya berdiri dalam bentuk kekosongan yang tidak memberi manfaat kepada pembaca, namun perlu mempunyai ilmu dari disiplin lain yang akan memantapkan nilai karya.

Selain itu, Mohd Saberi Muda & Mas Rynna Wati Ahmad (2019) telah mengkaji puisi Melayu menggunakan Pendekatan Eko-Kritik dalam karya Marzuki Ali. Beberapa buah kumpulan puisi telah dijadikan data kajian. Antaranya kumpulan puisi *Jeritan Satwa Luka* (2000), *Bungkau Rimba Hujan Tropika* (2008), *Khazanah Segala Rimbun* (2011) dan *Drama Dasila: Racau Satwa Rimba Tropika* (2016). Kajian Mohd Saberi Muda & Mas Rynna Wati Ahmad ini telah memfokuskan bagaimana penyair mengangkat isu alam sekitar dalam karya kreatif beliau. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Eko-kritik dalam karya Marzuki Ali memperlihatkan kesungguhan, keberanian, keprihatinan dan fokus dalam isu-isu alam sekitar dan kehidupan warga rimba. Ekologi, etika ekologikal dan bahasa yang menjadi elemen dalam eko-kritik ini jelas terkandung dalam puisi-puisi Marzuki Ali.

Akhir sekali kajian berkaitan alam sekitar dalam karya telah dilakukan oleh Maisarah Yaacob dan Maharam Mamat (2014). Artikel bertajuk *Tarbiah Alam dalam Novel Komsas* ini telah mengkaji novel *Lestari Bukit Menghijau* (2010) karya Syed Mahadzir Syed Ibrahim, dan *Kembara Amira* (2010) karya Amer Hamzah L. Kadir. Kedua-dua novel remaja ini dianalisis menggunakan Teori Takmilah. Bersandarkan analisis terhadap kedua-dua novel ini didapati bahawa tanggungjawab tarbiah manusia terhadap alam boleh dilihat bersandarkan bagaimana manusia berinteraksi dengan alam demi menjaga kelangsungan persekitaran walaupun dikekang dengan keperluan ekonomi seperti pembalakan dan perlombongan emas. Sumbangan tarbiah alam kepada manusia diperolehi daripada sumber perubatan, ekonomi, makanan, galian, flora dan fauna.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan kaedah analisis teks (*text analysis*) ke atas dua buah kumpulan cerpen terpilih karya penulis Sabah, iaitu *Antologi Cerpen Malaysia-Taiwan* (2014) diselenggara oleh Mohamad Saleeh Rahamad & I-chih Chen dan *Kumpulan Cerpen Mencari Warna Daun* (2013) oleh Juri Durabi. Dalam kedua-dua buah kumpulan cerpen ini, hanya tujuh buah cerpen sahaja yang menunjukkan gambaran alam sekitar. Cerpen dari *Antologi Cerpen Malaysia-Taiwan* ialah *Sebuah Rumah Sebatang Pohon* karya Jasni Matlani dan *Tangis Buliga* karya Kathirina Susanna Tati. *Kumpulan Cerpen Mencari Warna Daun* terdiri daripada cerpen *Mencari Cinta, Tanah Paya di Kampung Pasir Putih, Kemboja di Pusara, Dunianya Sudah Musnah* dan *Orang Sungai* karya Juri Durabi. Bagi menganalisis kajian ini, pendekatan Ekologi Sastera (*ecocriticism*) akan digunakan. Fokus utama kajian ini ialah analisis ekologi alam sebagai inspirasi terhadap penciptaan karya sastera dan kritikan ekologi (kritikan eko) yang menekankan pencemaran alam, serta pembelaan terhadap kerosakan alam sekitar akibat perbuatan manusia.

Pendekatan Ekologi Sastera

Ekologi adalah cabang sains yang mengkaji habitat dan interaksi di antara benda hidup dengan alam sekitar. Perkataan ini berasal dari Greek dan dicipta oleh pakar biologi Jerman dan pengikut Darwin pada tahun 1866. Kini, istilah ekologi ini telah digunakan secara meluas. Menurut McNaughton dan Wolf (1989, p. 1) ekologi adalah ilmu pengetahuan antara organisma dan lingkungannya. Odum (1996, p. 3) mendefinisikan ekologi sebagai disiplin ilmu yang mengaji hubungan organisme-organisme atau kelompok organisma, seperti manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, dengan lingkungannya.

Oleh yang demikian, dalam sastera ia lebih dikenali sebagai Ekologi Sastera. Ekologi Sastera merupakan kajian yang melihat hal-hal berkaitan fenomena alam sekitar yang terdapat dalam karya-karya sastera. Menurut Khomisah (2020, p. 83), Ekologi sastera memfokuskan perhatian kepada jalinan fenomena alam semesta sebagai inspirasi pengarang dalam melahirkan sesebuah karya sastera. Selain itu, Ekologi terhadap kajian sastera bermaksud menerapkan pendekatan ekologi untuk mendekati atau menganalisis karya sastera. Dalam paradigma ekologi, karya sastera diposisikan sebagai suatu spesies atau komponen dalam sebuah ekosistem (Kaswadi, 2015, p. 35).

Istilah ekologi dengan kajian sastera dipakai dalam pengertian yang beragam, iaitu pertama, ekologi yang dipakai dalam pengertian yang dibatasi dalam konteks ekologi alam. Kajian ekologi dalam pengertian tersebut juga dikenal dalam dua bentuk, iaitu kajian ekologi dengan menekankan aspek alam sebagai inspirasi karya sastera dan kajian ekologi yang menekankan pembelaan terhadap kerosakan alam persekitaran yang disebabkan oleh perbuatan manusia. Kajian ekologi dalam pengertian kedua tersebut popular sebagai kajian eko kritik (*ecocritic*). Kedua, ekologi budaya, iaitu ekologi yang dipakai dalam pengertian budaya seperti yang ditentukan oleh pola hidup dan perbezaan karakteristik wilayah (Widianti, 2017, p. 3). Kajian ini akan memfokuskan kepada analisis ekologi alam sahaja, iaitu penekanan terhadap alam sebagai inspirasi karya sastera dan pembelaan terhadap alam akibat perbuatan manusia yang dikenal sebagai kajian eko kritik.

Dapatkan dan Perbincangan

Perbincangan dan dapatan kajian ini adalah berkaitan dengan gambaran alam sekitar yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih penulis Sabah dengan menggunakan Pendekatan Ekologi Sastera dengan tumpuan kepada aspek ekologi alam. Kajian ekologi alam dalam Pendekatan Ekologi Sastera mempunyai dua aspek utama, iaitu kajian ekologi dengan menekankan aspek alam sebagai inspirasi karya sastera dan pembelaan terhadap kerosakan alam akibat perbuatan

manusia (Widianti, 2014, p. 6). Dua aspek ini yang akan digunakan untuk menganalisis unsur alam sekitar dalam cerpen-cerpen terpilih. Alam sekitar digunakan oleh pengarang Sabah dalam penulisan cerpen-cerpen mereka sebagai latar belakang cerita sama ada menggambarkan kehidupan manusia, keindahan alam sekitar, kemasuhan alam sekitar dan sebagainya. Aspek kajian ekologi alam bagi pembelaan terhadap kerosakan alam akibat perbuatan manusia boleh dilihat dari segi kemasuhan dan pencemaran alam seperti sungai, hutan, udara dan laut.

Alam Sebagai Latar Belakang Cerita

Penghasilan karya sastera amat menekankan kepada aspek hubungan sastera dalam melestarikan alam sebagai salah satu sumber kehidupan manusia. Oleh itu, alam dijadikan sebagai latar belakang cerita atau tempat berlakunya pemaparan mengenai peristiwa yang terjadi dengan tujuan memberikan gambaran tentang suasana dan peristiwa oleh pengarang dalam karya (Norhayati Ab. Rahman, 2016). Gambaran alam sebagai latar belakang cerita telah dimanifestasikan oleh pengarang dalam cerpen “*Mencari Cinta*” melalui watak saya yang sedang mencari watak seorang lelaki tua. Dalam pencarian tersebut watak Gamal telah memberitahu cara menemui lelaki tua tersebut seperti yang digambarkan dalam petikan berikut:

Dia sering duduk di taman-taman bunga. Di tepi-tepi pantai. Di tepi-tepi kali yang airnya jenih dan bersih... Kalau ingin bertemu dengannya, datanglah ke tepi-tepi pantai, ke taman-taman bunga. Lihat dan perhatikan pasir yang memutih dan laut yang bergelora. Lihatlah kembang kucup bunga-bunga di taman serta kali yang tenang dan jernih itu. Di situ ada dia. Kau akan temui dia di sana. Kerana dia juga pencinta alam.

(*Mencari Cinta*, 2013, p. 34)

Melalui petikan tersebut, gambaran alam sebagai latar belakang cerita dipaparkan apabila Gamal memberitahu bahawa lelaki tua tersebut suka mengunjungi taman bunga dan tepi pantai. Digambarkan watak lelaki tua seorang yang sangat mencintai alam yang dilukiskan mengenai pasir pantai berwarna putih, laut yang bergelora, bunga yang berkembang di taman, sungai yang airnya jernih dan tenang.

Selain itu, manifestasi alam sekitar juga terdapat dalam cerpen “*Orang Sungai*” yang berkait rapat dengan latar penceritaan dalam cerpen. Pengarang menggunakan alam sekitar sebagai latar belakang cerita dengan memberikan gambaran keindahan tumbuh-tumbuhan dalam karya. Hal ini ditemui dalam cerpen “*Orang Sungai*” seperti dalam petikan berikut:

“Wah, cantiknya! Apa nama pokok tu?” soal anak muda itu.

“Itulah pokok tembakau namanya. Orang Sungai memang gemar menanam pokok seperti tembakau, jagung, kacang tanah dan sebagainya, yang mereka fikir boleh mendatangkan hasil”, kata budak itu.

“Nampaknya penduduk di sini rajin mengusahakan tanah-tanah yang terbiar. Tengok tanam-tanaman yang tumbuh menghijau di tepi pantai tu.”

(*Orang Sungai*, 2013, p. 165)

Berdasarkan petikan tersebut, watak anak muda sangat mengagumi keindahan alam merujuk kepada tumbuh-tumbuhan yang subur di kawasan yang dilawatinya. Antara tumbuh-tumbuhan yang ditemui dalam cerpen ini ialah pokok tembakau, jagung, kacang tanah dan lain-lain lagi. Tumbuh-tumbuhan ini telah menghijaukan kawasan terutamanya di tepi pantai. Latar

alam merujuk pantai yang dihiasi tumbuh-tumbuhan menghijau menjadi latar belakang penceritaan dalam cerpen ini. Selain itu, gunung dan sebatang pohon juga yang menjadi latar belakang dalam cerpen, iaitu cerpen “*Sebuah Rumah dan Sebatang Pohon*”. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Di tepi sebatang jalan yang memanjang je sebuah kawasan pergunungan, ada sebatang pohon besar, dengan bumbungan daun yang merendang dan mempunyai cerita magisnya tersendiri. Sesiapa sahaja yang melalui jalan itu ke kawasan pergunungan pasti melihat pohon itu berdiri gagah dengan dahan berkembang seperti kanopi di bawah matahari dan pucuknya tajam seperti hujung lembing menghunjam ke langit. Tidak jauh dari pohon itu dan di sebelah kanan jalan yang memanjang ke kawasan pergunungan, ada sebuah rumah yang sangat unik dan simbolik. Reka bentuknya seolah-olah media menghubungkan antara kehidupan manusia dengan persekitaran, dengan penerapan landskap hijau, dan kononnya tinggalan penjajah Inggeris.

(*Sebuah Rumah dan Sebatang Pohon*, 2014, p. 5)

Berdasarkan petikan yang diberikan penulis melakarkan tentang alam sebagai latar tempat, iaitu kawasan pergunungan serta tentang kehebatan sebatang pohon yang rendang. Menurut penulis sesiapa sahaja yang melalui kawasan pergunungan itu pasti akan melihat kehebatan pohon tersebut. Pohon tersebut digambarkan berdiri gagah, dahananya kembang seperti bentuk konopi jika di bawah pancaran matahari. Pucuk pohon tersebut tajam ibarat hujung lembing menjunam ke langit.

Seterusnya, gambaran keindahan alam seperti keindahan laut sebagai latar belakang cerita juga turut ditemui dalam cerpen *Tangis Buliga* seperti dalam petikan berikut:

Keindahan Laut China Selatan aku nikmati dari atas gunung bersama dinginnya angin di pergunungan.

Aku sungguh kagum melihat keindahan di situ. Kalau waktu siang tadi aku melihat lautan terbentang luas dan indah sekali. Senja sudah bertukar menjadi malam, bulan dan Bintang sudah mula menyinari bumi. Perasaanku bercampur baur, terasa khusyuk dan indah serta ada kerinduan bermain dalam diriku.

Sambil memanaskan tubuh daripada haba unggul api yang kami buat, aku terus menikmati keindahan malam di atas pergunungan yang dipenuhi batu-batu dan sedikit pokok yang tumbuh menyelit di antara batu-batu gunung.

(*Tangis Buliga*, 2014, p. 9)

Petikan berikut memperlihatkan watak ‘aku’ telah menikmati keindahan laut ciptaan Allah SWT dari puncak gunung. Aku begitu kagum dengan lautan yang terbentang luas serta indah. Menurut aku apabila senja menjadi malam, bulan dan bintang pula akan menyinari bumi. Perasaan aku ketika menikmati keindahan alam ciptaan Allah ini bercampur baur antara khusyuk, indah serta kerinduan. Oleh itu, jelaslah bahawa pengarang Sabah telah menjadikan alam sebagai latar belakang cerita dalam penghasilan karya-karya cerpen mereka yang dipaparkan alam sebagai latar tempat dalam karya.

Kritikan Eko Terhadap Aktiviti Kemusnahan Alam

Kajian kritikan eko dengan menekankan pembelaan yang berlaku terhadap kerosakan alam persekitaran yang dilakukan oleh perbuatan manusia. Perkara ini menjelaskan bahawa alam menjadi salah satu alat kritikan oleh pengarang untuk mengemukakan kritikan terhadap isu-

isu alam sekitar seperti isu pembangunan yang telah memberikan kesan kepada kemusnahkan alam sekitar. Kemusnahaan alam, iaitu merujuk kepada kemusnahaan atau kerosakan hutan telah dipaparkan dalam cerpen “*Dunianya Sudah Musnah*”. Kemusnahaan hutan dalam cerpen ini telah menyebabkan hidupan liar terutamanya haiwan telah kehilangan habitat atau tempat tinggal. Hal ini digambarkan dalam petikan berikut:

Betulkan manusia yang salah? Betulkah dakwaan Tuk Penghulu bahawa manusia tidak berhati perut? Apakah kerana adanya pembangunan di sana sini? Tanah diterokai, hutan rimba ditebas tebang dan bukit bukau diratakan demi rakyat? Benarkah juga manusia yang bersalah? Manusia yang tidak berhati perut?...

“Harimau tidak bersalah. Yang bersalah kita, manusia yang rakus. Manusia yang tidak berhati perut.” Terngiang-ngianglagi suara parau Tuk Penghulu masuk ke telinganya.

(*Dunianya Sudah Musnah*, 2013, p. 115)

Kesan pembangunan yang telah dilakukan telah menyebabkan tempat tinggal dan sumber makanan harimau telah terganggu. Akibatnya harimau telah menyerang manusia untuk dijadikan makanan. Watak Mahat dalam cerpen ini tertanya siapa yang bersalah dalam hal ini. Menurut Tuk Penghulu harimau tidak bersalah tetapi manusia yang bersalah dengan tindakan memusnahkan hutan untuk pembangunan dan kemajuan manusia. Selain itu, isu pembangunan juga turut dilontarkan dalam cerpen “*Tanah Paya di Kampung Pasir Putih*” yang berkaitan dengan tanah paya. Hal ini digambarkan dalam petikan berikut:

Tanah paya yang dihimpit oleh perumahan dan pembangunan yang bertaraf sederhana, di kiri kanan, depan dan belakang, yang memang tidak pernah tahu bahawa harganya menjangkau jutaan ringgit. Tanah paya yang berlumut hijau dan berlumpur hingga ke paras lutut, yang penuh sampah sarap terapung di mana-mana menjadi rebutan antara orang-orang kampung dan pihak pemaju perumahan. Pihak pemaju perumahan sudah menghitung untung rugi dan laba yang diperoleh sejak awal-awal lagi.

(*Tanah Paya di Kampung Pasir Putih*, 2013, p. 91)

Melalui cerpen ini, pengarang membawa kritikan mengenai isu tanah paya yang telah mengalami kemusnahaan akibat pembangunan dan pembinaan perumahan di kawasan itu. Kesan pembangunan di tanah paya di Kampung Pasir Putih telah menyebabkan pencemaran berlaku dengan keadaan yang berlumut hijau dan sampah-sarap terapung-apung di mana-mana sahaja. Syarikat-syarikat pemaju hanya memikirkan keuntungan semata-mata hasil pembangunan yang dilakukan tanpa mengambil kira kemusnahaan yang telah terjadi. Dalam hal ini, walaupun watak Sudin (seorang penduduk di kampung tersebut) telah berusaha dan mengadu kepada wakil rakyat, majlis daerah sehingga kepada menteri tetapi tidak mendapat sebarang hasil untuk menyelesaikan masalah ini. Situasi ini merupakan satu kritikan pengarang kepada pihak yang berkepentingan dalam membantu menyelesaikan masalah berkaitan pencemaran alam disebabkan oleh pembangunan yang dijalankan. Seterusnya, isu pencemaran sungai turut menjadi kritikan dalam cerpen “*Kemboja di Pusara*”. Hal ini diperlihatkan melalui petikan berikut:

Lebih 40 tahun dahulu, sewaktu dia masih telanjang bulat ketika mandi di sungai, kelihatan jelas anak-anak ikan berenang riang di Sungai Bengkoka, airnya sangat jernih. Nampak jelas ekor-ekor ikan terkodek-kodek di dalam air. Sesekali amat seronok Saimin melihat ikan-ikan berenang bersama-sama ke hulu dan hilir. Tetapi, air sungai yang menjadi nado kehidupan anak-anak kampung sedika masa dahulu, kini seperti air Milo bercampur susu yang lesu.

(*Kemboja di Pusara*, 2013, p. 105)

Petikan tersebut menggambarkan watak Saimin mengingat kembali keindahan dan kecantikan sungai di kampungnya pada zaman kanak-kanaknya. Digambarkan air sungai yang sangat jernih sehingga menampakkan ikan-ikan yang berenang tetapi telah tercemar yang telah bertukar warnakan seperti air Milo bercampur susu. Pencemaran sungai ini berlaku akibat kerakusan manusia tanpa mempedulikan kesan yang berlaku kepada alam akibat pembangunan yang dilakukan. Pembangunan yang dilakukan bukan sahaja mencemarkan sungai tetapi juga pembalakan yang tidak terkawal telah menyebabkan kehijauan di pinggir Sungai Bengkoka musnah.

Di samping itu, pencemaran sungai juga turut menjadi satu isu yang diangkat dalam cerpen “*Orang Sungai*”, iaitu Sungai Bengkoka.

Pandangannya masih lagi lekat pada pokok kelapa di tengah sungai itu. Arus sungai kelihatan deras. Sampah sarap begitu laju. Di tepi Sungai Bengkoka banyak pokok kelapa yang jatuh. Batang-batang kelapa yang jatuh akibat tanah runtuh menyebabkan air sungai bertukar warna. Budak yang Bernama Jabit terus mendayung tanpa rasa penat. Anak muda itu loya tekaknya apabila melihat air sungai yang seperti milo bercampur susu. Inilah puncanya ramai orang-orang kampung diserang bermacam-macam penyakit, fikirnya dalam hati.

(*Orang Sungai*, 2013, p. 163)

Kesan pencemaran sungai dalam cerpen “*Orang Sungai*” diperlihatkan melalui gambaran Sungai Bengkoka yang airnya telah bertukar warna dan sampah-sarap di dalam sungai. Perkara ini secara tidak langsung telah menyebabkan merebaknya pelbagai penyakit yang telah menyerang penduduk kampung kerana pencemaran air sungai itu. Air sungai Bengkoka telah mengalami pencemaran yang mana air sungai tersebut merupakan sumber air utama untuk kegunaan penduduk kampung. Oleh itu, jelaslah bahawa kritikan eko terhadap kemasuhan alam akibat aktiviti pembangunan dilakukan oleh penulis Sabah dalam mengangkat dan mengkritik pembangunan yang dilakukan tanpa perancangan telah mengakibatkan pencemaran sungai, tanah paya dan kemasuhan hutan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa cerpen-cerpen penulis Sabah ini telah berjaya mengaitkan karya mereka dengan ekologi alam. Penulis telah menjadikan alam sebagai inspirasi untuk penciptaan karya mereka. Gambaran alam sebagai latar belakang cerita jelas kelihatan dalam cerpen *Mencari Cinta*, *Orang Sungai, Sebuah Rumah dan Sebatang Pohon*, dan *Tangis Buliga*. Selain itu juga, penulis sabah dalam cerpen terpilih turut mengkritik aktiviti kemasuhan dan pencemaran alam sekitar dalam karya-karya mereka, misalnya dalam cerpen *Dunianya Sudah Musnah, Tanah Paya di Kampung Pasir Putih, Kemboja di Pusara* dan *Orang Sungai*. Antara isu kemasuhan yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih penulis Sabah ini ialah kemasuhan tanah paya, kemasuhan hutan serta pencemaran sungai. Kesemua aktiviti

kemusnahan alam dan pencemaran alam ini akibat dari pembangunan yang tidak dirancang dengan baik. Usaha penulis Sabah dalam membawa isu kelestarian alam sekitar ini menunjukkan keprihatinan mereka terhadap pemuliharaan alam sekitar. Pengabaian terhadap alam dapat menimbulkan kesan-kesan yang buruk kepada kelestarian alam sekitar dan seterusnya memusnahkan habitat alam yang saling berkongsi kehidupan antara satu sama lain.

Penghargaan

Artikel ini merupakan hasil bantuan Projek Penyelidikan RU Geran Fakulti Program-(GPF100A-2020)

Biodata

Nurhamizah Hashim merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Kesusastraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Eizah Mat Hussain merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Kesusastraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali merupakan Profesor Madya di Jabatan Kesusastraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Madiawati Mamat@Mustaffa merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Kesusastraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Norhayati Ab.Rahman merupakan Profesor Madya di Jabatan Kesusastraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Rujukan

Jumali Selamat. (2009). Aplikasi teori Pengkaedahan Melayu dalam Menjaras Ribut menerusi pendekatan dakwah. *Jurnal Pesonalia Pelajar*, 12, 19-37.

Juri Durabi. (2013). *Kumpulan cerpen mencari warna daun*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Kaswadi, K. (2015). Paradigma ekologi dalam kajian sastra. *Paramasastra: Jurnal Ilmiah Bahasa Sastra dan Pembelajarannya*, 2(2).
<https://doi.org/10.26740/paramasastra.v2n2.p%25p>

Khomisah. (2020). Ekokritik dalam perkembangan kajian sastera. *Al-Tsaqafa: Jurnal Ilmiah Peradaban Islam*, 17(1), 83–94. [10.15575/al-Tsaqafa.v17i1.6032](https://doi.org/10.15575/al-Tsaqafa.v17i1.6032)

Maharam Mamat. (2009) Prinsip pembangunan mampan dalam novel ‘desir angin di pergunungan’. *MALIM: Jurnal Pengajaran Umum Asia Tenggara*, 10, 209-236.

Maharam Mamat, Mawar Safei, & Maisarah Yaacob. (2019). The destruction of coral reefs in the short story “Kami Akan Mati, Lin” (We Will Die, Lin). *International Journal of Civil Engineering and Technology* 10(5), 210- 219.
<http://iaeme.com/Home/issue/IJCIET?Volume=10&Issue=5>

Maisarah Yaacob, & Maharam Mamat. (2014). Tarbiah alam dalam novel KOMSAS. *Jurnal Pengajaran Melayu (JOMAS)*, 25(1), 62–101.
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9758>

- McNaughton, S. J. & Wolf, L.L. (1989). *Ekologi umum*. World Bank Education IX Project.
- Mohamad Saleeh Rahamad, & I-Chih, C. (2016). *Antologi Cerpen Malaysia-Taiwan*. Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Norhayati Ab. Rahman. (2016). Manifestasi alam sekitar dalam karya kreatif sasterawan Fatimah Busu: Perspektif ekologisme dlm. Norhayati Ab. Rahman & Free Hearty. Kajian perempuan Malaysia-Indonesia dalam sastera. Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Odum, E. P. (1996). *Dasar-dasar ekologi*. Gadjah Mada University Press.
- Saravanan P. Veeramuthu. (2017). Alam dan kehidupan bandar dalam Kumpulan Cerpen Keinginan Kecil Di Celah Daun. *Journal of Education and Social Sciences*, 8(1), 10-17.
- Shahnon Ahmad. (1994). *Sastera: Pengalaman, ilmu, imaginasi dan kitarannya*. Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Umar Junus. (1989). *Stilistik: Satu pengantar*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Rosmah Derak. (2023). *Manifestasi alam sekitar dalam tiga karya Faisal Tehrani: Perspektif Ekologi Sastera*, 14(1), 13-24. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.2.2023>
- Widianti, A. W. (2017). Kajian ekologi sastera dalam kumpulan cerpen pilihan Kompas 2014 Di Tubuh Tarra Dalam Rahim Pohon. *Jurnal Diksatrasia*, 1(2), 1–9. <http://dx.doi.org/10.25157/diksatrasia.v1i2.576>

KESUSASTERAAN MELAYU ERA BARU: KESAN TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SASTERA DI UNIVERSITI

*(NEW MALAY LITERATURE: AN IMPACT ON THE TEACHING AND LEARNING OF
LITERATURE IN THE UNIVERSITY)*

Che Abdullah Che Ya

cheabd@ukm.edu.my

Nasrun Alias

nursan@ukm.edu.my

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

ABSTRAK

Perkembangan teknologi yang begitu drastik megubah kehidupan dan wajah dunia turut membawa kepada perubahan dalam bidang kesusasteraan. Kesusasteraan Melayu turut memperlihatkan perubahan ini. Antara faktor yang menyebabkan perubahan yang berlaku terhadap wajah kesusasteraan negara kita seperti perkembangan teknologi maklumat, adaptasi karya ke layar perak dan perkembangan industri kreatif. Faktor-faktor perubahan ini memberi kesan pro dan kontras kepada wajah kesusasteraan negara. Perkembangan teknologi maklumat telah muncul media baru dan perkembangan sastera digital. Perkembangan teknologi maklumat juga menyebabkan perubahan kepada corak pemasaran karya sastera. Adaptasi karya sastera ke layar juga membawa impak positif apabila karya sastera terus diminati. Namun begitu, populariti layar akan menenggelamkan karya dalam bentuk teks dan beberapa hal lain seperti penulis karya tidak mendapat tempat sepatutnya. Sastera sebagai sebahagian daripada industri kreatif menyebabkan karya sastera bersifat komersial dan situasi ini memberi impak kepada penghasilan karya, antara kualiti ataupun keuntungan. Perubahan-perubahan yang berlaku turut menuntut perubahan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran sastera di universiti. Perubahan ini termasuk struktur kursus dan teknik pengajaran.

Kata kunci: adaptasi; industri kreatif; kesusasteraan digital; media baru; pemasaran

ABSTRACT

The drastic development of technology nowadays has changed our lives and worldview. It also changed some aspects of Malay literature. Among the factors that cause the change in the literature of our nations are the development of information technology, the adaptation of the writings to the silver screen, and the development of the creative industry. All these factors have a positive and a negative effect on our literature development. The development of information technology has caused changes to the marketing patterns of literary works. The adaptation of writings to the silver screen also has a positive impact when literary works continue to be popular. However, this will drown out the literary works in the form of text, and the authors will not get the place they deserve. Literature as part of the creative industry will have an impact on commercial literature. These will also affect quality and profit. All these changes will also demand changes in the teaching and learning of literature in universities. These changes include course structure and teaching methods.

Keywords: adaptation; creative industries; digital literature; new media; marketing

Pengenalan

Kehidupan hari ini memperlihatkan perkembangan teknologi maklumat dan informasi (ICT) yang cukup pesat. Kemajuan negara dalam bidang ICT menyaksikan pelbagai maklumat disebarluaskan dan dapat diakses dengan mudah oleh masyarakat. Ratusan ribu bahan yang disiarkan dalam bentuk permainan, video, filem, muzik, iklan, IPTV dan lain-lain dapat dimuat naik dan dimuat turun. Perkembangan teknologi yang begitu drastik mengubah kehidupan dan wajah dunia turut membawa kepada perubahan dalam bidang kesusasteraan. Kesusasteraan Melayu turut memperlihatkan perubahan ini. Antara faktor yang menyebabkan perubahan yang berlaku terhadap wajah kesusasteraan negara kita seperti perkembangan teknologi maklumat, adaptasi karya ke layar perak dan perkembangan industri kreatif. Faktor-faktor perubahan ini memberi kesan pro dan kontras kepada wajah kesusasteraan negara.

Sastera dalam Perkembangan Teknologi Maklumat

Menelusuri zaman serba moden ini, dapat ditafsirkan bahawa corak dunia pada masa kini merupakan peralihan kepada zaman dunia tanpa sempadan. Segala maklumat berada di hujung jari kerana jaringan sosial amat mudah untuk dicapai. Pengguna boleh mencapai jaringan ini tidak mengira waktu serta tempat. Dengan wujudnya teknologi Internet yang membolehkan maklumat dicapai secara pantas, pengguna boleh mengakses pelbagai maklumat sama ada berbentuk hiburan, pendidikan, isu semasa dan sebagainya. Kehidupan masa kini memerlukan manusia menguasai teknologi khususnya teknologi maklumat. Sekiranya seseorang itu tidak tahu mengenai teknologi maklumat maka orang tersebut akan dianggap kuno dan buta IT.

Teknologi maklumat memperkenalkan media baru bagi menyaingi media yang sedia ada bahkan menenggelamkan media yang dianggap konvensional itu. Media baru merupakan satu istilah untuk menjelaskan peralihan antara teknologi komunikasi digital yang berkomputer serta berhubung ke dalam rangkaian. Contoh media yang mewakili media baru ialah Internet. Kemunculan media baru secara langsung telah mengubah pola kehidupan masyarakat, budaya, cara berfikir dan hamper segala aspek dalam kehidupan manusia. Perkembangan media baru ini mendapat tanggapan yang pelbagai baik pro maupun kontras, positif dan negatif. Media baru memiliki tiga fungsi utama, iaitu integrasi, interaktif dan digital.

Sastera dan Media Baru

Meskipun media baru selalu dimomokkan dengan kesan negatif, dapat dilihat bahawa media baru sebenarnya memberi sumbangan positif dalam penyebaran kesusasteraan dalam kalangan masyarakat. Perkara ini dapat dilihat apabila media baru memberi manfaat kepada pengguna serta memudahkan kehidupan mereka. Pengguna mendapat maklumat dengan pantas apabila memanfaatkan medium media baru ini. Selain itu juga, kewujudan media baru dalam kehidupan juga merupakan penunjuk aras kepada kemajuan masyarakat tersebut. Masyarakat boleh mendapatkan maklumat dengan mudah dan tidak mengira tempat. Oleh itu, masyarakat akan mengetahui perkembangan isu semasa dengan cepat dan tuntas. Wadah digital dimanfaatkan sebagai salah satu cara memperluaskan jaringan dan pendedahan sastera. Perkara yang menjadi persoalan, sama ada media baru ini mengangkat teks sastera benar-benar suatu ampuhan atau tanpa disedari berhujung dengan pemunggiran sastera itu sendiri.

Antara kebaikan sastera di tangan media baru ialah dapat memperkenalkan bidang sastera kepada khalayak, sama ada khalayak sastera, mahupun khalayak bukan sastera. Dengan adanya karya sastera di dunia maya dan media massa, khalayak bukan sastera akan lebih dekat untuk mengenali genre-genre dalam bidang sastera seperti hikayat, seloka, drama dan sebagainya. Jika sebelum ini karya-karya sastera hanya diterjemahkan di dalam cetakan majalah atau novel sastera semata-mata, khalayak bukan sastera akan sedikit canggung untuk menelaah isi kandungan karya tersebut kerana kebanyakan masyarakat berpendapat karya sastera hanya dibaca oleh golongan sastera sahaja. Namun apabila karya-karya ini diketengahkan dalam layar, masyarakat akan lebih berminat untuk melihat sendiri kandungan atau isi cerita di dalam teks-teks sastera tersebut.

Media baru turut memberikan sumbangan kepada bidang kesusasteraan dengan mempelbagaikan genre sastera dalam pelbagai bentuk. Melalui medium sastera digital, penulis dapat mencipta dan memperbanyakkan karya-karya sastera dalam bentuk karakter dan hiburan seperti komik, animasi, filem, drama dan sebagainya. Perkara ini amat berkait rapat dengan selera khalayak umum yang lebih cenderung ke arah bidang hiburan yang melibatkan gambaran karakter. Kebanyakan individu terutama remaja dan kanak-kanak gemar kepada karya-karya yang mengandungi unsur-unsur animasi. Cerita-cerita rakyat diadaptasi atau ditransformasikan ke dalam bentuk komik.

Media baru juga dapat menerbitkan kembali karya-karya lama seperti foklor dan sastera-sastera hikayat. Adaptasi karya-karya sastera ke dalam bentuk visual seperti filem atau drama mampu meningkatkan pasaran hasil sastera tempatan. Sastera rakyat yang memerihalkan cerita teladan antaranya ialah cerita *Bawang Puteh Bawang Merah* dan juga *Batu Belah Batu Bertangkup*, suatu ketika dahulu ia dibukukan dengan pelbagai animasi karakter sebagai bahan bacaan yang dikenali sebagai buku bacaan kanak-kanak, memang bertujuan untuk menarik minat golongan kanak-kanak untuk membacanya. Namun begitu, dengan adanya sains dan teknologi yang memberi ruang dalam bidang perfileman dan sebagainya, karya sastera rakyat tersebut telah dilakukan dengan pemaparan watak-watak tertentu menyebabkan sambutan terhadap drama atau filem tersebut mula meluas dalam kalangan masyarakat. Perubahan daripada sastera rakyat kepada dunia digital mampu menarik ramai penonton untuk menontonnya. Malahan, perubahan yang dilakukan dapat mlariskan lagi produk tersebut. Cakupan penonton juga bertambah kepada golongan dewasa kerana produk yang difilemkan itu dahulunya untuk bacaan kanak-kanak. Drama atau filem yang diterbitkan juga menarik minat khalayak untuk menontonnya kerana dipelbagaikan dengan bahasa pertuturan mengikut tempat penghasilannya seperti di Indonesia dan tempatan.

Proses yang sama, turut berlaku terhadap karya kesusasteraan Melayu berbentuk tulisan, iaitu sastera sejarah. Dahulunya, khalayak mengenali *Hikayat Merong Mahawangsa* hanya apabila adanya mata pelajaran kesusasteraan Melayu dan ia juga melibatkan golongan yang

mendalami kesusasteraan. Namun begitu, situasi itu mula berubah apabila adanya sastera digital yang boleh mempelbagaikan genre sastera melalui bidang perfileman. *Hikayat Merong Mahawangsa* yang mula dijadikan filem dan ditayangkan pada tahun 2011, membuka mata dan memberi ruang kepada khalayak untuk mengenali filem berkenaan yang asalnya adalah diadaptasi daripada bidang sastera. Signifikannya, ia mampu mengembangkan lagi kreativiti pengarang, bukan sahaja terhad kepada bidang penerbitan buku, makalah dan sebagainya. Penerbitan semula genre karya sastera yang bersifat *evergreen* seperti sastera rakyat merupakan salah satu kegiatan yang penting dan menguntungkan.

Perkembangan Sastera Digital

Kewujudan jaringan internet ini dapat menyumbang kepada perkembangan genre kesusasteraan. Buktinya, kewujudan portal *e-sastera* memberi ruang kepada pengguna untuk mengetahui perkembangan sastera. Pada masa yang sama, kewujudan portal ini juga memberi sumbangan dalam perkembangan dunia penulisan kreatif. Perkara ini dapat dilihat apabila pengguna berpeluang menyumbang karya kreatif mereka untuk dimuat naik dalam portal ini. Secara tidak langsung, kehadiran portal ini merupakan medan untuk mencungkil bakat yang ada dalam diri anggota masyarakat.

Kewujudan laman portal dalam jaringan internet merupakan salah satu langkah untuk bersaing dengan badan-badan sastera yang sedia ada di luar skrin komputer. Contohnya, *e-sastera* telah membuat satu akaun laman sosial popular iaitu Facebook untuk memastikan pengikutnya mendapat info yang terkini. Selain itu, penyertaan *e-sastera* dalam akaun Facebook juga merupakan salah satu langkah untuk menyebar luas rangkaian mereka. Pengendali laman sosial ini dapat membuat tinjauan terhadap cita rasa pembaca kerana kebiasaannya pembaca meluahkan perasaan melalui status. Penyertaan *e-sastera* dalam laman sosial ini juga merupakan salah satu langkah untuk meraih minat pengguna.

Antara kesan positif yang dapat dikesan akibat fenomena sejagat ini adalah para karyawan dapat menyebar luaskan hasil karya mereka tanpa adanya sekatan daripada manama pihak. Hal ini kerana jaringan jalur lebar tidak mempunyai sekatan atau polis maya yang mengawal tingkah laku perjalanan karya kreatif di Internet. Para pengarang bebas berkarya dengan berkongsi karya di dalam website sedia ada atau jaringan laman maya sendiri. Pengarang juga dengan kebebasan yang ada boleh memasukkan video, imej atau sebagainya tanpa perlu takut jika karya mereka dianggap picisan. Hal ini kerana sudah tentu tujuan utama mereka berkarya di alam maya bukannya untuk mencari keuntungan tetapi sebagai hiburan di samping dapat mengenali dan beramah mesra dengan pengkarya maya yang lain kerana kebiasaannya penulis maya telah berinteraksi dan bersahabat dengan penulis maya yang lain. Misalnya, penulis kreatif di blog, Twitter, dan Facebook akan mencari penulis kreatif di rangkaian maya yang lain untuk berkolaborasi dengan jaringan mayanya lantas secara tidak langsung menjadi pengikut tegar dan mengembangkan rangkaian jaringan kreatifnya.

Selain itu, pengarang maya menganggap dengan adanya kemudahan akses dunia tanpa sempadan ini mereka tidak perlu untuk mengeluarkan duit atau berhubungan dengan para penerbit karya kreatif. Penulisan kreatif di alam maya merupakan inisiatif yang membolehkan para pengarang tidak merasa tertekan untuk mencari penerbit yang ingin menerbitkan karya mereka. Kebiasaannya, sekiranya pengkarya ingin menerbitkan karya mereka melalui penerbitan, mereka terpaksa melalui sistem birokrasi yang ketat sehingga karya-karya mereka ditapis dahulu sebelum berjaya memikat hati penerbit untuk menerbitkan tulisan berkenaan. Keadaan seperti ini memungkinkan pengarang atau pengkarya tersebut merasa bosan dan kemungkinan penulis tersebut tidak mahu lagi menulis kerana merasa tertekan disebabkan sikap penerbit yang keterlaluan. Oleh itu, dengan adanya rangkaian maya di atas talian maka penulis kreatif boleh menyampaikan idea dan pemikiran kreatif mereka tanpa perlu mengedit

sedikit pun seperti kebiasaannya yang dikenakan oleh penerbit di rangkaian nyata (realisme).

Walaupun berkarya di rangkaian maya amat menyeronokkan namun terdapat juga kelemahan yang wujud kesan daripadanya. Kelemahan-kelemahan ini adalah seperti karya di alam maya tidak dianggap bermutu oleh masyarakat walaupun terdapat nilai falsafah atau pengajaran yang tinggi dalam karya tersebut. Hal ini kerana masyarakat di negara kita khususnya masih lagi tidak menganggap karya maya sebagai sebuah karya sebenar yang mesti diangkat sasteranya kerana bagi mereka karya yang bermutu dan bernilai tinggi datangnya daripada penerbit yang wujud di alam nyata. Walaupun fenomena interaktif ini semakin popular pada masa sekarang, namun pengkritik karya sastera merasa fenomena tersebut telah cuba untuk menenggelamkan nilai karya sebenar kerana bagi mereka karya sastera yang bermutu adalah datangnya dalam alam nyata dan bukannya daripada alam maya. Kebebasan berkarya di alam siber tanpa adanya tapisan ayat atau perkataan telah menyebabkan mutu karya terbabit rendah dan berbentuk picisan.

Selain itu, sekiranya penulis maya ingin menubuhkan persatuan dan menerbitkan karya maya mereka, mereka memerlukan peruntukan kewangan yang kukuh bagi menjayakan misi tersebut. Walau bagaimanapun, kebiasaannya penulis kreatif di alam siber merupakan individu yang hanya mementingkan keseronokan dan bukannya insan yang mengejar keuntungan dalam berkarya. Oleh itu, mereka harus keluar dan menonjolkan diri di dunia nyata untuk meminta dana atau bantuan daripada badan-badan seniman atau kementerian khusus yang mengawal perjalanan aktiviti seniman sebagai modal untuk menerbitkan karya-karya mereka. Sebagai contoh dapat dilihat melalui Persatuan Aktivis E-Sastera yang selama ini telah menjalankan aktiviti mereka di alam maya. Tetapi apabila mereka ingin membuat persembahan atau menerbitkan penulisan, mereka harus keluar ke alam nyata. Wan Abu Bakar menyatakan bahawa “Tuntutan birokrasi dalam berinteraksi dan mendapatkan bantuan dana dari badan-badan luar telah memaksa e-Sastera menubuhkan badan formal bergelar Persatuan E-Sastera Malaysia (E-Sastera) yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS)”.

Walaupun karya kesusasteraan semakin mendapat tempat dalam industri kreatif, namun perlu diteliti juga kesannya terhadap karya kesusasteraan tersebut. Dalam industri kreatif, keuntungan dan perkara yang melibatkan pasaran dilihat lebih dominan dan penting jika dibandingkan dengan nilai dan estetika kesenian. Tidak dapat dinafikan bahawa ledakan teknologi dan globalisasi dewasa ini telah menimbulkan pelbagai persepsi dalam penelitian teks-teks kesusasteraan. Namun, terdapat dua pandangan yang menimbulkan persoalan tentang sejauh mana keupayaan dan sumbangan nilai-nilai sastera untuk diaplikasikan dalam bidang teknologi ini. Pertama, dari sudut yang positif, kesusasteraan dapat memberi nilai kemanusiaan lewat karya-karya agung yang diaplikasikan ke layar kreatif. Kedua, bidang kreatif, atas tiket keuntungan dan nilai komersial, telah mengkonstruksikan semula keindahan kesusasteraan itu sendiri, hingga masyarakat menjadi hilang arah serta tersalah tafsir mengenai sumbangan kesusasteraan dalam kehidupan.

Perkembangan sastera digital juga menyebabkan perubahan kepada corak pemasaran karya sastera. Adaptasi karya sastera ke layar juga membawa impak positif apabila karya sastera terus diminati namun begitu populariti layar akan menenggelamkan karya dalam bentuk teks dan beberapa hal lain seperti penulis karya tidak mendapat tempat sepatutnya. Sastera sebagai sebahagian daripada industri kreatif menyebabkan karya sastera bersifat komersial dan situasi ini memberi impak kepada penghasilan karya, antara kualiti ataupun keuntungan. Perubahan-perubahan yang berlaku turut menuntut perubahan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran sastera di universiti. Perubahan ini termasuk struktur kursus dan teknik pengajaran.

Sastera dalam Industri Kreatif

Industri kreatif ialah penggembangan dan penghasilan kebolehan, bakat individu atau berkumpulan berdasarkan kreativiti, inovasi dan teknologi yang menjurus kepada sumber keberhasilan ekonomi dan pendapatan tinggi kepada negara dengan memberi penekanan kepada aspek karya dan hak cipta intelek selaras dengan budaya dan nilai-nilai murni kepelbagaiannya kaum di Malaysia. Industri kreatif dilihat berperanan dalam menyebarluaskan hasil karya sastera yang selama ini tidak terlihat oleh masyarakat tempatan. Penghasilan karya sastera yang selama ini dilihat pasif boleh menjadi aktif dan rancak jika industri kreatif seperti filem, media siber serta digital memainkan peranannya yang tersendiri dalam membantu kelangsungan penyebaran karya kesusasteraan. Terdapat pelbagai cara dan corak persembahan dalam industri kreatif. Antaranya ialah filem dan video, aplikasi computer, rakaman audio, dan sebagainya. Segala bentuk dan gaya ini boleh menggunakan karya sastera sebagai bahan dan acuannya yang utama. Segala bentuk genre kesusasteraan seperti novel, cerpen, sajak dan drama boleh digunakan dan dimanfaatkan sebagai salah satu produk dalam industri kreatif tersebut. Hatta Azad Khan (2012) dalam kertas kerja beliau *Kreativiti dan Inovasi Sastera dalam Industri Kreatif: Sastera sebagai Pemangkin Pembangunan Kandungan Industri Kreatif Negara* nyatakan bahawa sastera atau *literature* hendaklah difahami dalam konteks yang luas sebagai kerja seni yang meliputi skrip filem, televisyen, drama, muzikal bangsawan, mak yong, animasi, dokumentari dan lain-lainnya yang melibatkan penggunaan bahasa. Situasi ini bermakna peranan industri kreatif sangat besar dalam menghasilkan apresiasi masyarakat terhadap hasil-hasil kesusasteraan.

Bidang kreatif tidak hanya mendatangkan kelebihan kepada karya, iaitu dengan cara menaikkan karya tersebut akan tetapi mampu juga melumpuhkan karya itu. Sekiranya sesebuah karya itu tidak dimanfaatkan dengan kaedah yang betul, maka karya sastera yang ingin disanjung tersebut akan mengalami kekurangannya. Karya kesusasteraan yang biasanya ingin diangkat dalam industri kreatif untuk tatapan masyarakat adalah umumnya bersifat berat. Sememangnya penggiat sastera amat memuji langkah proaktif bagi individu yang terlibat dalam bidang industri kreatif yang ingin menggunakan karya kesusasteraan dalam salah satu cabang industrinya iaitu perfileman. Namun, penggiat filem atau drama itu sendiri seharusnya mempunyai daya pemikiran yang sama dengan penulis asal karya terbabit. Karya kesusasteraan yang bersifat berat ini bukanlah sesuatu yang boleh ditapis dengan sekali pembacaan, tetapi memerlukan daya pemahaman dan ketelitian yang tinggi. Tahap pemahaman itu mestilah menyamai idea yang ingin disampaikan oleh pengarang asal karya terbabit. Hal sedemikian membolehkan tercapainya idea utama yang ingin diketengahkan oleh pengarang dan tidak akan terpesong.

Namun, tidak semua penggiat seni perfileman tanah air di negara kita menggunakan kaedah yang betul bagi mengangkat sesuatu karya. Sesetengah daripada golongan ini lebih mementingkan unsur kapitalisme, iaitu keuntungan berbanding nilai-nilai murni yang ingin diterapkan oleh karya sastera terbabit. Maka, kesinambungan idea dan nilai yang terdapat dalam karya asal dan setelah diadaptasikan adalah jauh terpesong. Keadaan ini sebenarnya akan menyebabkan masyarakat melihat karya-karya sastera itu adalah tidak bermutu dan kurang nilai-nilainya yang menggerakkan ke arah kebaikan. Hal sedemikian menyebabkan berlakunya salah faham masyarakat pada karya sastera setelah proses adaptasi dijalankan. Walhal kebanyakannya karya-karya asal diolah dengan cara yang tersendiri dan tidak menyamai apa yang hendak dilontarkan oleh penulis asal. Keadaan ini sedikit sebanyak menjatuhkan hasil kesusasteraan di sebabkan sikap yang lebih terarah kepada keuntungan semata-mata. Karya sastera sepatutnya menggambarkan sesuatu yang mampu mengangkat nilai-nilai baik dan bukannya meruntuhkannya. Contohnya, cerpen *Nasinya Tumpah* tulisan Fatimah Busu yang diadaptasi ke drama televisyen. Cerpen asal ini jauh memberikan kesan kepada

pembaca berbanding setelah proses olahan tersebut. Hal sedemikian berpunca daripada banyak faktor yang tidak dapat mencapai kesan sebenar yang ingin disampaikan penulis asal. Keadaan amatlah merugikan kerana sepatutnya bidang kreatif mempunyai lebih banyak peluang untuk menarik minat khalayak untuk menghayatinya. Faktor-faktor yang menyebabkan ketidaksampaian idea utama ini berpunca dari penghayatan pelakon yang kurang bermutu terhadap watak yang dibawa dan juga olahan skrip yang berbeza daripada cerpen asal.

Bidang industri kreatif adalah satu bidang yang begitu luas skopnya. Antaranya ialah drama, dunia perfileman, lagu dan lain-lain. Bidang kreatif ini juga antara bidang yang menyumbangkan kepada peningkatan pendapatan negara. Bidang tersebut begitu diminati dan diikuti perkembangannya oleh masyarakat. Perfileman merupakan salah satu bidang kreatif yang sering disebut-sebut di negara Malaysia khususnya. Bidang kreatif seperti lagu dan nyanyian serta drama juga tidak dapat dinafikan kepentingannya namun dunia perfileman lebih mengungguli berbanding bidang itu. Fantasi membawa maksud bahawa filem-filem yang dicipta adalah penuh tipu daya sahaja dan tidak melambangkan kebenaran abadi. Kebanyakan isu yang diangkat oleh filem adalah penuh dengan kegembiraan, kehidupan yang suka duka namun pengakhirannya adalah lebih bahagia. Kehidupan di dunia realiti adalah tidak seperti yang digambarkan kerana hidup di dunia nyata tidak akan sesekali menyamai dunia filem. Dunia filem adalah dunia ciptaan manusia yang ingin lari daripada masalah dunia sebenar. Maka diciptakan dunia palsu untuk manusia bersuka ria lantas terlupa akan permasalahan yang dihadapinya.

Keadaan inilah yang terjadi apabila karya-karya yang bermutu penuh dengan nilai-nilai murni. Karya-karya asal menggambarkan keadaan realiti manusia yang sebenar. Manusia hidup dalam kemiskinan, kesusahan dan keperitan. Namun dunia perfileman telah memalsukan realiti tersebut dan menggambarkan hanya keindahan semata-mata. Lantas, khalayak mencari satu medium baharu untuk melarikan diri mereka daripada segala permasalahan sebenar. Walhal dunia perfilemanlah sebenarnya yang wajar mengangkat karya-karya kesusasteraan ini berdasarkan realiti yang telah disampaikan dalam karya asal. Unsur-unsur komersialisme tidak dapat dielakkan dalam dunia perfileman kerana faktor tersebut merupakan nadi penggeraknya. Situasi tersebut menyebabkan tarikan perlu ditujukan kepada khalayak dan akhirnya meminggaikan nilai dan idea asal karya.

Secara ringkasnya, hubungan antara kesusasteraan dan industri kreatif dilihat mampu menaikkan dan meningkatkan martabat karya kesusasteraan. Pengarang karya kesusasteraan mampu menggunakan medium baharu dan mengambil peluang bidang yang terdapat dalam industri kreatif tersebut dalam menyebar luaskan karya kesusasteraan mereka. Selain itu, penerimaan khalayak akan menjadi lebih luas seiring dengan perkembangan dunia teknologi masa kini. Perkembangan era teknologi maklumat dan industri kreatif yang semakin pelbagai dan beraneka ragam mampu membuka potensi dan prospek baru dalam penyebaran karya kesusasteraan. Namun begitu, karya kesusasteraan yang dijadikan bahan dan idea dalam industri kreatif haruslah dikekalkan kemurnian nilai dan mutunya. Keseimbangan idea dan proses penghasilan karya kesusasteraan dalam industri kreatif mesti dilakukan secara wajar dan adil. Karya kesusasteraan yang menjadi pemangkin kepada nilai kemanusiaan boleh menjamin bidang industri kreatif untuk menyebarkan idea dan seterusnya membangunkan tingkat pemikiran masyarakat.

Adaptasi Karya Sastera ke Layar

Medium filem amat besar pengaruhnya. Dalam dunia kesarjanaan kini, media filem adalah alat untuk meneliti politik sosial masyarakat. Sastera yang difilemkan ini adalah penguraian citra kebudayaan dan kesenian dalam kehidupan masyarakat. Justeru itu, penggunaan medium filem telah mencipta manfaat dan membuka pintu arena sastera kerana dapat mengembangkan lagi sastera secara meluas dan seterusnya dapat membantu masyarakat untuk memahami, meminati dan mengetahui alam sastera. Walau bagaimanapun, penggunaan wadah filem ini akan menjadikan karya sastera seakan terpinggir oleh arus pemodenan masyarakat.

Tidak sedikit judul-judul karya sastera yang diangkat dalam bidang perfileman. Sastera rakyat sebagai contoh, menyajikan cerita-cerita seperti *Si Tanggang*, *Bawang Putih*, *Bawang Merah*, *Badang* dan *Raja Bersiung* yang menjadi sebutan dalam masyarakat, sesudah diterbitkan dalam bentuk filem. Tidak lupa juga sastera hikayat yang diolah seperti *Hikayat Hang Tuah* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Dapat disimpulkan bahawa terdapat dua sumbangan karya-karya kesusasteraan ini dalam bidang kreatif, iaitu mendedahkan masyarakat kepada karya-karya sastera yang sebelum ini tidak banyak diambil peduli oleh golongan selain dalam bidang sastera, serta mendidik masyarakat melalui nilai-nilai dan keindahan dalaman yang terkandung dalam sesebuah karya sastera. Media kreatif telah memainkan peranan yang besar dalam mempopularkan kesusasteraan Melayu. Filem-filem era P. Ramlee seperti *Musang Berjanggut*, *Hang Tuah*, *Raja Bersiung*, dan *Megat Terawis* menjadi tatapan masyarakat yang inginkan penghayatan sastera dalam medium yang berbeza.

Selain itu, media perfileman juga turut memainkan peranan dalam mempromosikan nilai dan budaya masyarakat Melayu yang menjadi subjek utama penulis-penulis karya agung kesusasteraan. Sebagaimana yang diketahui, karya-karya agung merupakan cerminan kepada corak hidup dan pemikiran bangsa Melayu. Di tengah-tengah kebejatan sosial dan ketidakstabilan sistem nilai dalam kalangan masyarakat pada hari ini, budaya yang terpancar dalam akal budi kesusasteraan, merupakan penawar yang sangat bernilai bagi manusia. Ini disebabkan sesebuah teks sastera itu diungkap dalam bentuk yang indah, dan penuh faedah. Motif-motif penting seperti kesetiaan kepada pemerintah, keberanian menentang kezaliman, serta melindungi kesyumulan ajaran Islam, merupakan elemen-elemen penting yang harus diterapkan dalam jiwa masyarakat.

Tujuan utama sesebuah filem itu diterbitkan adalah tidak lain dan tidak dapat lari lagi dari tujuan untuk dikomersialkan. Oleh yang demikian, apabila ia direka hanya berfokuskan konsep komersial dan keuntungan yang bakal diperoleh, maka tidak menjadi masalah bagi penggiat seni dalam bidang perfileman ini untuk melakukan sebarang bentuk pindaan terhadap karya asal yang menjadi rujukan kepada sesebuah filem yang akan diterbitkan. Hal ini kerana penggiat seni dalam bidang ini termasuk pengarah dan penerbit filem hanya mementingkan penerimaan khalayak umum terhadap filem tersebut. Selera peminat merupakan salah satu daripada sebab pengarah dan penerbit filem melakukan pindaan terhadap karya tersebut. Sesebuah filem itu tidak akan berjaya mendapat anugerah filem terbaik jika tidak disokong oleh peminat-peminat. Bagi menimbulkan sokongan daripada peminat tersebut, para pengarah dan penerbit harus bertindak bijak dengan mendalami konsep dan bentuk filem yang diinginkan oleh penonton. Tidak dinafikan bahawa kebanyakan karya sastera yang difilemkan adalah karya sastera yang tergolong dalam genre sastera popular, akan tetapi tidak dapat juga dinafikan bahawa ada sesetengah pengarah dan penerbit yang mengadaptasikan karya sastera yang bergenre serius sebagai filem. Contohnya ialah dua buah karya agung yang telah disebut tadi, iaitu *Puteri* antara pengarang asal Gunung Ledang dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Hal ini kerana dengan pengarang filem, mereka mempunyai pemikiran dan pandangan yang berbeza walaupun mereka sama-sama mempunyai tujuan untuk memperkenalkan cerita tersebut kepada khalayak ramai.

Antara faktor yang dapat dikesan menjadi salah satu sebab bidang perfileman adaptasi daripada karya sastera ialah kreativiti pengarah atau sutradara dalam pengolahan cerita. Pentafsiran dan olahan cerita adalah mengikut pemahaman pengarah. Bagus atau tidak sesebuah filem itu bergantung kepada pengolahan yang dilakukan oleh pengarah apabila mereka berjaya menguasai jalan cerita yang ingin disampaikan oleh pengarang asal cerita tersebut. Justeru itu, tidak dapat dinafikan, karya sastera yang tidak diminati oleh golongan luar bidang sastera menjadi meletup dan tersohor apabila difilemkan ekoran daripada olahan dan daya kreativiti yang dimiliki oleh pengarah filem tersebut. Bagi melancarkan lagi kehebatan daya fikir mereka, pihak pengarang tidak akan mesra bersalah dan tanpa segan silu akan melakukan perlanggaran dan pencerobohan terhadap karya tersebut. Hal ini adalah tidak lain dan tidak bukan, bertujuan untuk memuaskan hati para penonton filem yang menginginkan sebuah karya yang tidak jemu dan bosan untuk dipertontonkan. Oleh itu, pengolahan cerita haruslah akur kepada kehendak penonton yang jelas lebih berminat kepada karya yang bersifat santai dan menyeronokkan.

Proses penghasilan filem berdasarkan adaptasi daripada karya sastera juga telah memperlihatkan kesan negatif yang menimpa karya asal sesebuah cerita itu. Nilai estetika yang terdapat pada sesebuah karya sastera yang mempunyai nilai sasteranya yang tinggi telah berkurangan apabila ia difilemkan keran tujuannya adalah untuk komersial semata-mata. Bagi mengekalkan nilai estetika sesebuah karya asal itu, pihak yang terlibat dalam bidang perfileman ini seharusnya lebih mendalamai tujuan sebenar karya sastera itu dikarang dan mereka seharusnya lebih bijak menghargai nilai estetika tersebut dengan cara tidak terlampau memikirkan keuntungan semata-mata.

Impak Perkembangan Teknologi Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Kesusteraan di Universiti: Kes Universiti Kebangsaan Malaysia

Perkembangan teknologi maklumat ini turut memberi kesan kepada pengajaran dan pembelajaran sastera. Dalam konteks positifnya, perkembangan teknologi maklumat ini memudahkan pelajar mencari maklumat namun terdapat beberapa impak negatif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Perkembangan teknologi membawa bersama beberapa media baru menyebabkan kebergantungan pada buku berkurangan. Pelajar lebih cenderung menghadap skrin daripada membaca buku. Tambahan pula banyak bahan boleh dimuat turun ke skrin. Situasi ini dalam jangka masa panjang akan memberi kesan kepada penggunaan teks sastera dalam pembelajaran. Situasi ini membimbangkan kerana pelajar makin jauh daripada buku dan memberi kesan kepada kursus-kursus yang menggunakan teks secara langsung seperti novel Melayu.

Sastera di zaman digital kini bersaing dengan pelbagai wadah informasi, hiburan, kesenian dan lain-lainnya. Persaingan itu bukan sahaja dilihat dalam jumlah kuantiti, tetapi juga dari mutu kualitatif. Dalam era digital ini, di samping membaca perlu juga ada proses berfikir secara kritis terhadap akan bahan bacaan yang di baca. Mana Sikana ada mengatakan bahawa membaca itu sendiri adalah merupakan sebahagian dari “kesenian berfikir”. Tambahan beliau lagi, “Agak mustahil kita boleh berfikir tanpa bacaan meskipun bacaan itu bukan salah satu cara untuk menjadi seorang pemikir”. Budaya membaca menjadi sesuatu yang lumrah di negara-negara maju, namun tidak semua di antara pembaca telah berjaya untuk menjadi pemikir yang baik. Hal ini bermaksud apabila kita membaca, proses berfikir perlu juga dimasukkan sekali untuk memahami lagi akan bahan bacaan tersebut.

Di saat ada keghairahan pada penggunaan media digital, kita sepatutnya menyedari akan kesan penggunaan digital kepada para pelajar bukan sahaja dari pertumbuhan pemikiran, tetapi mempengaruhi cara sosialisasi mereka di kelas. Pelajar yang terdedah dengan dunia

digital tidak fokus kepada pembelajaran. Situasi ini memerlukan inovasi dan kreativiti pensyarah dalam proses pengajaran bagi menarik minat pelajar kepada pembelajaran.

Sastera di zaman digital kini bersaing dengan pelbagai wadah informasi, hiburan, kesenian dan lain-lainnya. Persaingan itu bukan sahaja dilihat dalam jumlah kuantiti, tetapi juga dari mutu kualitatif. Dalam era digital ini, di samping membaca perlu juga ada proses berfikir secara kritis terhadap akan bahan bacaan yang di baca. Mana Sikana ada mengatakan bahawa membaca itu sendiri adalah merupakan sebahagian dari “kesenian berfikir”. Tambahan beliau lagi, “Agak mustahil kita boleh berfikir tanpa bacaan, meskipun bacaan itu bukan salah satu cara untuk menjadi seorang pemikir”. Jika kita melihat budaya membaca menjadi sesuatu yang lumrah di negara-negara maju, tidak semua pembaca telah berjaya untuk menjadi pemikir yang baik. Hal ini bermaksud apabila kita membaca, proses berfikir perlu juga dimasukkan bersama untuk memahami bahan bacaan tersebut.

Persoalan yang mahu diungkapkan oleh pembentang di sini sama ada sastera yang masuk ke dunia digital boleh menumbuhkan sikap kritis ataupun sastera itu sendiri dapat memainkan peranan dalam menggalakkan pertumbuhan pemikiran kritis. Dunia digital telah dilihat sebagai salah satu instrumen yang sememangnya mampu menampung sastera kepada masyarakat yang lebih besar dengan andaian masyarakat tersebut itu mampu mengakses kemudahan digital. Terdapat dua pihak yang masing-masing merasakan mereka berada di atas landasan yang betul, iaitu di satu pihak ada yang akur akan fungsi sastera yang dinamis dan lagi satu ada juga pihak lain yang melihat perkembangan semasa yang memanfaatkan dunia digital untuk mengembangkan lagi sastera pada masa hadapan dengan berhati-hati dan juga berhemah. Dengan erti kata lain, jangan sampai keghairahan menggunakan wadah digital membuatkan kita leka sehingga kita terlupa akan kesannya terhadap budaya membaca, budaya berbuku dan budaya untuk menghasilkan karya kreatif dan kritis.

Perkembangan teknologi terutama dalam industri kreatif menuntut perubahan bukan sahaja dalam proses pengajaran dan pembelajaran tetapi juga struktur kursus. Beberapa kursus baru yang relevan dengan situasi semasa diperkenalkan seperti pengurusan sastera, sastera dan media baru, industri kreatif dan lain-lain.

Kesimpulan

Perkembangan teknologi telah mengubah bidang sastera tanah air. Tanpa pilihan, kita perlu sentiasa sedar untuk melawan arus keghairahan dunia siber dan digital ini dari terus meresap ke dalam ufuk pemikiran. Dengan itu, aspek membudayakan dan melestarikan sastera tidak boleh diambil mudah dan perlu tegap dalam menongkah arus pemodenan. Sastera yang telah meresap masuk ke dalam dunia digital terus dibiarkan sahaja untuk tujuan pelestarian, tetapi budaya berbuku dan wacana sastera yang membumi dalam sfera publik, adalah landasan yang asas untuk membangunkan kembali budaya membaca dan menulis sastera. Pada zaman ini, kegiatan sastera dalam alam digital dan adalah berbentuk diskusi forum, blog, kuliah sastera kebanyakannya telah dimuat naik dalam Youtube dan buku serta makalah digital. Kita harus memanfaatkan wadah baru, yang silih berganti, tetapi dalam pada masa yang sama kita juga perlu prihatin bahawa ketika kita menyambut zaman kegemilangan penggunaan digital dan juga tidak terlalu berharap kepada dunia digital untuk menjadi penampung sastera.

Biodata Penulis

Che Abdullah Che Ya merupakan Pensyarah Kanan Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nasrun Alias merupakan pensyarah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rujukan

Awangku Haji Amirul Amin Pengiran Haji Jamaluddion. (2012). *Sastera dan pasaran*. Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara ke-8. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azhar Ibrahim Alwee. (2012). *Sastera pada zaman digital: Pengampuhan dan/atau pemunggiran sastera*. Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara ke-8. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Hatta Azad Khan. (2012). *Sastera sebagai pemangkin pembangunan pengisian industri kreatif negara*. Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara ke-8. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Abu Bakar Wan Abas. (2012). *Menghasilkan dan menyebarluaskan karya sastera dalam medium Internet*. Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara ke-8. Dewan Bahasa dan Pustaka.

NARATIF BAHARU PENGAJIAN MELAYU KONTEMPORARI

(*NEW NARRATIVE OF CONTEMPORARY MALAY STUDIES*)

Awang Azman Awang Pawi

awangazman@um.edu.my

Jabatan Sosiobudaya dan Kesenian Melayu,
Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya.

ABSTRAK

Pengajian Melayu merupakan antara tradisi awal kesarjanaan dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan di negara ini, meskipun pada awalnya berpusat di Singapura pada tahun 1953 hingga 1954. Za'ba menerajui Pengajian Melayu dan kemudiannya berpindah ke Kuala Lumpur pada tahun 1959. Jabatan Pengajian Melayu ditubuhkan atas desakan orang Melayu dan diikuti oleh Laporan Carr-Saunders 1948. Selepas lebih 70 tahun penubuhan Pengajian Melayu, sudah tiba masanya memposisikan Pengajian Melayu bersesuaian dengan perubahan yang berlaku pada abad ke-21. Kajian ini membincangkan pemposisian Pengajian Melayu dan kaitannya dengan keperluan rakyat, agenda negara dan masyarakat Melayu itu sendiri. Beberapa aspek yang berlaku dalam hal ehwal orang Melayu, perubahan masa dan zaman memerlukan anjakan ke arah yang lebih progresif dan proaktif. Kajian ini mengetengahkan keperluan bidang Pengajian Melayu kepada masyarakat dan negara, strategi memposisikan kedudukan Pengajian Melayu dan langkah-langkah strategik yang perlu digerakkan secara bersama. Hal ini memerlukan penglibatan masyarakat, badan bukan kerajaan, sektor awam dan swasta agar sinerginya mampu memberikan impak yang lebih besar. Berdasarkan perbincangan ini, Pengajian Melayu mempunyai prospek yang cerah untuk bergerak ke hadapan sekiranya mempunyai strategi dan langkah yang dirancang dengan baik.

Kata kunci: Pengajian Melayu; sosiobudaya; pengajian wilayah; pembangunan; pemposisian

ABSTRACT

The study of Malay represents one of the early traditions in scholarly pursuits within the fields of social sciences and humanities in this country, although its origins were centered in Singapore during the 1953-1954 academic sessions, under the leadership of Za'ba. The center subsequently relocated to Kuala Lumpur in 1959. The establishment of the Malay Studies Department was prompted by the demands of the Malay community and followed the recommendations of the Carr-Saunders Report in 1948. Over 70 years since its inception, Malay Studies has now positioned itself in accordance with the zeitgeist prevailing in the 21st century. The objective of this study is to discuss the positioning of Malay Studies in relation to the needs of the people, national agendas, and the Malay society itself. Various aspects concerning the affairs of the Malay community, as influenced by the changes of time, necessitate a shift towards a more progressive and proactive stance. Consequently, this study underscores the societal and national significance of Malay Studies, emphasizing the need for strategic positioning and collaborative steps that involve public engagement, non-governmental organizations, the public and private sectors, ensuring that synergy can yield a more profound impact. In conclusion, the discussion reveals that Malay Studies holds a

promising outlook for advancement, provided it adopts appropriate strategies and forward-thinking measures that serve a dual purpose in both society and national development.

Keywords: *Malay Studies; sociocultural; area studies; development; reposition*

Pendahuluan

Pengajian Melayu Universiti Malaya merupakan bidang kajian wilayah yang mempunyai hubungan sejarah program falsafah, politik dan ekonomi yang ditubuhkan di Universiti Oxford pada tahun 1921. Kajian tersebut dijalankan selama tiga tahun bagi mengkaji struktur, falsafah dan prinsip ekonomi masyarakat moden (Becket, 2017). Program falsafah, politik dan ekonomi bermula selepas revolusi dan Perang Dunia Pertama yang memberikan impak kepada sistem akademik di Oxford, ketidakstabilan politik di Eropah dan Asia serta masalah pengangguran yang tinggi di United Kingdom. Program falsafah, politik dan ekonomi bertujuan untuk menyediakan program akademik yang terlibat secara langsung dengan dunia kontemporari ketika itu. Perkara itu berbeza dengan fokus Universiti Oxford ketika itu yang mengkhusus kepada kajian klasik Greek kuno dan zaman medieval. Oleh itu, pengenalan kepada ijazah baharu tersebut dapat menghasilkan graduan yang lebih baik bagi memenuhi keperluan Britain dan empayar British ketika itu. Walau bagaimanapun, terdapat stigma yang menyatakan bahawa ijazah baharu tersebut merupakan kajian yang tidak mendalam, bersifat asas dan tidak konsisten (Becket, 2017). Pada masa yang sama, kajian yang difokuskan dalam ijazah baharu tersebut berfokus kepada kajian wilayah.

Kajian wilayah ialah kajian kawasan dan disiplin ilmu yang boleh dimanfaatkan selagi mempunyai kesesuaian dengan kawasan kajian. Pengajian Melayu merupakan kajian berkaitan kawasan orang Melayu yang dikenali sebagai alam Melayu, dunia Melayu atau Nusantara. Istilah Melayu Austronesia membayangkan rumpun bahasa yang ada persamaan dengan keluarga bahasa di kawasan ini yang digunakan oleh Franz Bopp pada tahun 1841. *Oxford English Dictionary* menyatakan bahawa penggunaan istilah Melayu Austronesia telah digunakan oleh Pritchard pada tahun 1842 yang merujuk kepada ras dan bukannya sebagai rumpun bahasa (Ross, 1996). Wallace (1869) pula menyebut wilayah ini sebagai Kepulauan Melayu (*Malay Archipelago*) yang meliputi Melaka, Gunung Ophir, Borneo, Jawa, Sumatera, Bali, Lombok, serta Timor sehingga membentuk gugusan kepulauan yang pelbagai. Kepulauan tersebut merangkumi kumpulan Celebes (Celebes dan Manado), Maluku dengan Banda, Ambon, Ternate, Gilolo, Batchian, Ceram, Goram, Kepulauan Matabello, dan Bouru, serta kumpulan Papua (yang terdiri daripada Kepulauan Aru, New Guinea, Waigou, dan Salwatty).

Berbeza dengan situasi ketika *Philosophy, Politic and Economy* (PPE) digubal di Oxford, terdapat usaha membentuk *Great without Greek* kemudian *Modern Great* bagi mencapai jati diri dan keperluan sebenar UK sebagai bidang pengajian wilayah atau *liberal studies*. Akademi Pengajian Melayu muncul sebagai kajian wilayah dan berkaitan dengan keperluan kolonial di negara jajahan. Sesuai dengan gerakan orientalisme sebelum ini, negara dijajah untuk meneliti dunia Timur yang merupakan bakal jajahan mereka. Bagi orang Inggeris, mereka menentang kajian Tanah Melayu, iaitu yang dikenali sebagai *Malay Studies*. Belanda pula memberikan nama kajian *Indology* untuk kajian Selatan India dan kajian perkhidmatan kolonial dalam Dutch East Indies.

Oleh sebab itu, ketika PPE mengkhusus falsafah, politik dan ekonomi di UK, di Tanah Melayu ia dianggap sebagai subjek mengkaji bahasa sastera dan budaya sahaja, lebih-lebih lagi pada awal penubuhannya di Singapura pada tahun 1953. Tradisi sebegini memang sudah menjadi kelaziman di negara dijajah kolonial yang hanya berfokus wilayah sejarah dan geografi (Pannikar, 1971). Namun perubahan sosial, politik dan budaya menyebabkan Pengajian Melayu selepas era pascakolonial memperluaskan ruang lingkup kajian dan

membebaskan daripada keterikatan terhadap tradisi awal ini, bebas daripada kebekuan cara pemikiran orientalis. Beberapa usaha telah dibuat termasuk usaha UNESCO mengadakan program *Malay Culture Studies* berpusat di Indonesia dan didukung oleh penyertaan Malaysia, Filipina Singapura, Thailand dan Madagaskar, meskipun “Melayu” mempunyai pengertian berbeza bagi setiap negara dan kesarjanaan.

Melayu dan Pengajian Melayu

Kerjasama dan hubungan dalam kalangan ahli akademik Pengajian Melayu dengan pihak Kerajaan mampu memberikan komitmen, harapan, perancangan dan tindakan yang lebih baik untuk Pengajian Melayu sebagai wadah penting bagi membina dan membangunkan negara yang lebih baik. Lebih-lebih lagi Pengajian Melayu memfokuskan isu mengenai hal ehwal orang Melayu dalam konteks yang luas. Berdasarkan statistik, orang Melayu dan bumiputera merupakan kelompok yang terbesar yang mewakili 69.9 peratus pada tahun 2022 (DOSM 2022). Sebagai kelompok terbesar konsep Melayu yang luas ini meliputi bumiputera Sabah dan Sarawak memberikan signifikan dalam konteks agenda negara. Hal ini kerana sebarang isu yang menjelaskan kehidupan hal-ehwal orang Melayu dan bumiputera, maka ia akan memberikan kesan besar kepada negara. Misalnya, sekiranya orang Melayu mengalami kadar kemiskinan yang tinggi, kadar gaji yang rendah, akses peluang ekonomi yang terbatas, peluang pekerjaan yang terhad, kadar pengangguran yang tinggi, kadar isi rumah yang rendah, isu sosial yang mewabak seperti jenayah, maka ia boleh menggugat keharmonian negara. Begitu juga jika majoriti Melayu dilanda sentimen etnik dan agama yang sempit, kesannya turut menjelaskan kestabilan politik kerana jumlah yang besar ini berupaya membawa kepada ketidaktentuan politik. Justeru, terdapat kepentingan hal ehwal orang Melayu perlu diberikan perhatian sewajarnya dan bidang Pengajian Melayu perlu memainkan peranan dan mengambil tempat dan kedudukan dalam melakukan kajian, mengenal pasti permasalahan, memberikan jalan-jalan penyelesaian kepada masyarakat dan negara.

Pengajian Melayu Kontemporari

Terdapat keperluan pengajian Melayu kontemporari diberikan perhatian oleh semua pihak. Antaranya adalah untuk memahami landskap sosiobudaya yang kompleks dan berkembang di Malaysia dan rantau Asia Tenggara yang lebih luas. Penilaian pengalaman Melayu kontemporari dapat memberikan wawasan berharga dalam konteks pelbagai aspek, iaitu:

Identiti dan Keterikatan dalam Dunia Global

Aspek ini termasuklah menilai impak dan suasana Alam Melayu yang memberikan kesan antara satu sama lain dalam konteks tradisi dan moden dalam membentuk identiti Melayu itu sendiri. Geseran ini memberikan manfaat namun juga memberikan rintangan besar terhadap pergerakan mereka. Sebagaimana pendapat Bauman (2000) dalam memperkatakan konsep “Liquid modernity and the fragile self”, beliau menghujahkan bahawa masyarakat moden dicirikan dengan perubahan yang pesat, ketidaktentuan, dan keindividuan yang membawa kepada kecairan (*fluidity*) dan fragmentasi dalam identiti. Dalam konteks di era moden, Melayu berhadapan dengan pelbagai hubungan, kerjaya, tempat kerja mereka menjadikan kehidupan mereka mudah berubah dan mempengaruhi identiti mereka.

Begitu juga impak globalisasi terhadap struktur sosial, nilai, dan amalan kehidupan Melayu menarik untuk dikaji. Idea “kosmopolitan daripada bawah” oleh Ulf Hannerz amat menarik untuk dikaji. Idea yang menentang konotasi elit kosmopolitanisme berhujah bahawa orang biasa terlibat dalam pertukaran budaya dan membangunkan perspektif global

melalui amalan harian, tanpa mengira latar belakang etnik mereka. Hal ini dapat dilihat melalui penggunaan Internet dan media sosial yang meluas dalam kalangan Melayu dari pelbagai latar belakang berhubung dan mengambil bahagian dalam aliran budaya global dan ini menyebabkan terbina rasa keterikatan global. Sudah tentu ia mengubah sudut pandangan orang Melayu dari segi cara berfikir, berperasaan dan bertindak.

Aspek mediasi identiti agama dan etnik Melayu dalam konteks masyarakat berbilang kaum juga penting sebagaimana penekanan aspek “Sources of the Self” dan “The Politics of Recognition” idea Charles Taylor yang menekankan peranan pemahaman diri dan keperluan pengiktirafan dalam membentuk identiti. Perkara yang menarik apabila wacana tandingan identiti ini membentuk bukan sahaja Melayu secara keseluruhan atau generik, tetapi Melayu kenegerian. Justeru, penting dalam hal ini membina identiti mereka melalui dialog dengan warisan budaya mereka dan keauntetikan yang didambakan lebih-lebih lagi dalam masyarakat yang bersifat kenegerian dan terdapat juga multibudaya yang dalam konteks nasional. Dialog warisan budaya seumpama ini menjadi lebih kompleks apabila individu terdedah pelbagai pengaruh etnik, kenegerian dan agama. Di sinilah perlu dilihat, dinilai cabaran dan peluang yang dihadapi oleh orang Melayu dalam dunia yang global. Strategi, formula, perancangan dan pelaksanaan ini dapat dikemukakan dengan baik apabila bidang Pengajian Melayu memberikan tumpuan khusus dalam konteks ini.

Pembangunan Sosio-Ekonomi dan Ketidaksetaraan

Pembangunan sosioekonomi dan ketidaksetaraan merupakan aspek penting dalam konteks masyarakat Melayu, yang mencerminkan keadaan jurang yang masih kekal dalam kalangan orang Melayu. Kumpulan etnik lain perlu diberikan perhatian dalam pengajian Melayu. Keberlanjutan kesenjangan sosioekonomi ini menimbulkan keperluan untuk terus menyelidiki langkah-langkah untuk mengatasi ketidaksetaraan ini. Dasar tindakan affirmatif yang dirancang untuk memberi sokongan kepada golongan yang kurang berdaya, telah diperkenalkan dengan tujuan menangani kemiskinan dan ketidaksetaraan yang dihadapi oleh komuniti Melayu. Keberkesanannya ini menjadi subjek kajian penting untuk menilai sejauh mana ia dapat membawa perubahan yang positif dalam mengurangkan ketidaksetaraan ekonomi.

Pendidikan dan pembangunan kemahiran dianggap sebagai aspek utama dalam mendorong kemajuan ekonomi Melayu. Taraf pendidikan dan kemahiran individu perlu ditingkatkan bagi membuka peluang pekerjaan yang lebih baik dan penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi komuniti Melayu secara keseluruhan. Impak globalisasi ekonomi turut memberi pengaruh signifikan terhadap komuniti Melayu. Perubahan dalam landskap ekonomi global memberikan peluang serta cabaran kepada ekonomi tempatan dan sumber pendapatan Melayu. Oleh itu, perlu ada pemahaman mendalam mengenai bagaimana globalisasi ekonomi mempengaruhi komuniti Melayu dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memaksimumkan manfaatnya sambil mengurangkan ketidaksetaraan ekonomi yang mungkin timbul. Hal ini penting bagi memastikan isu kemiskinan Melayu tidak terjejas teruk (Weerasena & Ferlito, 2022). Keperluan tentang pembangunan sosioekonomi dan ketidaksetaraan dalam konteks Masyarakat Melayu menuntut analisis yang teliti dan penyelidikan lanjut untuk memahami cabaran dengan lebih mendalam dan peluang yang dihadapi oleh komuniti Melayu dalam era globalisasi ini.

Penyertaan Politik dan Pentadbiran Negara

Dalam konteks masyarakat Melayu, Pengajian Melayu perlu terlibat dalam kajian penyertaan politik dan pentadbiran untuk memberikan pemahaman mendalam tentang dinamika politik. Parti politik dan organisasi Melayu memainkan peranan penting dalam membentuk landskap politik negara ini untuk mempengaruhi arah dan strategi pembangunan politik. Pengaruh Islam turut memainkan peranan penting dalam pemikiran dan aktivisme politik Melayu. Kewujudan PERKASA, Gerakan Pembela Ummah, Muafakat, JATI, Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), PEMBELA dan Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menarik untuk melakukan kajian lanjut tentang hubungan aktivisme NGO Melayu, sikap, pendirian dan gerakan mereka.

Begitu juga prinsip-prinsip Islam menjadi landasan dalam membentuk pandangan politik dan tindakan aktivisme, mencipta satu hubungan erat antara nilai-nilai keagamaan dan kerangka politik Melayu. Penyertaan politik Melayu dalam sistem demokratik membawa bersama cabaran dan peluang. Sementara terdapat kemungkinan untuk mempengaruhi dasar dan keputusan melalui penglibatan politik, cabaran seperti perpecahan dalam dan persaingan politik dapat menyulitkan proses tersebut. Peluang untuk membentuk dasar yang lebih inklusif dan adil turut menjadi potensi positif yang boleh dikejar.

Perdebatan mengenai hak dan keistimewaan Melayu mencerminkan realiti kompleks dalam Malaysia kontemporari. Isu-isu berkaitan dengan hak dan keistimewaan ini menjadi subjek kontroversi dan perbincangan terus-menerus dalam kalangan masyarakat. Walau bagaimanapun, pemahaman yang mendalam mengenai sejarah dan konteks sosiopolitik menjadi kritikal untuk merangka dasar-dasar yang adil dan seimbang bagi semua lapisan masyarakat. Di sinilah keperluan Pengajian Melayu melakukan penyelidikan yang teliti terhadap aspek penyertaan politik dan pentadbiran negara untuk memahami secara menyeluruh peranan serta cabaran yang dihadapi oleh komuniti Melayu dalam arena politik Malaysia.

Penghasilan Budaya dan Seni Melayu

Aspek yang terserlah dalam Pengajian Melayu kini lebih terlihat dalam bidang seni, kesyairan dan bidang sastera moden. Namun perspektif penghasilan budaya dan ungkapan seni secara menyeluruh dan menonjolkan peranan utama yang dimainkan oleh elemen budaya dan seni serta proses-proses dalam membentuk dan merefleksikan identiti Melayu belum lagi terserlah. Sedangkan dunia seni yang meluas termasuk filem Melayu dan muzik sebagai respons terhadap isu-isu kontemporari adalah aspek utama yang memerlukan perhatian. Misalnya, kajian terhadap mediasi pembikinan filem *Mat Kilau* dan kaitan dengan sentimen Melayu penting dilakukan. Pandangan dari segi fiksi dan fakta sebenarnya belum terungkap kajian seumpama itu, apatah lagi kajian yang berkaitan dengan pembinaan naratif untuk tujuan politik keaktivisian dan kepartian politik. Kajian ini memberi peluang untuk melihat bagaimana karya seni Melayu memancarkan dinamika sosial dan budaya semasa.

Peranan ekspresi kreatif dalam merepresentasikan dan menjadi satu tantangan identiti Melayu menjadi titik fokus yang kritikal. Karya seni dapat menjadi saluran untuk menyuarakan pandangan dan pengalaman individu serta memberi ruang untuk mengkritik atau mengapresiasi nilai-nilai dan norma budaya yang dipegang. Impak teknologi media baharu, seperti Internet dan media sosial, penghasilan budaya dan penggunaan imej-imej Melayu turut memerlukan kajian mendalam. Perubahan dalam cara karya seni disebarluaskan dan diakses mempunyai implikasi besar terhadap cara budaya Melayu dihasilkan, disebarluaskan dan dihayati. Sudah tentu kewujudan mikro selebriti dalam konteks zaman digital dan impak terhadap wacana awam, wacana politik, pemasaran politik, dan wacana tandingan budaya terserlah.

Dalam konteks kajian ini, potensi pertukaran dan kerjasama budaya adalah aspek yang menarik. Kajian Pengajian Melayu dapat meneroka kaedah pertukaran budaya dan kerjasama antara komuniti Melayu dengan budaya lain dapat memupuk pemahaman antara budaya serta memberi sumbangan kepada dialog antarabangsa. Aspek ini termasuk keterujaan remaja dan masyarakat Melayu dalam K-Pop masih lagi ketandusan kajian yang bermakna (Siti Fatiha & Sharifah Nursyahidah, 2018). Ternyata, kajian Pengajian Melayu dalam penghasilan budaya dan ungkapan seni mampu membawa makna yang mendalam, memberikan wawasan kepada kompleksiti dan kepelbagaiannya budaya Melayu dalam era kontemporari, menyokong perkembangan serta pemeliharaan warisan budaya semasa yang unik.

Jantina dan Keadilan

Pentingnya kajian Pengajian Melayu dalam konteks kajian gender dan keadilan sosial menyorot isu-isu kritikal yang berkaitan dengan peranan wanita Melayu dalam masyarakat. Dalam konteks gender dan keadilan sosial, amat penting bagi Pengajian Melayu menyorot kembali isu-isu kritikal mengenai peranan wanita Melayu dalam masyarakat. Perubahan peranan dan aspirasi wanita Melayu menjadi aspek yang mementingkan untuk difahami, kerana ini mencerminkan transformasi budaya dan sosial dalam komuniti Melayu.

Cabarannya dihadapi oleh wanita Melayu dalam mencapai kesetaraan gender dan mengatasi diskriminasi menjadi fokus kajian yang tidak boleh diabaikan. Penelitian ini memberi ruang untuk menggali bagaimana norma-norma budaya dan sistem nilai masyarakat Melayu mempengaruhi pembangunan wanita dan mengenal pasti strategi untuk merangkul kesetaraan gender. Terdapat pelbagai kajian mengenai gender Melayu dan Pengajian Melayu mampu menjadikan sebagai landasan penyelidikan yang mampu mengenal pasti masalah, cabaran, jalan penyelesaian untuk dijadikan dasar dan tindakan masyarakat dan negara. Kajian seperti wanita solo, ibu tunggal, ibu tinggal, wanita gelandangan, wanita desa, wanita tani, wanita professional, LGBT dan wanita Melayu, keganasan rumah tangga dan kesan terhadap wanita, gangguan seksual, penyertaan politik kurang, ketidaksetaraan perwakilan dalam proses membuat keputusan di pelbagai sektor termasuk perniagaan, akademia dan kerajaan, akses terbatas dalam perkhidmatan kesihatan dan pendidikan di luar bandar, pemerdagangan manusia, penipuan (*scammer*), diskriminasi dan stereotaip gender telah mengehadkan peluang wanita untuk menyumbang kepada negara.

Kesemua kajian ini perlu dipergiatkan bagi mereformasikan dasar, menguatkan kesedaran dan pendidikan. Pentingnya pemerkasaan wanita dalam pelbagai sektor, penyediaan belanjawan wanita yang lebih munasabah dan kesemua ini mampu mengukuhkan lagi kedudukan masyarakat sivil di negara ini. Selain itu, perbincangan yang berkembang mengenai seksualiti dan hak seksual dalam komuniti Melayu membuka jalan bagi kajian mendalam dalam bidang ini. Persepsi dan nilai-nilai tentang seksualiti sering kali menjadi titik sentuh dalam masyarakat, dan pemahaman mendalam terhadap isu ini dapat menghasilkan langkah yang lebih inklusif dan sensitif terhadap kepelbagaiannya pandangan dan pengalaman. Perjuangan untuk keadilan sosial dan hak asasi manusia bagi komuniti Melayu yang terpinggir mencerminkan tumpuan kepada isu-isu ketidaksetaraan dan penindasan. Kajian ini memainkan peranan penting dalam memberikan suara kepada yang terpinggir dan mempromosikan kesedaran mengenai hak-hak asasi manusia yang harus dihormati dalam konteks masyarakat Melayu. Tumpuan kepada kajian gender dan keadilan sosial membawa erti yang mendalam dan memberikan perspektif holistik terhadap kompleksiti dinamika sosial dalam komuniti Melayu. Situasi ini bukan sahaja memperkaya pemahaman kita tentang isu-isu gender, tetapi juga memberi laluan kepada tindakan yang lebih proaktif dan inklusif dalam merangka dasar dan program yang dapat memajukan hak-hak dan kesetaraan wanita Melayu.

Penguasaan dan Pemahaman Teori

Kajian kontemporari dalam bidang Pengajian Melayu memainkan peranan penting dalam memberikan pandangan yang kritis dan relevan terhadap isu-isu semasa masyarakat Melayu. Kajian kontemporari dapat melihat bagaimana kajian ini menyumbang kepada perbincangan teoretikal yang lebih luas dalam beberapa bidang kajian utama.

Dalam konteks teori postkolonial, kajian mengenai impak penjajahan terhadap identiti Melayu. Sebagai contoh, penelitian tentang bagaimana naratif kolonial masih mempengaruhi pemikiran dan struktur sosial dalam masyarakat Melayu membuka ruang untuk membincangkan konsep penjajahan dan pascapenjajahan. Kajian budaya dalam konteks Pengajian Melayu dapat memberikan impak terhadap seni dan budaya Melayu. Kajian ini boleh berubah sebagai respons terhadap globalisasi dan perubahan dalam dinamika masyarakat. Penelitian tentang evolusi seni rupa Melayu, misalnya, memaparkan cara budaya ini terus berkembang dan menyesuaikan diri dengan cabaran moden.

Dalam bidang globalisasi, kajian kontemporari Pengajian Melayu mampu menggambarkan impak globalisasi ekonomi dan teknologi terhadap cara hidup dan nilai-nilai masyarakat Melayu. Sebagai contoh, penelitian mengenai perubahan dalam gaya hidup dan nilai-nilai kepenggunaan Melayu atau budaya pengguna dapat memberikan pemahaman yang mendalam tentang interaksi antara lokal dan global. Kajian agama dalam Pengajian Melayu dapat mengetengahkan tahap pemikiran keagamaan agar amalan keagamaan harian diadaptasi dalam konteks kontemporari. Penelitian mengenai interpretasi Islam dalam masyarakat Melayu dan impaknya terhadap norma sosial adalah contoh bahawa agama dapat memberikan wawasan kepada perubahan dalam masyarakat. Kajian perbezaan pemahaman mengenai Islamisasi dan Arabisasi dalam kalangan masyarakat Melayu menarik untuk dikaji secara mendalam bagi menilai tahap pemikiran, tafsiran dan pandangan dunia mereka. Hal ini kerana masih kurang orang dapat membezakan pengamatan antara Islamisasi dengan Arabisasi, sama seperti masih kurang orang dapat membezakan antara pemodenan dengan pembaratan (Wahyuddin Halim, 2018), (Seri-Hersch, 2022). Perubahan sosiobudaya dan nilai sosial yang terkandung dalam perubahan tersebut juga menarik untuk dikaji.

Dalam konteks pembangunan Madani, kajian kontemporari tentang aspek prinsip asas, kaedah penerapan dalam konsep pembangunan berteraskan nilai kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan perlulah jelas. Penelitian perlu dilihat dalam konteks pemerdayaan masyarakat tempatan bagi menyumbang kepada wawasan pembangunan berterusan. Misalnya, perlu mengkaji secara lebih komprehensif mengenai isu *e-hailing* atau pekerja *gig* dalam kalangan anak muda. Kajian tersebut perlu dilihat dalam konteks humanistik ekonomi berdasarkan ihsan, hormat, dan daya cipta ke arah kesejahteraan hidup dan kelestarian kehidupan masyarakat.

Kemampuan untuk memberikan gambaran tentang permasalahan dan cara penyelesaiannya tidak hanya memberikan wawasan praktis, tetapi juga memperkaya perbincangan dalam kepelbagaian teori dan praktis yang lebih luas. Pemahaman teori agensi dalam sains sosial, misalnya dapat membantu memberikan wawasan bahawa agensi bukan sekadar pilihan individu, tetapi merupakan suatu yang kompleks, saling mempengaruhi antara pengalaman lalu, aspirasi masa depan, berkaitan konteks sosial dan interaksi dengan pihak lain atau luar (Emirbayer & Mische, 1998). Hal ini bermakna pemahaman teori dan prinsip yang kukuh seperti prinsip Madani, teori humanistik ekonomi, sains sosial dan kemanusiaan, pascakolonial, kajian budaya, pascamoden dan sebagainya perlu ada untuk memberikan perspektif yang lebih mendalam dan menyeluruh.

Pemahaman Mendalam

Pemahaman mendalam terhadap pengalaman Melayu kontemporari memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada beberapa aspek kritikal dalam konteks Malaysia dan rantau yang lebih luas. Pemahaman ini tidak hanya memberi gambaran yang holistik tetapi juga membawa implikasi yang signifikan dalam beberapa bidang kunci. Dalam pembentukan dasar, pemahaman terhadap realiti kehidupan dan cabaran yang dihadapi oleh komuniti Melayu memungkinkan pembentukan dasar yang lebih relevan dan berkesan. Penelitian mengenai isu-isu seperti ekonomi, pendidikan, dan kesenjangan sosial memberikan pandangan yang mendalam kepada pembuat dasar untuk merangka strategi yang berdaya maju dan menyeluruh (Muhammed Abdul Khalid, 2017)

Selain itu, dalam konteks kesejahteraan sosial, pemahaman dan saling hormat antara komuniti yang berbeza di Malaysia menjadi aspek penting. Kajian terhadap pengalaman Melayu yang kontemporari membuka ruang untuk merentasi perbezaan budaya dan etnik, menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang lebih inklusif dan harmoni. Kajian ini juga memainkan peranan dalam memupuk dialog antara budaya. Dengan membina jambatan antara Malaysia dan negara-negara lain melalui pertukaran dan kerjasama budaya, pemahaman mendalam mengenai nilai, tradisi dan norma-norma Melayu dapat menjadi asas bagi terciptanya dialog antarabangsa yang lebih bermakna dan saling memahami. Kajian terhadap kontemporari Melayu membuka bidang penyelidikan yang kaya dan kompleks, memberikan wawasan berharga ke dalam kehidupan, pengalaman, dan aspirasi Melayu pada era abad ke-21. Melalui pemahaman yang mendalam ini, kita dapat membentuk dasar yang lebih baik, memperkuat kesejahteraan sosial, dan memupuk dialog antara budaya yang menjadi landasan bagi masyarakat yang dinamik dan inklusif.

Pemahaman beberapa kerangka konsep mampu memberikan perspektif signifikan terhadap masyarakat Melayu termasuklah aspek *cultural lag, scapes, deglobalization, fluid modernity, risk society, transnationalism, diaspora, hybrid identities, cultural resistance, globalization from below, brand culture, the precariat* dan ekonomi sejahtera dan *ambivalent*. Kesemua ini menarik untuk dinilai sejauh mana amalan atau perlakuan tersebut berlaku dalam masyarakat Melayu dan impaknya terhadap masyarakat Melayu kontemporari.

Dukungan Negara Terhadap Pengajian Melayu

Apabila Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin datang ke Akademi Pengajian Melayu menyampaikan Syaranan Zaba, beliau memberikan impak kepada bidang Pengajian Melayu. Beliau mewakili pandangan rasmi negara dan gerakan politik arus perdana. Sudah tentu ia memancarkan hasrat, harapan, perancangan dan tindakan bersama bukan sahaja untuk Universiti Malaya akan tetapi untuk negara. Tindakan yang dilakukan Khaled Nordin dapat diistilahkan sebagai pembinaan *social capital* dan *civil engagement*. Aspek ini bermaksud penegasan terhadap pentingnya modal sosial (rangkaian kepercayaan dan timbal balik) dalam memupuk penglibatan awam dan pentadbiran komuniti yang berkesan yang mampu bertindak secara kolektif, menangani masalah komuniti, dan memastikan dasar mencerminkan keperluan tempatan (Putnam, 2000). Bagi Bourdieu (1986), modal sosial sebagai “jumlah sumber sebenar atau berpotensi berkaitan dengan memiliki rangkaian yang tahan lama dalam hubungan timbal balik yang kurang diinstitusikan dengan kenalan atau pengiktirafan bersama”.

Kerjasama dan pengiktirafan bersama inilah menyebabkan beliau menekankan perlunya revolusi struktur pengajian Melayu dengan mendatangkan cendekiawan terbaik dari pelbagai latar belakang bagi membina Pengajian Melayu yang lebih berdaya saing. Perubahan ini bertujuan untuk menjadikan Pengajian Melayu sebagai bidang yang strategik dan setara

dengan disiplin pengajian lain seperti Middle Eastern Studies dan Chinese Studies. Hal ini perlu merangkumi semakan kurikulum, penglibatan bakat terbaik, dan penekanan pada sumbangan yang jelas dan terlihat terhadap kemajuan bangsa dan negara. Oleh itu, kerjasama strategik dengan universiti yang menawarkan Pengajian Melayu di luar negara perlu digerakkan secara bersepadu.

Dalam konteks cabaran globalisasi, beliau menekankan keperluan untuk membuat keputusan radikal dan strategik dalam memperkasa pengajian Melayu. Secara realiti beliau mengakui masih kekurangan pemikir, bijak pandai, dan pemimpin Melayu dalam menyumbang kepada pemikiran besar dan idea-idea inovatif untuk memperkasakan komuniti Melayu. Justeru, perlu ada penekanan diberikan untuk menjadikan pengajian Melayu sebagai rukun perjuangan bersama dalam kalangan pelbagai pihak termasuk parti politik, NGO dan gerakan massa. Berdasarkan pengalaman di Amerika Syarikat yang dikemukakan oleh Putnam (2000), penurunan penglibatan awam di Amerika Syarikat telah mencetuskan perbincangan cara untuk membina modal sosial dan mengukuhkan ikatan komuniti, mempengaruhi inisiatif dasar yang bertujuan untuk membangunkan komuniti dan penyertaan awam.

Secara keseluruhan, inisiatif pihak Kementerian Pengajian Tinggi mencerminkan kesungguhan kerajaan dalam memperkasa dan meningkatkan status Pengajian Melayu dalam menangani tuntutan zaman. Pendekatan holistik yang dicadangkan oleh menteri menandakan usaha untuk menyelaraskan bidang pengajian ini dengan realiti semasa dan meningkatkan sumbangan kepada pembangunan negara. Gandingan ini sebenarnya perlu digerakkan bukan sahaja Pengajian Melayu di Universiti Malaya, tetapi sebarang program berkaitan pengajaran dan penyelidikan bidang Pengajian Melayu di seluruh negara.

Kesimpulan

Kemahaman mendalam tentang pengalaman Melayu kontemporari mampu memberikan landasan yang kukuh bagi pengembangan ilmu Pengajian Melayu. Kajian-kajian ini membawa ke arah melewati batas-batas tradisional, kemodenan dan menggambarkan kompleksiti serta dinamika masyarakat Melayu dalam era pascamodenisme dan global. Kemahaman ini tidak hanya membolehkan usaha merancang dasar dan inisiatif yang lebih baik, tetapi juga menyumbang kepada pemikiran teoretikal dan aplikasi yang lebih luas dalam sains sosial dan humanistik. Sebagai suatu bidang pengajian, Pengajian Melayu perlu terus diperkasa dengan pemahaman dan visi yang mendalam serta kontemporari sifatnya bagi menjawab cabaran-cabaran semasa dan membawa manfaat positif kepada masyarakat dan negara. Ini memberikan pedagogi kritikal dan pemerkasaan bagi menganalisis realiti sosial, mengenal pasti ketaksamaan dan mengambil peranan, tindakan dan kedudukan sewajarnya. Ia bukan sekadar dianggap pendidikan Pengajian Melayu bagi memindahkan pengetahuan tetapi membolehkan individu dan masyarakat menjadi kritis dan menjadi agen-agen transformasi sosial dengan penyertaan dalam penggubalan dan pembuatan keputusan dalam bidang Pengajian Melayu.

Biodata

Awang Azman Awang Pawi merupakan Profesor Madya di Akademi Pengajian Melayu dan telah berkecimpung dalam dunia akademik selama lebih 20 tahun. Beliau berkelulusan Doktor Falsafah di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Persuratan Melayu dan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Persuratan Melayu dan minor dalam Sejarah) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah budaya dan warisan Melayu/Indonesia, politik Melayu/Indonesia (pembentukan, retorik, tradisi, reka cipta, identiti peserta, pemilihan, dan budaya politik), Kajian Etnik Borneo, Kajian Pascakolonial dan Pascamoden (Dunia Melayu) dan sebagainya.

Rujukan

- Beckett, A, (2017). *PPE: The Oxford degree that runs Britain*. *The Guardian*. <https://www.theguardian.com/education/2017/feb/23/ppe-oxford-university-degree-that-rules-britain>
- Anwar Ibrahim. (2022). *Membangun negara Madani: Visi dan kerangka dasar reformasi*. IDE Research Centre Sdn Bhd.
- Awang Azman Awang Pawi. (2016). The antecedent of Malay Studies: Socio-Cultural perspective. *The Social Sciences*, 11(20), 4977-4980.
- Bauman, Z. (2000). *Liquid modernity*. Polity Press.
- Bourdieu, P. (1986). The forms of capital. In J. G. Richardson (Ed.). *Handbook of Theory and Research for the Sociology of Education* (pp. 241-258). Greenwood Press.
- Chakrabarty, D. (2000). *Provincializing Europe: Postcolonial thought and historical difference*. Princeton University Press.
- Emirbayer, M. & Mische, A. (1998). What is agency?. *American Journal of Sociology*, 103(4), 962-1023.
- Mohamed Khaled Nordin. (2023, Mei 30). *Pemerkasaan Pengajian Melayu untuk pembinaan negara dan pengisian tuntutan globalisasi*. Universiti Malaya.
- Muhammed Abdul Khalid. (2017). *Antara dua darjah: Agihan pendapatan di Malaysia* (Terjemahan). Dubook.
- Panikkar, R. (1971). Indology as a cross-cultural catalyst: A new task of Indological studies: Cross-cultural fertilization. *Numen Brill*, 18(3), 173-179.
- Putnam, R. D. (2000). *Bowling alone: The collapse and revival of American community*. Touchstone Books/Simon & Schuster
- Ross, M. (1996). On the origin of the term “Malayo-Polynesian”. *Oceanic Linguistics*, 35(1), 143-145.
- Seri-Hersch, I. (2022). Arabization and Islamization in the making of the Sudanese ‘postcolonial’ state (1946-1964): Cultural representations, political strategies and school practices. *Cahiers d'études africaines*, 240, 779-804
- Siti Fatiha Yahya & Sharifah Nursyahidah Syed Annuar. (2018). *Hallyu: Kimchi, Budaya Popular and Kuasa Lunak Korea Selatan*. SIRD.
- Taylor, C. (1994). The politics of recognition. In Amy Gutmann (ed). *Multiculturalism: Examining politic of recognition* (pp. 25-73). Princeton University Press.

Wahyuddin Halim. (2018). Islamization or Arabization? The Arab cultural influence on the South Sulawesi Muslim Community since the Islamization in the 17th Century. *Suvannabhumi*, 10(1), 35-61.

Wallace, A. R. (1869). *The Malay Archipelago: The Land of the Orang-Utan, and the Bird of Paradise. A Narrative of Travel with Studies of Man and Nature*. Macmillan and Co.

Weerasena, B. & Ferlito, C. (2022). *Assessing and addressing urban Poverty in Malaysia: Social mobility through entrepreneurship*. Bait al Amanah, Entrepreneurship.

“ORANG KUAT” MASYARAKAT ORANG ASLI LANOH, DI PERAK

(“THE STRONGMEN” OF THE LANOH ABORIGINES COMMUNITY IN PERAK)

Nur Afifah Vanitha Abdullah

nurafifah@ukm.edu.my

Saadiah Ma’ Alip

adia@ukm.edu.my

Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

ABSTRAK

Sekitar awal tahun 1980-an masyarakat asli Lanoh, Lenggong Perak telah menganut agama Islam. Sejak itu, selain Tok Batin terdapat kepimpinan baharu yang digelar Tok Penghulu. Jawatan yang diwujudkan oleh Pejabat Agama untuk menguruskan hal ehwal agama Islam masyarakat ini. Makalah ini bertujuan meneliti peranan Tok Penghulu sebagai “orang kuat” dalam membina dan memperkasakan aspek keagamaan masyarakat asli Lanoh dengan mengaplikasikan konsep “*strongmen*” dalam pendekatan hubungan negara-masyarakat oleh J. Migdal (1988) sebagai kerangka analisis. Sebuah penyelidikan asas telah dirangka dengan bersandarkan kaedah kualitatif. Kajian ini telah dilaksanakan dalam kalangan Orang Asli Lanoh di Kampung Bukit Sapi, Lenggong, Perak. Instrumen utama kajian adalah temu bual dengan Tok Penghulu dan pegawai Bahagian Orang Asli, Jabatan Agama Islam di Lenggong, Perak. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pemilihan Tok Penghulu dalam kalangan masyarakat asli Lanoh sangat bergantung pada keturunan, kewibawaan dan kedudukan kewangan individu berkenaan dalam konteks dinamik sosial masyarakatnya. Selain itu, calon Tok Penghulu juga harus membuktikan kepimpinan, kemampuan bekerjasama dan menjadi pengantara bagi Jabatan Agama Islam dalam segala urusan agama Islam masyarakat asli Lanoh. Secara ringkas individu ini harus memiliki kelebihan dari segi kepimpinan, keagamaan, kewangan dan berkomunikasi sebagai syarat penting untuk dilantik menjadi Tok Penghulu bagi masyarakat orang asli Lanoh.

Kata Kunci: agama; Islam; kepimpinan; orang asli Lanoh; Tok Penghulu; Lenggong, Perak

ABSTRACT

In the early 1980s the Lanoh aborigines community had converted to Islam. Besides Tok Batin, a new leadership called Tok Penghulu was created by the Islamic Religious Department. Tok Penghulu is responsible towards religious affairs of the Lanoh Muslims. This article intends to study the role of Tok Penghulu as the “strongmen” in building and empowering the Islamic affairs of the Lanoh Muslims. The ‘strongmen’ concept in state-society relations by J. Migdal (1988) was employed as an analysis tool. A fundamental research type with a qualitative research design was developed in this study that was conducted among the Orang Asli Lanoh at the Bukit Sapi Village, Lenggong, Perak. In depth interviews were held with the Tok Penghulu and the Orang Asli Islamic Affairs officer. The findings reported in this article are that the factors that determine a Tok Penghulu are the candidates’ lineage, leadership abilities and financial status. This candidate must also proof leadership qualities and teamwork spirit, to work with the Islamic Affairs department and his community members. In brief, the Tok Penghulu must possess leadership qualities, a pious Muslim with financial stability, and a good communicator.

Keywords: religion; Islam; leadership: orang Asli Lanoh; Tok Penghulu; Lenggong; Perak

Pengenalan

Orang Asli (*indigenous people*) bermaksud kumpulan minoriti dan penduduk asal sebuah negara sebelum kedatangan masyarakat yang ada pada masa kini. Istilah “*indigenous people*” juga digunakan secara umum untuk masyarakat yang tergolong sebagai Anak Negeri, Urang Ulu dan Orang Asli (Nandini Balakrisnan, 2023). Orang Asli adalah sebahagian daripada penduduk asal di Semenanjung Malaysia dan terbahagi kepada tiga suku kaum utama, iaitu, Negrito, Senoi dan Melayu Proto (JAKOA, 2023). Masyarakat ini juga dikelompokkan sebagai salah satu daripada masyarakat Bumiputera Malaysia dan jumlah keseluruhan masyarakat ini adalah lebih kurang 13.9% (Devamany S. Krishnasamy & Asan Ali Golam Hassan, 2016). Kaum ini dikatakan sangat unik kerana mereka masih lagi mengamalkan gaya hidup tradisional dan memiliki warisan sejarah yang tersendiri.

Masyarakat Orang Asli mungkin kurang dari segi pemilikan mata wang tetapi mereka adalah suatu kelompok manusia yang bebas (Zawawi Ibrahim, 1998). Masyarakat ini memiliki keperluan secukupnya di hutan dan daripada aktiviti pertanian sara diri mereka. Bagi masyarakat Orang Asli Lanoh, seperti juga keadaannya dengan orang asli dari suku kaum Orang Asli yang lain, tanah adalah suatu perkara yang sangat penting dan bernilai dalam kehidupan mereka. Menurut pandangan hidup (*world view*) masyarakat ini, tanah adalah pemberian Tuhan dan ia adalah sesuatu yang hidup atau bersemangat. Selari dengan pandang dunia ini, kelompok masyarakat Orang Asli ini meletakkan nilai yang sangat tinggi terhadap tanah yang mampu menghasilkan makanan bagi kelangsungan kehidupan mereka. Orang Asli juga sangat percaya bahawa tiada apa yang dapat menghalang mereka daripada mengerjakan tanah, kecuali semangat tanah itu sendiri. Oleh yang demikian, tanah sangat bernilai dan tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan masyarakat Orang Asli (Zawawi Ibrahim, 1998).

Orang Asli Lanoh adalah sebahagian daripada suku kaum Negrito di Malaysia, selain Kensi, Kintaq, Jahai, Mendriq dan Batiq (JAKOA, 2023). Masyarakat Asli Lanoh mendiami kawasan pedalaman Hulu Perak, Perak. Budaya asal masyarakat ini adalah nomadik, iaitu

berpindah randah atas sebab pertanian atau kematian. Namun begitu, selepas tahun 1990-an, walaupun masih nomadik dalam konteks mencari rezeki di hutan, masyarakat ini memiliki penempatan tetap yang didirikan oleh kerajaan. Terdapat dua perkampungan masyarakat ini, iaitu di Kampung Bukit Sapi dan Kampung Sawa, Lenggong, Perak. Populasi masyarakat di kedua-dua perkampungan ini adalah kurang dari 400 orang pada masa kini (JAKOA, 2023; Marzuki, 2023). Perkampungan orang Asli ini bukan sahaja terdiri daripada suku kaum Lanoh semata-mata. Hal ini disebabkan berlaku perkahwinan campur antara suku kaum orang asli Lanoh dengan Orang Asli Temiar sejak tahun 1980-an. Keturunan kacukan ini digelar orang ‘lalek’ dalam kalangan Orang Asli Lanoh (Malik Rama, 2023).

Orang Asli Lanoh mula menganut agama Islam pada tahun 1980-an (Malik Rama, 2023). Penerimaan agama Islam menyebabkan perubahan pada struktur kepimpinan masyarakat orang asli Lanoh. Sebelum penghijrahan kepercayaan kepada agama Islam oleh masyarakat ini, Tok Batin adalah ketua kaum. Tok Batin adalah satu jawatan tradisi masyarakat orang asli Lanoh (Marzuki Mohd Taha, 2023). Fungsi dan bidang kuasa Tok Batin berkaitan dengan adat resam dan segala urusan kehidupan masyarakatnya, sama ada beragama Islam atau yang bukan beragama Islam. Sementara itu, Tok Penghulu pula adalah suatu jawatan yang baharu wujud selepas masyarakat ini menganut agama Islam. Tok Penghulu dilantik oleh Jabatan Agama Islam dalam kalangan masyarakat Lanoh. Peranan Tok Penghulu dalam masyarakat ini terhad kepada pengurusan hal ehwal agama Islam semata-mata. Situasi ini bemaksud usia kewujudan jawatan Tok Penghulu adalah sekitar 40 lebih tahun dalam kalangan masyarakat orang Asli Lanoh. Sehubungan itu, makalah ini bertujuan meninjau kriteria pemilihan dan peranan Tok Penghulu dalam kalangan masyarakat Orang Asli Lanoh. Bagi tujuan penelitian, konsep “*strongmen*” oleh Migdal diaplikasikan untuk mencapai objektif makalah ini.

Sorotan Literatur

Penulisan lepas yang merakam perihal Tok Penghulu Orang Asli di Malaysia secara umum adalah sangat terhad. Jurang ilmu yang ketara juga ditemui bagi subjek masyarakat Orang Asli Lanoh dan kepimpinan Tok Penghulu dalam kalangan masyarakat tersebut. Hal ini membuktikan bahawa ilmu baharu yang dirakam tentang kriteria pemilihan dan peranan Tok Penghulu dalam kalangan masyarakat Orang Asli Lanoh di Kampung Bukit Sapi, Lenggong, Perak dalam makalah ini sangat signifikan untuk dijadikan rujukan dan kajian lanjut pada masa hadapan.

Secara umum, topik kepimpinan Orang Asli di Malaysia dalam penulisan-penulisan lepas merangkumi pelbagai konteks kecuali kepimpinan keagamaan. Konteks kepimpinan Orang Asli yang telah dirakamkan merangkumi kepimpinan wanita dalam kalangan orang Asli (Ruhana Padzil & Vilashini Somiah, 2023). Pengaruh kepimpinan tempatan dalam menangani kemiskinan Orang Asli (Mohamad Hafis Amat Simin et al., 2015), penglibatan politik Orang Asli di Semenanjung Malaysia (Muhamad Sayuti Hassan & Rohaida Nordin, 2020), gaya kepimpinan berkesan di sekolah-sekolah Orang Asli (Krishnasamy, 2019), dan pandangan terhadap kepimpinan guru di sekolah-sekolah rendah (Saraswathy Kullan et al., 2021).

Pada masa yang sama, terdapat juga beberapa penulisan lepas yang membincangkan Orang Asli dalam aspek agama Islam. Namun begitu, makalah-makalah tersebut menunjukkan terdapatnya jurang ilmu dalam konteks kepimpinan Tok Penghulu dalam masyarakat Orang Asli di Malaysia. Makalah-makalah lepas ini membincangkan pelbagai aspek budaya

beragama Islam Orang Asli. Antaranya adalah dalam konteks peranan dan cabaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dalam menyampaikan aktiviti dakwah kepada Orang Asli (Jamilah Mohd Zain & Engku Ahmad Zaki, 2017), dan amalan sinkretisme beragama dalam kalangan Orang Asli Muslim (Ros Aiza Mohd Mokhtar et al., 2021).

Metodologi Kajian

Data bagi makalah ini diperoleh daripada kajian jenis asas atau fundamental. Untuk memperoleh data, kajian lapangan telah dilaksanakan dengan masyarakat Orang Asli Lanoh, di Kampung Sapi, Lenggong Perak. Temu bual diaplิกasikan sebagai instrumen kajian utama bagi memperoleh data semasa kajian lapangan tersebut. Dua informan utama ditemu bual untuk mencapai objektif kajian ini, iaitu Tok Penghulu masyarakat Orang Asli Lanoh dan pegawai Jabatan Agama Islam, Ustad Marzuki Mohd Taha.

Tok Penghulu Kampung Bukit Sapi adalah Malik bin Rama. Beliau adalah keturunan Orang Asli Lanoh dan berusia 43 tahun. Beliau telah memegang jawatan tersebut sejak tahun 2015. Temu bual bersama Tok Penghulu ini bertujuan mendapatkan latar belakang masyarakat Orang Asli Lanoh, sejarah jawatan Tok Penghulu, perbezaan peranan antara Tok Batin dan Tok Penghulu, proses pemilihan Tok Penghulu, dan hubungan Tok Penghulu dan Jabatan Agama Islam Perak.

Informan kedua bagi kajian ini adalah Marzuki Mohd Taha, pegawai agama Islam, bahagian Hal Ehwal Orang Asli di Jabatan Agama Islam, Lenggong Perak. Pegawai agama ini juga dikenali sebagai Ustad dalam kalangan penduduk Kampung Bukit Sapi tersebut. Ustad Marzuki telah dilantik sebagai pegawai agama Orang Asli sejak tahun 2018. Beliau lazimnya menziarahi masyarakat Lanoh Kampung Bukit Sapi tiga hari dalam seminggu untuk tujuan ceramah agama dan kuliah mengaji al-Quran. Temu bual dengan pegawai agama ini dilaksanakan bagi memperoleh data tentang peranan Tok Penghulu masyarakat Orang Asli Lanoh, dan hubungan Tok Penghulu dan Jabatan Agama Islam. Hubungan ustaz Marzuki sangat akrab dengan masyarakat Lanoh kerana beliau kerap mengadakan pertemuan dengan masyarakat ini. Beliau juga bertanggungjawab menguruskan segala keperluan masyarakat Orang Asli Lanoh Muslim di perkampungan tersebut.

Kerangka Analisis

Konsep “*the strongmen*” dalam teori hubungan negara-masyarakat, negara dunia ketiga oleh Migdal (2004), diaplิกasikan bagi memperoleh dan menganalisis data kajian ini. Teori Migdal ini adalah sebahagian daripada ilmu dalam bidang pengajian sains politik. Menurut Migdal, walaupun kuasa negara tampak dominan dalam kebanyakan hubungan negara-masyarakat, terdapat juga keadaan di mana kuasa sebenar terletak pada individu dalam suatu kelompok masyarakat dalam konteks etnik, budaya atau tempatan. Hal ini juga boleh berlaku di peringkat pengurusan negara, di mana kuasa sebenar terletak pada seorang individu (Lambach, 2004). Melalui teori ini Migdal menawarkan pendekatan alternatif bagi memahami sifat unik politik dengan latar kedudukan negara yang lemah. Migdal menerangkan bagaimana suatu entiti dalam kelompok masyarakat melengkapkan kelemahan negara yang gagal memainkan peranan yang sepatutnya.

Menurut teori Migdal (2004), terdapat juga keadaan apabila negara gagal menguasai suatu kawasan dan masyarakatnya secara berkesan. Walaupun fenomena kegagalan seperti ini sangat jarang berlaku, kehidupan masyarakat akan terkesan dalam keadaan seperti ini. Kuasa terhad negara ke atas institusi-institusi yang ditubuhkan untuk melancarkan urusan pentadbiran akan mengakibatkan kepayahan hidup di pihak masyarakat. Antara kelemahan negara seperti ini adalah kegagalan mengutip cukai, menjalankan kajian *sensus* atau melaksanakan kuasa politik paling asas di peringkat lokal. Sehingga akhirnya negara seperti ini gagal menguasai sempadan dan kawasan pedalaman (Lambach, 2004).

Inti pati teori Migdal (2004) adalah negara juga merupakan bahagian penting dalam masyarakat. Negara dalam kedudukan seperti itu, memainkan peranan istimewa dan hal ini membezakannya dari kumpulan sosial yang lain. Apa yang penting menurut Migdal (1988) adalah tidak ada mana-mana bahagian dalam masyarakat yang mengatasi yang lain. Negara boleh membentuk masyarakat, pada masa yang sama negara juga turut dibentuk oleh masyarakat. Dalam usaha negara ditadbir dengan berkesan, “strongmen” atau individu yang berpengaruh dalam masyarakat akan dijadikan rakan untuk mencapai tujuan tersebut.

Untuk mencapai objektif makalah ini, konsep “strongmen” oleh Migdal diaplakisikan untuk meneliti hubungan JAKIM dengan masyarakat Orang Asli Lanoh Kampung Bukit Sapi, Lenggong Perak. Jawatan Tok Penghulu telah diwujudkan bagi mencapai objektif Bahagian Hal Ehwal Orang Asli, JAKIM. Dalam mengurus tadbir hal ehwal agama Islam Orang Asli, JAKIM memerlukan seorang individu yang berpengaruh dalam kalangan masyarakat tersebut. Maka, ciri-ciri individu berpengaruh ini dan peranannya akan diperincikan dalam makalah ini.

Dapatan dan Perbincangan

Kajian ini mengesahkan bahawa terdapat satu proses pemilihan Tok Penghulu sebagai ketua agama Islam bagi masyarakat Orang Asli Lanoh. Melalui proses pemilihan ini juga kriteria dan peranan Tok Penghulu juga telah dikenal pasti. Sehubungan itu, untuk memperjelaskan objektif makalah ini, perbincangan akan dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama akan memperjelaskan latar hubungan masyarakat Orang Asli Lanoh dengan negara terlebih dahulu. Bahagian ini penting untuk memaparkan jiwa bebas dan yang tidak dapat diikat oleh negara. Dalam bahagian kedua pula proses pemilihan Tok Penghulu akan dibincangkan, manakala bahagian kedua pula akan membincangkan ciri-ciri dan peranan individu yang melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Latar Hubungan Masyarakat Orang Asli Lanoh Dengan Negara

Masyarakat Orang Asli Lanoh adalah salah satu entiti yang membentuk bangsa Malaysia, seperti mana yang diterangkan dalam konteks negara-bangsa yang dikemukakan oleh (Migdal, 1988). Menurut Zawawi Ibrahim (1998), masyarakat orang asli di Malaysia adalah suatu institusi yang memiliki pendirian dan hubungan yang berlainan dengan konsep bangsa-negara yang umum. Mereka ditanggapi dan lebih dominan sebagai sebuah “kelompok budaya” yang mahu memastikan kelangsungan identiti bangsa mereka. Selain itu, mereka juga adalah sebuah masyarakat yang tidak pernah memiliki cita-cita ke arah pembentukan negara-bangsa mereka yang tersendiri. Walaupun mereka adalah sebahagian daripada rakyat Malaysia, hubungan mereka sebagai sebahagian daripada “bangsa Malaysia” dengan negara agak terhad.

Hubungan rasmi kelompok masyarakat Orang Asli di Malaysia yang memberi impak besar kepada kehidupan mereka adalah projek Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) masyarakat Orang Asli. Projek RPS dilaksanakan sekitar penghujung dekad 1970-an (Laman Sesawang Jabatan Kebajikan Orang Asli atau JAKOA).

Hubungan antara institusi kerajaan dengan masyarakat Orang Lanoh juga mula terjalin sekitar tahun 1970-an (Malik Rama, 2023). Kaum Orang Asli Lanoh, dan kaum Orang Asli yang lain seperti Temiar, terlibat sama dalam projek ini di negeri Perak. Projek ini telah menempatkan sekali Orang Asli daripada pelbagai suku kaum di RPS, Dala, Gerik, Perak. Projek ini dilaksanakan pada tahun 1980 oleh JAKOA (Malik Rama, 2023). Projek RPS tersebut bertujuan memaju dan membangunkan sosioekonomi Orang Asli, dan pada masa yang sama membendung pengaruh komunis ke atas masyarakat Orang Asli di kawasan pedalaman (Ronzi Mohd Yusoff, 2019). Sehubungan itu, RPS diwujudkan untuk menempatkan masyarakat Orang Asli yang sebelum itu tinggal bertaburan, dalam satu kawasan yang dibangunkan secara bersepadu. Projek RPS melibatkan pembangunan tanah, kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam serta kawasan perumahan (JAKOA, 2023).

Walau bagaimanapun lebih kurang 100 buah keluarga masyarakat Orang Asli Lanoh yang menyertai projek RPS kemudiannya menarik diri dan kembali menetap di Sungai Karah pada tahun 1982. Punca kepada tindakan mereka ini adalah pertembungan adat resam dan pantang larang dalam kalangan masyarakat Orang Asli yang pelbagai di RPS Dala (Malik Rama, 2023). Kepulangan masyarakat Orang Asli Lanoh ke penempatan asal mereka di Sungai Karah ini mengesahkan bahawa kelompok masyarakat Orang Asli Lanoh tidak dapat dibendung oleh institusi negara. Masyarakat Orang Asli Lanoh yang berjiwa bebas, mempertahankan dan mengutamakan budaya serta identiti mereka, walaupun terpaksa membuat keputusan yang bertentangan dengan institusi negara.

Hubungan institusi negara dengan masyarakat orang asli Lanoh seterusnya adalah pada tahun 1982. Pada tahun tersebut masyarakat Orang Asli Lanoh di Sungai Karah telah menganut agama Islam secara beramai-ramai (Malik Rama, 2023). Ahli masyarakat Orang Asli ini mengikut jejak Tok Penghulu mereka, Alay Eleng, yang juga merupakan datuk sebelah ibu Tok Penghulu Malik Rama. Penerimaan agama Islam dalam kalangan masyarakat Lanoh ini adalah titik perhubungan yang berpanjangan dan tidak berkesudahan antara masyarakat ini dengan negara dalam kontek keagamaan.

Penerimaan agama Islam oleh masyarakat Orang Asli Lanoh ini juga turut mengubah struktur sosial masyarakat ini selepas itu. Jawatan Tok Penghulu telah diwujudkan dalam kalangan masyarakat ini bagi tujuan memudahkan segala aspek yang berkait dengan agama Islam kaum ini. Tok Penghulu adalah satu jawatan yang baharu yang diwujudkan dalam struktur sosial masyarakat (Malik Rama, 2023). Sebelum jawatan Tok Penghulu diwujudkan, hanya terdapat seorang pemimpin sahaja dalam struktur sosial masyarakat Orang Asli Lanoh, iaitu Tok Batin. Tok Batin adalah satu jawatan ketua masyarakat yang dipilih melalui Adat Orang Asli dan mendapat pengesahan daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Tanggungjawab dan peranan Tok Batin terhadap ahli masyarakatnya adalah sangat luas dan menyeluruh. Tanggungjawab Tok Batin merangkumi segala aspek kehidupan masyarakat ini seperti memelihara keselamatan ahli masyarakat dan menjaga tanah pusaka, flora dan fauna, serta sungai atau sumber air, dan termasuk juga hal ehwal ritual agama asal mereka. Pendek kata segala urusan di luar skop agama Islam adalah tanggungjawab Tok Batin (Malik Rama, 2023; Marzuki Mohd Taha, 2023). Ruang lingkup tanggungjawab Tok Batin adalah luas

berbanding Tok Penghulu. Pembahagian tanggungjawab antara Tok Batin dan Tok Penghulu sangat jelas dari mula jawatan ini diwujudkan sehingga sekarang.

Jawatan Tok Penghulu adalah lantikan daripada Jabatan Agama Islam Malaysia dengan eluan bulanan RM1000 dan kekal sehingga individu ini meninggal dunia (Malik Rama 2023; Marzuki Mohd Taha, 2023). Kewujudan jawatan ini secara tidak langsung telah menyebabkan hubungan antara masyarakat Orang Asli Lanoh dan “negara” semakin kerap dalam konteks hal ehwal agama Islam (Marzuki Mohd Taha, 2023). Hubungan ini terjalin disebabkan penerimaan Islam oleh masyarakat Orang Asli Lanoh dan keperluan Jabatan Agama Islam mendidik masyarakat ini tentang budaya beragama Islam. Sehubungan dengan ini juga satu jawatan pegawai Islam bagi menjaga hal ehwal agama Islam Orang Asli telah diwujudkan di Jabatan Agama Islam (Marzuki Mohd Taha, 2023). Pegawai ini bertanggungjawab terhadap segala urusan Orang Asli Lanoh Muslim dan menjadi perantara bagi negara (Jabatan Agama Islam) dan bangsa (masyarakat Orang Asli Lanoh). Dalam konteks masyarakat Orang Asli Lanoh, di Kampung Bukit Sapi, mereka berurusan dengan Ustad Marzuki Mohamad Taha bagi memenuhi keperluan berkaitan agama mereka.

Kriteria dan Proses Pemilihan Tok Penghulu

Kajian ini mengesahkan bahawa terdapat beberapa kriteria asas yang khusus sebelum seorang ahli masyarakat Orang Asli tercalon sebagai Tok Penghulu. Kriteria yang pertama adalah, individu yang dipilih sebagai calon Tok Penghulu adalah dari dalam kalangan masyarakat Muslim Orang Asli Lanoh di kampung berkenaan. Kriteria ini penting kerana Tok Penghulu dan masyarakat yang dipimpinnya saling mengenali antara satu sama lain. Perkara ini akan memudahkan segala urusan dan komunikasi antara Tok Penghulu dan anak buahnya.

Calon Tok Penghulu juga harus dari keturunan Tok Penghulu sebelumnya. Ini adalah kriteria kedua dan mirip dengan kriteria pemilihan Tok Batin dalam kalangan Orang Asli Lanoh. Kriteria pemilihan ketua agama Islam ini turut disesuaikan dengan adat Orang Asli Lanoh dalam pemilihan Tok Batin. Kriteria ini juga diterima baik oleh Jabatan Agama Islam kerana tidak bercanggah dengan mana-mana syariat agama Islam.

Kriteria ketiga adalah ciri asas dan wajib bagi penganut agama Islam. Calon Tok Penghulu wajib mengamalkan segala perintah dalam agama Islam seperti solat, puasa, dan boleh mengimamkan solat. Calon ini juga tidak terlibat dengan larangan atau perkara haram yang ditegah oleh ajaran Islam. Antaranya adalah makan daging khinzir, minum arak dan sebagainya. Kriteria ini ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam dan diterima baik oleh masyarakat Orang Asli Lanoh.

Calon yang mematuhi kesemua kriteria Tok Penghulu akan menjalani satu tempoh percubaan. Hal ini adalah proses khusus dalam pemilihan individu untuk memastikan calon yang dikenal pasti layak melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Tok Penghulu. Kaedah ini dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam dengan penyertaan Orang Asli Lanoh Muslim. Melalui kaedah ini juga, individu yang dicalonkan dinilai oleh kedua-dua pihak, iaitu Jabatan Agama Islam dan masyarakat Orang Asli Lanoh.

Tempoh percubaan calon Tok Penghulu bertujuan menilai kemampuan calon sebagai pemimpin agama bagi masyarakat Muslim Orang Asli Lanoh. Jangka masa tempoh percubaan ini adalah sekitar tiga hingga enam bulan. Sepanjang tempoh percubaan ini kemampuan calon melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin agama, memperoleh kepercayaan dalam kalangan masyarakatnya untuk menguruskan hal keagamaan Islam dan kerjasama calon

dengan pihak Jabatan Agama Islam akan diteliti dan dinilai. Hanya selepas calon membuktikan kemampuan yang baik semasa tempoh percubaan ini, maka surat lantikan sebagai Tok Penghulu akan dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam.

Tok Penghulu yang telah dilantik harus mengikuti kursus kepimpinan agama yang disyorkan oleh Jabatan Agama Islam. Kursus ini bertujuan memberi kefahaman terhadap peranan Tok Penghulu sebagai ketua agama bagi urusan ibadah dan pengurusan hal ehwal kemasyarakatan bagi masyarakat Orang Asli Lanoh Muslim.

Peranan Tok Penghulu

Peranan dan tanggungjawab Tok Penghulu Kampung Bukit Sapi, Lenggong dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah sebagai ketua agama Islam dalam memastikan urusan fardu ain masyarakatnya sempurna. Bahagian kedua pula bertindak sebagai wakil dalam memenuhi tuntutan fardu kifayah bagi masyarakat yang dipimpinnya. Dalam melaksanakan kedua-dua tanggungjawab ini Tok Penghulu harus bekerja rapat dan memberikan kerjasama yang baik kepada pihak Jabatan Agama Islam bagi menyempurnakan tanggungjawabnya dengan cemerlang.

Tanggungjawab Tok Penghulu digariskan dengan jelas bagi melaksanakan urusan fardu ain dan fardu kifayah oleh Jabatan Agama Islam. Untuk mencapai tujuan ini Tok Penghulu akan menghadiri program-program untuk memperoleh ilmu agama dari masa ke masa dalam bentuk kursus, ceramah dan bengkel (Malik Rama, 2023; Marzuki Mohd Taha, 2023). Peluang-peluang ini disediakan dan diaturkan oleh Jabatan Agama Islam. Melalui program agama seperti ini, Tok Penghulu akan menjadi wakil masyarakat Orang Asli Lanoh bagi memiliki ilmu fardu kifayah. Ilmu-ilmu seperti menyantuni orang kurang sihat dan yang kelaparan, uruskan jenazah, membantu orang dalam kesulitan, dan menjaga keamanan kelompok masyarakatnya akan dipelajari oleh Tok Penghulu (Marzuki Mohd Taha, 2023). Kefahaman terhadap ilmu ini sangat penting bagi Tok Penghulu kerana beliau akan menjadi ketua dan wakil masyarakat Orang Asli Lanoh bagi melaksanakannya. Malah, sebahagian besar tanggungjawab Tok Penghulu meliputi aspek-aspek fardu kifayah misalnya membantu pasangan mendirikan rumah tangga, mendatangkan pihak jabatan kesihatan untuk menjaga kesejahteraan ahli-ahlinya, menguruskan kematian, mendaftarkan kelahiran, dan menghulurkan bantuan kewangan kepada yang memerlukan. Gambar 1 berikut memaparkan majlis pernikahan ahli masyarakat Orang Asli Lanoh. Tok Penghulu Malik berbaju hitam dan duduk bersandar di belakang pengantin perempuan.



Gambar 1: Majlis Pernikahan Pasangan Orang Asli Lanoh

(Sumber: Nur Afifah, 2023)

Tok Penghulu adalah perantara dan individu yang penting bagi menghubungkan Jabatan Agama Islam dan masyarakat Orang Asli Lanoh Muslim. Pihak Jabatan Agama Islam akan sukar melaksanakan tugas dan mencapai objektif agensi mereka tanpa kerjasama daripada Tok Penghulu. Sebagai wakil masyarakat Orang Asli Lanoh Muslim, Tok Penghulu juga dapat menasihati dan memberi pandangan kepada kedua-dua pihak-Jabatan Agama Islam dan masyarakatnya- dalam melaksanakan sesuatu perkara. Masyarakat Orang Asli Lanoh walaupun sudah lebih 40 tahun menganut agama Islam, masih kuat berpegang dan mengamalkan sesetengah adat nenek moyang mereka (Marzuki Mohd Taha, 2023). Sehubungan itu kerjasama antara Tok Penghulu dengan Jabatan Agama Islam sangat penting bagi memastikan akidah dan kehidupan masyarakat ini memenuhi syariat Islam. Disebabkan keperluan ini jugalah, maka kriteria pemilihan Tok Penghulu adalah daripada keturunan yang mempunyai kedudukan hierarki sosial yang tinggi. Ahli masyarakat Orang Asli Lanoh akan patuh kepada ketua mereka dan menurut segala arahan Tok Penghulu.

Tok Penghulu turut bertanggungjawab memastikan penyampaian dan kefahaman ilmu fardu ain dalam kalangan ahli masyarakatnya. Untuk mencapai keperluan ini Tok Penghulu harus memastikan ahli masyarakatnya mengikuti kuliah-kuliah agama yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Agama Islam. Lazimnya kuliah-kuliah keagamaan dilaksanakan tiga kali dalam seminggu. Kuliah-kuliah ini akan dilaksanakan oleh Ustad Marzuki, pegawai agama Islam Hal Ehwal Orang Asli sendiri atau penceramah-penceramah jemputan. Ilmu agama yang disampaikan melalui kuliah-kuliah ini merangkumi membaca al-Quran, tauhid, fiqah dan akidah (Marzuki Mohd Taha, 2023). Peranan Tok Penghulu dalam konteks ini adalah memastikan persediaan ruang dan kehadiran penuh ahli masyarakatnya bagi memperoleh ilmu yang disampaikan oleh pihak Jabatan Agama Islam. Sekiranya terdapat ahli yang uzur dalam mengikuti program ilmu seperti ini, Tok Penghulu akan melawat dan bertanya khabar ahli tersebut. Situasi ini merupakan salah satu kaedah untuk memperoleh komitmen padu ahli masyarakat Orang Asli Lanoh dalam mengikuti ilmu-ilmu agama.

Kesimpulan

Makalah ini mengesahkan peranan Tok Penghulu sebagai “orang kuat” masyarakat Orang Asli Lanoh di Kampung Bukit Sapi, Lenggong Perak. Individu ini bertanggungjawab kepada Jabatan Agama Islam dan masyarakatnya dalam segala urusan keagamaan dalam konteks fardu ain dan fardu kifayah. Artikel ini juga membuktikan bahawa terdapat satu proses dalam menentukan Tok Penghulu yang dipersetujui Bersama oleh Jabatan Agama Islam dan masyarakat Orang Asli Lanoh. Selain itu juga, didapati pemilihan Tok Penghulu dalam kalangan masyarakat asli Lanoh sangat bergantung kepada keturunan, kewibawaan dan kedudukan kewangan individu berkenaan dalam konteks dinamik sosial masyarakatnya. Tambahan lagi, calon Tok Penghulu juga harus membuktikan kepimpinan, kemampuan bekerjasama dan menjadi pengantara bagi Jabatan Agama Islam dalam segala urusan agama Islam masyarakat asli Lanoh. Secara ringkas individu ini harus memiliki kelebihan dari segi kepimpinan, keagamaan, kewangan dan berkomunikasi sebagai syarat penting untuk dilantik menjadi Tok Penghulu bagi masyarakat orang asli Lanoh. Konsep “orang kuat” Migdal (1994) telah membantu memaparkan hubungan negara dengan masyarakat Orang Asli Lanoh melalui Tok Penghulunya yang bertanggungjawab terhadap segala urusan keagamaan dan kehidupan masyarakatnya.

Penghargaan

Data bagi artikel ini telah diperoleh melalui kerja lapangan bagi Geran FRGS/1/2022/SS109/UKM/02/23, bertajuk Model Pembalikan Peralihan Bahasa Terancam Pupus Dalam Penekalan Identiti Orang Asli Lanoh di Perak.

Biodata Penulis

Nur Afifah Vanitha binti Abdullah merupakan Pensyarah Kanan Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saadiah Ma' Alip merupakan Pensyarah Kanan Program Pengajian Bahasa Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rujukan

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). (2023). Suku kaum Orang Asli. <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/>

Jamilah Moh Zain, & Engku Ahmad Zaki. (2017). Aktiviti dakwah JAKIM terhadap masyarakat Orang Asli: Perlaksanaan dan cabarannya. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 1, 45-61.

Krishnasamy, H. N. (2019). Effective leadership style for indigenous schools in the Malaysian context. In. Ismail Hussein Amzat (Eds.), *Predictive models for school leadership and practices* (pp.143-167). IGI Global Resources.

Lambach, D. (2004, October 27-30). *State in society: Joel Migdal and the limits of the states authority*. [Paper presentation]. Danish Political Theory Network Conference, University of Copenhagen, Department of Political Science Copenhagen, Denmark.

Malik Rama. (2023). Penghulu Kampung Sungai Piah. Temu Bual 26 Julai 2023.

Marzuki Mohd Taha. (2023). Pegawai Hal Ehwal Agama Orang Asli, Lenggong Perak. Temu Bual 26 Julai 2023.

Migdal, J. S. (2004). *Boundaries and belonging: States and societies in the struggle to shape identities and local practices*. Cambridge University Press.

Migdal, J. S. (1994) The state in society: An approach to struggles for domination. In Joel Migdal (eds.) State power and social forces. Domination and transformation in the Third World, (pp. 7-34). Cambridge University Press.

Migdal, J. S. (1988). Strong societies and weak states: State-society relations and state capabilities in the Third World. Princeton University Press.

Mohamad Hafis Amat Simin, Ramle Abdullah, & Asmawi Ibrahim. (2015). Influence of local leadership in poverty eradication among the Orang Asli communities in the state of Terengganu, Malaysia. *Asian Social Science Journal*, 11(21), 342-349.

Muhamad Sayuti Hassan & Rohaida Nordin. (2020). Political participation of Aboriginal People (Orang Asli) in Peninsular Malaysia: Examining the compatibility of the Aboriginal People Act 1954 with Undrip Standards. *International Journal on Minority and Group Rights*, 1-21. 10.1163/15718115-BJA10010

Nandini Balakrisnan. (2023). *The 101 on Malaysia's Orang Asli & native community. They're more diverse than we think*. <https://says.com/my/lifestyle/indigenous-groups-in-malaysia>.

Ronzi Mohd Yusoff, Sharina Abdul Halim & Pereira, J. J. (2019). Impak Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) ke atas komuniti Orang Asli Jahai di RPS Air Banun, Perak. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 3(1), 175-182.

Ros Aiza Mohd Mokhtar, Abd Hakim Mohad, Mohd Azhar Ibrahim Residi, Khadijah Muda & Siti Nor Azhani Mohd Tohar. (2021). Religious syncretism among the Semelai Orang Asli Muslims in Sungai Lui Village, Malaysia. *Journal of Fieldwork in Religion*, 16(2), 172-192.

Ruhana Padzil & Vilashini Somiah. (2023). "Leaderless" resistance? An anatomy of female leadership in Orang Asli grassroots movements. *Wacana, Journal of the Humanities of Indonesia*, 24(2), 328-354.

Saraswathy Kullan, Mahaliza Mansor, & Rosnah Ishak. (2021). View of teacher leadership in Indigenous primary schools, Negeri Sembilan. *Management Research Journal*, 10 (Special Issue), 40-51.

Zawawi Ibrahim. (1998). Orang Asli identity in the nation-state. *Journal of Malaysian and Comparative Law*, 25, 175-188.

PERSEMBAHAN SENI SUARA MENERUSI DENDANGAN SYAIR

(THE ART OF VOCAL PERFORMANCE THROUGH SYAIR RENDITION)

Shafa'atussara Silahudin^{1,2*}

syafasara@um.edu.my

¹Jabatan Kesenian Melayu,
Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya.

²Leiden Institute for Area Studies
Leiden University,
2311 BZ, Leiden, Netherlands.

ABSTRAK

Syair terdiri daripada rangkap-rangkap puisi berirama yang apabila didendangkan, dikenali sebagai dendangan syair. Di Malaysia, terdapat sepuluh variasi irama syair. Syair didendangkan sebagai penyeri majlis-majlis formal yang melibatkan institusi beraja seperti Majlis Titah Diraja dan Majlis Perasmian Manuskrip Melayu. Dendangan syair turut dipersembahkan dalam program-program separa formal dan tidak formal. Malah sejak tahun 2009, pertandingan dendang syair yang pertama telah dianjurkan dan kini dijadikan sebagai acara tahunan. Penerimaan yang baik dalam masyarakat menimbulkan persoalan kajian ini iaitu apakah aspek-aspek yang ditekankan dalam persembahan dendangan syair? Terdapat tiga kaedah bagi tujuan pengumpulan data, iaitu pemerhatian peserta, temu bual dan penelitian dokumen. Data yang diperoleh dianalisis secara kualitatif deskriptif. Hasil kajian mendapati terdapat empat aspek yang dititikberatkan dalam persembahan dendangan syair iaitu penguasaan irama syair, kualiti suara, teks syair dan gaya persembahan. Penguasaan irama dikaitkan dengan daya kreativiti untuk mencantikkan irama. Dengan merujuk irama “Sarawak”, irama tersebut kedengaran seperti irama “Selendang Delima” atau “Batu Belah” sekiranya pendendang tidak menguasai irama. Kualiti suara pendendang dipengaruhi oleh artikulasi dan penguasaan rentak. Teknik vokal dalam dendangan syair menyamai teknik vokal nyanyian tradisional yang menitikberatkan lenggok suara. Penghasilan lenggok suara pula dipengaruhi oleh teks syair yang dipilih. Gaya persembahan dendangan syair merangkumi kesantunan dan penampilan. Hasil kajian ini diharap dapat memperkaya disiplin ilmu seni suara menerusi dendangan syair. Di samping itu, masyarakat dapat mempelajari aspek-aspek yang dititikberatkan dalam persembahan dendangan syair.

Kata kunci: artikulasi; dendangan; irama “Sarawak”; kualiti suara; syair

ABSTRACT

Syair is a rhythmic poetry which, when sung, is known as syair rendition (dendangan syair). In Malaysia, there are ten variations of syair rhythms. Syair is performed in formal events involving royal institutions for instance, royal ceremony and inauguration of Malay manuscripts. Syair rendition is also presented in formal and informal programs. Since 2019, the first competition of syair rendition had been held and is now become an annual event. The positive acceptance in the community raises the main question in this study that what aspects are emphasized in syair rendition? There are three methods used for the purpose of data collection namely participant observation, interview and document reviews. The data obtained were analysed descriptively. The results of the study found that there are four aspects that are emphasized in the performance of syair rendition namely mastery of the rhythm of the syair, quality of voice, syair text and performance style. The mastery of rhythm is associated with the creative power to beautify the rhythm. With reference to the rhythm "Sarawak", the rhythm will sound like "Selendang Delima" or "Batu Belah as if the reciter does not master the rhythm. The quality of reciter's voice is influenced by articulation and mastery of tempo. The vocal technique in syair rendition resembles of the vocal technique of traditional singing that emphasizes the style of the voice. The production of voice style is also influenced by the chosen syair text. The performance style of syair rendition includes politeness and appearance. The results of this study are expected to enrich the discipline of sound art through syair rendition. In addition, the public can learn the aspects that are emphasized in the performance of syair rendition.

Keywords: articulation; rendition; rhythm of "Sarawak"; voice quality; syair

Pengenalan

Persembahan seni suara melibatkan dua kategori iaitu seni suara tanpa muzik dan seni suara dengan irungan muzik. Seni suara tanpa muzik yang masih diamalkan pada hari ini ialah berendoi (Silahudin, 2023), nazam (Silahudin, 2021a), marhaban berzanji (Mashur, 2017; Fatimah & Lutfiah, 2022; Silahudin, 2023) dan qasidah (Stetkevych, 2017; Nasser, 2022). Seni suara dengan irungan muzik pula terdiri daripada dikir rebana atau dikir Pahang (Yudarta & Haryanto, 2021; Silahudin, 2023), dikir barat (Brennan, 2001; Tan, Ngah & Md Darit, 2018; Ahmad & Bakar, 2021) dan nyanyian selawat (Syafniati, Firdaus & Amran, 2019; Meigalia, Putra & Sofi, 2021; Putra et al., 2023). Terdapat juga persembahan seni suara dalam muzik sinkretik seperti ghazal (Silahudin, 2023), kercong (Hery Supiarza, Deni Setiawan, & Cece Sobarna, 2019; Zandra & Rustopo, 2020; Supiarza & Sarbeni, 2021), lagu Melayu asli (Matusky & Beng, 2017; Silahudin, 2023), dondang sayang (Thomas, 2018) dan ronggeng (Martarosa, Yakin & Fernando, 2019; Suherti & Sudarsono. 2019). Penerimaan yang baik oleh masyarakat terhadap muzik sinkretik telah mempengaruhi perkembangan dendangan syair.

Perkataan syair diambil dari bahasa Arab, iaitu *syi'r* yang bermaksud puisi secara umum. Dalam kajian yang dilakukan oleh Silahudin (2023) dengan merujuk beberapa manuskrip Melayu klasik, beliau menjelaskan bahawa syair merupakan satu bentuk nyanyian atau dendangan. Perkataan syair ditemui dalam manuskrip Melayu klasik seawal abad ke-14 menerusi "Hikayat Bayan Budiman" pada tahun 1371 dan "Hikayat Amir Hamzah" pada tahun 1380 (Silahudin, 2021b).

Dalam “Hikayat Inderaputra” dari abad ke-17, tercatat penggunaan beberapa alat muzik seperti rebab, kecapi, muri, bangsi, serunai dan dandi bagi mengiringi nyanyian syair. Terdapat juga pernyataan dalam “Hikayat Hang Tuah” dari abad ke-18 yang menjelaskan bahawa nyanyian syair memberi kesukaan kepada pendengar. Meskipun syair disebutkan dalam manuskrip-manuskrip klasik Melayu sebagai satu bentuk nyanyian atau dendangan, adalah sukar untuk mengenal pasti bagaimana syair didendangkan pada abad ke-17 atau ke-18 disebabkan tiada sistem rakaman sebagai rujukan. Sistem rakaman dan media seperti radio pada awal abad ke-20 telah mempengaruhi perkembangan dendangan syair. Pendedahan awal masyarakat mengenai dendangan syair di radio adalah menerusi segmen radio yang dikenali sebagai Bangsawan di Udara. Dendangan syair di radio ketika itu dilihat sebagai medium penceritaan dan dipersembahkan dengan irungan muzik.

Irama syair yang popular ketika itu dapat dikenal pasti, iaitu irama “Selendang Delima”. Tidak dapat dipastikan siapa pencipta irama “Selendang Delima” (Muhammad Takari & Fadlin, 2007). Idawati (2016) menyebutkan bahawa irama “Selendang Delima” dan irama-irama syair yang lain merupakan unsur muzikal dalam sastera Melayu. Irama-irama syair berkembang menerusi ilmu seni suara dan disampaikan mengikut acuan seni persesembahan yang bersesuaian.

Dendangan syair kini telah berkembang dan mendapat perhatian daripada pelbagai pihak. Hal ini dapat dilihat apabila persembahan dendangan syair mengisi acara-acara formal yang melibatkan institusi beraja seperti Majlis Titah Diraja dan Majlis Perasmian Manuskrip Melayu. Selain itu, persembahan dendangan syair turut menghiasi acara separa formal dan tidak formal. Malah sejak tahun 2009, pertandingan dendangan syair dianjurkan dan dijadikan sebagai acara tahunan (Silahudin, 2021b). Kesan daripada penganjuran pertandingan-pertandingan dendangan syair, muncul pendendang-pendendang muda yang berbakat besar mewarnai dunia dendangan syair.

Usaha mereka dalam memartabatkan dendangan syair mendapat pengiktirafan dan kedudukan istimewa dalam masyarakat. Sebagai contoh pada tahun 2018, Roslan Madun dari Pahang (Gambar 1), telah dianugerahkan gelaran Maestro Syair yang disampaikan oleh Bapak Drs. Toto Sucipto, Kepala Balai Pelestarian Nilai Budaya Kepulauan Riau, Indonesia. Pengiktirafan Roslan Madun adalah untuk menghargai jasanya menyebarluaskan dendangan syair di Nusantara sejak lebih tiga puluh tahun.



Gambar 1: Roslan Madun Menerima Anugerah Maestro Syair Tahun 2018

Pada tahun 2019, Idawati dari Pekanbaru terpilih sebagai penerima Anugerah Bitara Syair. Pengiktirafan tersebut bagi menghargai jasa Idawati dalam pengkajian seni suara dendangan syair. Shafa'atussara Silahudin dari Johor merupakan penerima Anugerah Bitara Syair 2021 dan Anugerah Biduan Syair Asean 2022. Beliau berpengalaman mengadakan persembahan dendangan syair di negara-negara Asean dan Eropah, Shafa'atussara memperkenalkan dendangan syair dalam bentuk kreatif. Beliau bekerjasama dengan Jabatan Warisan Negara dan Universiti Sains Islam Malaysia bagi merakam video-video dendangan syair sebagai rujukan masyarakat yang ingin mempelajari dendangan syair.


Pengiktirafan yang disebutkan di atas menjelaskan bahawa masyarakat dan agensi kerajaan mengapresiasi usaha dan peranan pendendang-pendendang syair. Dalam konteks kajian ini, apresiasi masyarakat dapat dikaitkan dengan aspek-aspek tertentu dalam persembahan dendangan syair. Justeru, pengkaji mengangkat persoalan utama kajian iaitu apakah aspek-aspek yang dititikberatkan oleh pendendang-pendendang dalam persembahan dendangan syair?

Metodologi Kajian

Kajian mengenai aspek-aspek yang dititikberatkan dalam dendangan syair dilakukan menggunakan kaedah kualitatif berasaskan disiplin antropologi budaya. Kajian ini mengambil pendekatan “Muzik dalam Masyarakat dan Budaya” daripada Matusky & Tan (2017) yang mengklasifikasi empat jenis muzik, iaitu muzik klasik, muzik rakyat, muzik sinkretik, dan muzik popular dan kontemporari.

Muzik klasik dan muzik rakyat telah wujud sebelum kedatangan kolonial. Muzik klasik berkembang di bawah naungan raja. Penggiat muzik klasik mengikuti latihan dalam jangka masa panjang. Muzik rakyat ditemui di kampung-kampung tradisi. Latihan dan permainan muzik rakyat adalah tidak sistematis, iaitu melibatkan kaedah hafalan lantaran tidak diketahui sejarah dan teori muziknya. Muzik sinkretik atau muzik akulturasi merupakan muzik pasca-Portugis abad ke-16. Muzik sinkretik berkembang pesat di bandar dan luar bandar. Muzik popular dan kontemporari pula berasaskan barat yang menggabungkan beberapa elemen tempatan (Matusky & Tan, 2017).

Dalam konteks kajian ini, muzik sinkretik telah mempengaruhi perkembangan persembahan dendangan syair. Rajah 1 menunjukkan hubung kait muzik sinkretik dan dendangan syair.



Rajah 1: Kedudukan Dendangan Syair Dalam Muzik Sinkretik

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian melibatkan satu rangka kerja yang ditentukan oleh pengkaji bagi mendapatkan penjelasan dan jawapan kepada persoalan kajian (Lebar, 2022). Reka bentuk kajian etnografi dipilih kerana bersesuaian dengan kajian yang bersifat deskriptif ini. Dalam konteks ini, kajian etnografi bertujuan untuk memahami dan meneroka aspek-aspek yang dititikberatkan dalam persembahan dendangan syair.

Pengkaji menginterpretasikan data daripada perspektif subjek kajian. Maklumat kajian diperoleh melalui proses pemerhatian peserta (*participant observation*). Proses tersebut adalah bersifat fleksibel dan boleh berubah mengikut konteks dan realiti yang ditemui pengkaji. Pemerhatian peserta melibatkan proses pemerhatian, temu bual secara formal dan tidak formal, analisis dokumen yang melibatkan sumber sekunder, rakaman audio dan visual, dan catatan.

Proses pemerhatian dan temu bual merupakan dua proses penting yang dilakukan secara serentak dalam kajian ini. Pemerhatian dilakukan dengan mengikuti bengkel-bengkel dendangan syair yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia sejak 2012 hingga kini. Tokoh-tokoh syair yang terlibat ialah Roslan Madun, Dato' Aripin Said, Mohd Fauzi Abdullah, Amir Atan, Datuk Zurinah Hassan dan Zarina Saamah. Mereka berkongsi ilmu dan kepakaran mengenai aspek-aspek dalam persembahan dendangan syair. Sewaktu pemerhatian dilakukan, pengkaji merekod dan membuat catatan mengenai tingkah laku dan situasi yang berlaku.

Hubungan baik antara pengkaji dengan tokoh-tokoh telah memudahkan pengkaji mendapatkan data kajian. Tidak terbatas dalam bengkel-bengkel dendangan syair, data kajian juga diperoleh menerusi penglibatan pengkaji dalam persembahan konsert dendangan syair. Selain pendendang Malaysia, pendendang dari Indonesia, Brunei Darussalam, Singapura dan Thailand juga terlibat dalam persembahan konsert dendangan syair.

Sehingga kajian ini dilakukan, pengkaji telah menjayakan lebih dua ratus persembahan dendangan syair di dalam dan luar negara. Pendedahan yang diperoleh menerusi persembahan dendangan syair bersama pendendang-pendendang Nusantara dapat memberi kefahaman kepada pengkaji mengenai aplikasi dan teknik suara dendangan syair. Bagi mengesahkan kefahaman ilmu dendangan syair, pengkaji turut diberi peluang bertindak sebagai juri pertandingan dendangan syair peringkat negeri dan kebangsaan bersama Roslan Madun dan beberapa tokoh syair lain.


Beberapa sumber sekunder yang merangkumi kajian-kajian lepas mengenai seni suara dendangan syair juga dirujuk. Teks-teks syair dan penetapan irama-irama syair yang diguna pakai dalam pertandingan-pertandingan dendangan syair turut diambil kira. Data kajian juga merangkumi rakaman audio dan visual persembahan atau demonstrasi dendangan syair oleh pendendang-pendendang syair. Sebuah transkripsi dendangan syair dihasilkan bagi menyokong hujahan dalam kajian ini.

Prosedur Analisis Data

Pendekatan analisis data dalam kajian kualitatif ini adalah untuk memahami dengan jelas konteks yang dikaji dan menjelaskan apa yang diperoleh. Pengkaji membentuk pernyataan tentang fakta-fakta tertentu yang diperoleh hasil daripada analisis data. Penyelidik mengumpul, menganalisis dan mengatur data kepada kategori atau tema tertentu. Pengkaji menginterpretasikan maklumat tersebut dengan menggunakan tema-tema tertentu.

Secara umumnya, terdapat lima langkah yang dilakukan dalam prosedur analisis data dalam kajian ini. Langkah 1 dikaitkan dengan proses mendapatkan gambaran keseluruhan. Langkah 2 menyenaraikan semua perkara dan kelompokkan mengikut topik. Dalam langkah 3, data ditukar menjadi segmen yang bersesuaian. Langkah 4 pula melibatkan proses mengenal pasti topik yang mempunyai deskripsi yang jelas. Langkah 5 merangkumi proses pengumpulan data dalam kategori tertentu diikuti proses analisis.

Secara ringkas, integrasi antara reka bentuk kajian dengan analisis kajian digambarkan seperti dalam Rajah 2, iaitu:



Rajah 2: Integrasi Reka Bentuk Kajian Dengan Analisis Data

Dapatan dan Perbincangan

Daripada hasil kajian ini, pengkaji mendapati empat aspek yang dititikberatkan dalam dendangan syair. Penekanan keempat-empat aspek dalam dendangan syair merupakan penunjuk penting yang membolehkan masyarakat menerima dan mengapresiasinya dengan baik.

Penguasaan Irama Syair

Terdapat sepuluh irama syair yang diterima pakai dalam persembahan-persembahan atau pertandingan-pertandingan dendangan syair, iaitu “Selendang Delima”, “Sarawak”, “Batu Belah”, “Perindu”, “Mayang”, “Tok Kenali”, “Perantau”, “Dodoi”, “Dandan Setia” dan “Hiasan”. Aspek pertama yang dititikberatkan dalam dendangan syair ialah penguasaan irama. Dalam dendangan syair, pendendang perlu menguasai irama syair yang dipilih. Dalam konteks ini, penguasaan irama yang dimaksudkan ialah mengenal irama. Pendendang syair yang berjaya menguasai irama telah mengaplikasikan daya kreativiti untuk mencantikkan irama syair yang dipersembahkan.

Dengan merujuk irama “Sarawak”, sekiranya pendendang yang tidak menguasai irama tersebut dengan baik, maka kekeliruan irama akan berlaku. Kelemahan dalam menguasai irama “Sarawak” menjadikan irama tersebut kedengaran seperti irama “Selendang Delima” atau irama “Batu Belah”. Hal demikian boleh berlaku memandangkan irama-irama syair mirip atau menyamai antara satu sama lain. Perkara ini merupakan ciri khas dendangan syair yang disebarluaskan secara lisan dari mulut ke mulut dalam masyarakat sejak sekian lama sebelum wujudnya sistem rakaman.

Kreativiti dalam memperindah irama syair dipengaruhi oleh kepandaian atau kemahiran seseorang pendendang. Pendendang yang sudah berpengalaman dalam bidang seni suara terutama dalam bidang lagu-lagu tradisional berupaya menterjemahkan kreativitinya dalam mencantikkan irama syair. Kreativiti seorang pendendang tidak sama dengan pendendang lain melainkan pendendang tersebut meniru gaya suara gurunya.

Kualiti Suara

Dalam dendangan syair, suara merupakan aspek utama yang mana melibatkan artikulasi, penguasaan rentak atau tempo dan ornamentasi. Pendendang yang memiliki kualiti suara yang baik merupakan satu kelebihan. Bagi memperoleh kualiti suara yang baik memerlukan latihan yang berterusan di samping mempelajari ilmu seni vokal (Silahudin, 2021b).

Situasi menimbang tara dalam dendangan syair berlaku bagi menentukan kualiti suara yang baik hingga memberi kesan kepada pendengar. Contohnya, karakter suara tok juara (jogho) daripada kumpulan dikir barat dan suara penyanyi dangdut kurang sesuai dalam dendangan syair. Hal yang demikian tidak bermaksud tok juara dan penyanyi dangdut tidak berbakat untuk bersyair. Kedua-duanya mempunyai ciri vokal yang khusus untuk genre muzik yang mereka bawakan.

Artikulasi bermaksud sebutan bagi setiap perkataan. Dalam dendangan syair, penekanan adalah pada sebutan perkataan atau lirik syair dalam dialek Johor-Riau. Penyebutan lirik syair dalam dialek Johor-Riau menjadi mudah dalam kalangan masyarakat di Semenanjung Malaysia. Namun hal tersebut tidak bagi masyarakat di Sabah dan Sarawak. Di Indonesia, masyarakat Melayu terdiri daripada mereka yang bersuku Jawa, Bugis, Minang dan sebagainya. Justeru, cara sebutan bagi setiap suku adalah berbeza dan sedikit janggal apabila didengar. Bagi tujuan mendendangkan syair, mereka perlu dibimbing untuk menyebut perkataan dalam dialek Johor-Riau serta penekanan konsep kemelayuan dalam dendangan syair.

SYAIR PERPADUAN

Pendendang : Shafa'atussara Silahudin

1 = 80

Voice 1 C- C- E \flat E \flat

De-ngr lah ini hamba ber-pe-san

Syair Perpadu-

Piano 2 - pp pp

6 B \flat B \flat C- C-

Vo. 1 an ham-ba ka-rang kan

Sayangi-lah tu-

Piano 2 ss ss pp pp

10 C- C- E \flat E \flat

Vo. 1 an pa-da nya wa-tan

Jau-hi seng-ke

Piano 2 pp pp

14 B \flat B \flat C- C-

Vo. 1 ta dan per-ba-la han

Piano 2 ss pp pp

A Rangkap 2

18 C- C- E \flat E \flat

Ne-ga-ra ki ta a- man sen-to-sa

Hi-dup har-mo

Piano 2 pp pp

22 B \flat B \flat C- C-

ni se-ki-an la-ma

Ja-ngan-lah Ki-

Piano 2 ss pp

26 C- E \flat E \flat B \flat B \flat C-

ta bu-at hu-ru ha-ra

Anak cucu a-kan me-ri-ma

Piano 2 pp pp

33 C- ne-ga ra yang te-lah mus

Ba-njak ne-ga ra yang te-lah mus

Piano 2 pp

B Rangkap 3

35 F- nah Bi-la seng-ke-ta ti-a -da pe -nyu

Piano 2

39 C- B \flat B \flat E \flat

dah Kon -sep per-pa du-an ti-dak di-en -dah

Piano 2 pp

43 C- F- G C-

Rak-yat seng-sa ra ber-pe-cah be-lah

Piano 2 pp

Rajah 3: Transkripsi "Syair Perpaduan" Oleh Shafa'atussara Silahudin


Rajah 3 di atas menunjukkan transkripsi dendangan syair berjudul “Syair Perpaduan” yang dirakam dalam sebuah album syair pada tahun 2014. Daripada transkripsi tersebut, dapat difahamkan bahawa dendangan syair disampaikan secara *ad libitum*, iaitu didendangkan mengikut kehendak hati yang mana tidak terikat dengan rentak atau tempo. Justeru, alunan suara dapat dipanjangkan atau dipendekkan mengikut keinginan pendendang. Meskipun demikian, dalam usaha memperkenalkan irama-irama syair kepada generasi muda, dendangan syair berentak dirakam sejak tahun 2005. Ini bertujuan agar generasi muda dapat mempelajari dendangan syair. Persembahan kedua-dua bentuk dendangan syair iaitu secara *ad libitum* dan dendangan berentak boleh diiringi satu atau lebih alat muzik. Lenggok suara atau ornamentasi dititikberatkan dan merupakan ciri khas dalam dendangan syair. Kajian ini mendapati penghasilan lenggok suara yang merdu adalah kesan daripada kecenderungan dan pengalaman pendendang dalam muzik sinkretik seperti lagu Melayu asli. Lenggok atau alunan suara yang berhasil dalam dendangan syair turut dipengaruhi oleh kemampuan pendendang dalam berornamentasi. Hal yang demikian merupakan faktor penentu kepada kewujudan kepelbagaiannya versi dalam syair.

Teknik vokal dalam bersyair menyamai teknik vokal nyanyian tradisional Melayu. Setiap pendendang mempunyai gaya dendangan tersendiri dicirikan oleh lenggok suara. Lenggok vokal Melayu adalah secara alamiah yang diwarisi dan tidak dapat diajarkan kepada individu yang tidak memiliki bakat semula jadi. Ciri lenggok vokal Melayu ini perlu dimiliki oleh pendendang-pendendang syair. Pendendang syair yang baik mengambil tahu jenis vokal yang dimilikinya. Lingkungan vokal lelaki dan wanita tidak sama, masing-masing dikelaskan mengikut jenis seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Jenis-Jenis Suara Lelaki dan Perempuan

| Jantina | Suara rendah | Suara pertengahan | Suara tinggi |
|---------|--------------|----------------------|----------------|
| Lelaki | <i>Bass</i> | <i>Baritone</i> | <i>Tenor</i> |
| Wanita | <i>Alto</i> | <i>Mezzo-soprano</i> | <i>Soprano</i> |

Lelaki bersuara rendah (*bass*) memiliki jangkauan nada suara E2 – E4 (Bickel, 2017). Namun ada sebahagian daripada mereka boleh mencapai nada suara C2. Lelaki bersuara *baritone* memiliki nada suara di sekitar A2 – F4 manakala suara jenis *tenor* di sekitar C3 – A4. Bagi wanita, jangkauan nada suara rendah (*alto*) ialah G – C. Wanita yang memiliki suara jenis *mezzo-soprano* memiliki nada suara dari A3 – A5 manakala jenis suara *soprano* memiliki jangkauan nada suara dari C4 – G5. Rajah 4 di bawah menunjukkan jangkauan suara lelaki dan wanita.



Rajah 4: Jangkauan Suara Lelaki dan Wanita

Dalam dendangan syair, pendendang perlu mengenal pasti irama syair dalam nada yang sesuai mengikut jenis dan lingkungan suaranya. Pemilihan nada yang kurang tepat justeru menyebabkan pendendang menghadapi kesulitan dalam menghasilkan suara sewaktu mendendangkan syair.

Penghasilan suara dalam dendangan syair melibatkan interaksi saluran vokal, abdomen, diafragma, sistem musculoskeletal dan sistem psikoneurologi. Setiap daripada sistem ini berfungsi secara teratur untuk menghasilkan suara dendangan syair. Korda vokal berperanan dalam menghasilkan frekuensi untuk mengeluarkan suara. Frekuensi dipengaruhi oleh ketegangan korda vokal. Rajah 5(a) dan 5(b) menunjukkan struktur korda vokal dalam dua keadaan. Korda vokal dalam Rajah 5(a) berada dalam keadaan berehat atau ketika bernafas, manakala korda vokal dalam Rajah 5(b) ialah sewaktu berucap dan menyanyi.



Rajah 5: Struktur Korda Vokal dalam Dua Keadaan Berbeza

Peningkatan nada suara dipengaruhi oleh kepanjangan korda vokal (Leong et al., 2023). Kepelbagai suara dipengaruhi oleh tiga faktor iaitu kepanjangan korda vokal, bentuk korda vokal dan ketebalan vokal (Silahudin, 2013). Kepanjangan korda vokal berbeza bagi setiap individu. Korda vokal lelaki adalah satu inci lebih panjang berbanding korda vokal wanita. Lebih pendek korda vokal yang dimiliki oleh pendendang maka lebih tinggi nada suara yang dapat dihasilkan.

Nada suara pendendang dipengaruhi oleh ketebalan korda vokal. Korda vokal jenis tebal menghasilkan tahap kekenyalan yang tinggi dan membentuk frekuensi atau getaran gelombang perlahan. Dengan demikian, suara yang terhasil adalah bernada rendah dan mampu bertahan dalam jangka masa yang lama. Korda vokal jenis nipis memiliki tahap kekenyalan yang rendah dan menghasilkan getaran gelombang yang tinggi. Pada tingkat ini, nada suara yang terhasil adalah tinggi dan nyaring. Meskipun begitu, getaran yang tinggi tidak dapat bertahan dalam jangka masa yang lama.

Secara ringkas, pendendang syair yang baik dapat mengenal pasti jenis suara yang dimilikinya. Pemilihan nada irama perlu disesuaikan dengan keupayaan pendendang. Dalam persembahan dendangan syair, aspek kualiti suara menjadi penentu kepada ketertarikan masyarakat untuk mendengar. Pendendang yang dapat mengalunkan suara dengan baik menjadi pilihan utama dalam persembahan dendangan syair yang lebih formal seperti Majlis Titah Diraja dan Perasmian Manuskrip Melayu.

Teks Syair

Dendangan syair melibatkan persembahan seni suara yang mana seni katanya terdiri daripada rangkap-rangkap syair. Syair di Nusantara telah diperkenalkan oleh Hamzah Fansuri, seorang ulama Aceh yang hidup sekitar 1580 hingga 1630. Syair dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu syair naratif dan syair bukan naratif. Antara contoh syair naratif ialah syair romantis, syair panji, syair sejarah, syair kisah kenabian dan tokoh-tokoh Islam, syair cerita kiasan, syair cerita perang dan syair cerita dari kota. Syair bukan naratif pula termasuk syair agama, syair nasihat, syair perkahwinan, syair perlombagaan dan syair kemerdekaan (Mat Piah, 2007).

Sejak tahun 2017, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyenaraikan dua belas judul teks syair yang diguna pakai dalam pertandingan-pertandingan dendangan syair. Jadual 2 di bawah menunjukkan dua belas judul teks syair dan pilihan irama syair. Hal yang demikian menunjukkan bahawa dalam persembahan dendangan syair, pemilihan teks yang bersesuaian dengan irama syair perlu diberi perhatian oleh pendendang.

Jadual 2: Senarai Judul Teks Syair dan Irama Syair Dalam Pertandingan Dendangan Syair

| No. | Judul teks syair | Pilihan Irama syair |
|-----|--------------------------------------|--------------------------------|
| 1. | “Syair Nasihat” | “Batu Belah” / “Tok Kenali” |
| 2. | “Syair Makna Riak” | “Dandan Setia” / “Sarawak” |
| 3. | “Syair Definisi Orang Berakal” | “Perindu” / “Perantau” |
| 4. | “Syair Burung Pungguk” | “Sarawak” / “Selendang Delima” |
| 5. | “Syair Bidasari” | “Tok Kenali” |
| 6. | “Syair Kemangkatan Sultan Sulaiman” | “Mayang” |
| 7. | “Syair Perang Saudara Di Pahang” | “Mayang” |
| 8. | “Syair Berbuat Jasa” | “Dodoi” |
| 9. | “Syair Wasiat Ayahanda Siti Zawiyah” | “Hiasan” |
| 10. | “Syair Perahu” | “Perindu” |
| 11. | “Syair Kelebihan Ilmu” | “Batu Belah” |
| 12. | “Syair Panduan Untuk Para Remaja” | “Dandan Setia” |

Berdasarkan Jadual 2 di atas, dapat diketahui bahawa latar belakang dan tema-tema dalam teks syair adalah pelbagai. Dalam kajian ini, pengkaji ingin membincangkan lebih lanjut mengenai dua teks syair iaitu “Syair Perahu” dan “Syair Kelebihan Ilmu”. “Syair Perahu” merupakan karangan ahli sufi iaitu Hamzah Fansuri (Braginskij, 1975) dari abad ke-17. Berikut disertakan empat rangkap “Syair Perahu”:

Inilah gerangan suatu madah
Mengarangkan syair terlalu indah
Membetuli jalan tempat berpindah
Di sanalah iktikad diperbetuli sudah.

Wahai muda kenali dirimu
Ialah perahu tamsil tubuhmu
Tiada berapa lama hidupmu
Ke akhirat jua kekal diammu.

Hai muda arif budiman
Hasilkan kemudi dengan pedoman
Alat perahumu jua kerjakan
Itulah jalan membetuli insan.

Perteguh juga alat perahumu
Hasilkan bekal air dan kayu
Dayung pengayuh taruh di situ
Supaya laju perahumu itu.

Rangkap 1 memanifestasikan kata-kata indah tentang perjalanan hidup manusia bagi mencapai kebahagian dan kemenangan iaitu menuju ke akhirat. Nilai yang terdapat dalam rangkap 1 ialah nilai tauhid. Rangkap 2 memberi kefahaman bahawa manusia harus mengenali Tuhan seperti yang disebutkan dalam hadis. Dalam rangkap ini, tubuh manusia diibaratkan seperti perahu yang belajar di laut. Hal yang demikian menunjukkan hidup di dunia tidak kekal lama dan akhirat adalah destinasi yang dituju.

Rangkap 3 memanifestasikan golongan muda sebagai arif budiman. Mereka golongan yang bijaksana dan berbudi. Manusia di dunia perlu memiliki pegangan hidup berlandaskan al-Quran dan Hadis. Nilai yang dibawakan dalam rangkap 3 ialah nilai sosial. Rangkap 4 pula menunjukkan kepentingan bekalan yang dibawa jika ingin ke laut. Dalam konteks ini, manusia perlu menyediakan bekalan pahala semasa berada di dunia untuk sampai tempat yang dituju dengan selamat. Nilai yang diangkat dalam rangkap 4 ialah nilai pendidikan.

Menerusi pemerhatian ke atas persembahan dendangan “Syair Perahu”, pendendang-pendendang membawakannya dengan mengesankan dan menyentuh jiwa. “Syair Perahu” dipersembahkan menggunakan pelbagai irama. Dua irama yang sering menjadi pilihan para pendendang bagi mendendangkan “Syair Perahu” ialah irama “Sarawak” dan irama “Rawi”. Irama Rawi berasal dari Kota Dumai di Sumatera, Indonesia. Irama ini pertama kali dipersembahkan di Malaysia pada tahun 2016 dalam Konsert Syair Alam Melayu Nusantara yang berlangsung di Auditorium Dewan Bahasa dan Pustaka.

“Syair Kelebihan Ilmu” pula dikarang oleh Pendeta Za’ba atau Zainal Abidin Ahmad dari abad ke-20 (Adnan Hj. Nawang, 1998). Berikut disertakan empat rangkap “Syair Kelebihan Ilmu”:

Ilmu itu gelama sakti
Sinarnya cerah cahaya sejati
Asal puncanya lamun didapatkan
Sukar bercerai sehingga mati

Harganya tidak dapat ternilaikan
Sebuah dunia belinya bukan
Kuasanya besar sukat digunakan
Di laut di darat di rimba di pekan.

Bagi yang duka ia penghibir
Ia penerang bagi yang kabur
Ialah kandil di dalam kubur
Lamun dengannya beramal subur.

Ia penerang jalan ke syurga,
Ia pemuaas tekak yang dahaga
Ialah sungai ialah telaga
Laut yang luas ialah juga.

Rangkap 1 menjelaskan bahawa ilmu adalah tingkat tertinggi dan penting dalam hidup manusia yang perlu disyukuri (Sholeh, 2018; Karimulloh, Grasiaswaty & Caninsti, 2021). Manusia memerlukan ilmu demi faedah diri dan orang sekelilingnya. Rangkap 2 menerangkan ilmu tidak dapat dinilaikan dengan harta dunia. Ilmu merentasi segala sudut di dunia (Ismail, 2014; Junaidi, 2020; Isfaroh, 2022).

Dalam rangkap 3, ilmu diungkapkan sebagai sumber hiburan diri dan penerang kepada hati manusia yang lalai. Ilmu juga dapat menerangi alam kubur. Manusia berilmu yang apabila meninggal dunia, masih mendapat kebaikan menerusi ilmu yang ditinggalkannya kepada manusia lain yang masih hidup. Ilmu dalam rangkap 4 dijelaskan sebagai alat yang dapat membawa manusia ke syurga (Hussin & Jamaludin, 2021).

Teks “Syair Kelebihan Ilmu” dibawakan dengan pelbagai irama. Namun irama yang menjadi pilihan bagi pendendang-pendendang ialah irama “Batu Belah”. Teks tersebut pernah dirakam semula pada tahun 2018 menggunakan irama “Batu Belah” sebagai sumber rujukan peserta-peserta pertandingan dendangan syair.

Secara ringkas, dapat dikatakan bahawa dalam persembahan dendangan syair, pendendang perlu mengambil kira aspek pemilihan teks syair yang baik. Pendendang syair yang baik dan berpengalaman dapat menterjemahkan makna dan pengisian teks syair yang dipilih. Pembawaan teks syair dan irama syair yang berpadanan dapat meningkatkan apresiasi dalam kalangan masyarakat yang mendengarnya.

Gaya Persembahan

Aspek yang tidak kurang penting yang perlu dititikberatkan dalam persembahan dendangan syair ialah aspek persembahan. Dalam persembahan dendangan syair, pendendang perlu memperlihatkan disiplin seni persembahan yang baik (Landay & Harms, 2019). Hal yang demikian menyangkut dengan kesantunan dan penampilan. Kesantunan melibatkan penghayatan, mimik muka dan bahasa tubuh. Manakala penampilan dikaitkan dengan ketertiban dan busana yang diperagakan.

Persembahan dimulakan dengan ucapan pembuka seperti “Assalamualaikum” atau “Selamat Sejahtera”. Pendendang menundukkan kepala sebagai tanda hormat kepada penonton. Ini disusuli dengan pengenalan atau menyebut judul teks syair yang akan didendangkan berserta nama penulis teks syair. Pendendang perlu mengawal ekspresi muka dan memperlihatkan bahasa tubuh yang sesuai.

Seperti persembahan lagu Melayu asli, busana Melayu tradisional diperagakan dan menjadi pilihan pendendang dalam persembahan dendangan syair. Gambar 2 menunjukkan pendendang-pendendang syair di bawah Akademi Syair yang diketuai oleh Roslan Madun mengenakan busana Melayu tradisional dalam sebuah majlis rasmi berkaitan syair.

Pendendang-pendendang syair wanita berbusana kebaya songket atau berbaju kurung serta bertudung/berselendang. Sebagai melengkapkan penampilan, mereka mengenakan aksesori di kepala. Pendendang-pendendang syair lelaki pula berbusana baju Melayu, berbatik dan bertanjak. Mereka juga memakai aksesori yang bersesuaian dengan penampilan. Pemakaian busana Melayu tradisional melambangkan jati diri dan identiti bangsa (Ramlah Abas et al., 2003; Abbas Alias & Mohd Nawawi, 2003; Muchlison & Suryawan, 2018; Humin et al., 2019; Anele, 2019).



Gambar 2: Pendendang-Pendendang Syair Memperagakan Busana Melayu Tradisional

Kajian ini juga mendapati pemilihan busana tidak terbatas kepada busana Melayu tradisional sahaja. Hal yang demikian menjelaskan bahawa pada asasnya tiada ketetapan mengenai jenis busana dalam persembahan dendangan syair. Pemilihan dan penggayaan busana bergantung pada konsep persembahan yang dibawakan oleh pendendang.



Gambar 3: Pendendang Syair Wanita dan Pemuzik Pengiring Dalam Busana Moden

Gambar 3 menunjukkan seorang pendendang syair wanita bersama pemuzik pengiring. Mereka mengenakan pakaian moden dalam persembahan syair bersempena program Gema Senandung Bahasa anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2020. Meskipun begitu, pemakaian busana moden dalam persembahan dendangan syair bukan pilihan utama. Busana Melayu tradisional masih menjadi pilihan utama dalam kalangan pendendang-pendendang syair.

Persembahan dendangan syair yang baik berupaya menarik minat masyarakat untuk menonton persembahan hingga selesai. Pendendang syair perlu merancang bentuk dan gaya persembahan dendangan syair. Persembahan dendangan syair boleh dilakukan dengan irungan muzik secara langsung, muzik latar (*minus one*) atau tanpa menggunakan sebarang alat muzik. Gambar 4 menunjukkan persembahan dendangan syair dengan irungan alat muzik biola.

Persembahan dendangan syair tersebut telah diadakan dalam segmen “Selamat Pagi Malaysia” di saluran televisyen RTM1 pada tahun 2018.



Gambar 4: Persembahan Dendangan Syair Dengan Iringan Alat Muzik Biola

Secara ringkas, aspek gaya (Andreica, 2022) perlu dititikberatkan dalam persembahan dendangan syair. Pendendang syair perlu memperlihatkan gaya yang bersesuaian mengikut teks syair yang dipilih. Hal yang demikian dapat memberi nilai tambah kepada keseluruhan persembahan dendangan syair.

Kesimpulan

Pengkaji menggariskan objektif utama kajian ini iaitu untuk mengetahui dan mendeskripsikan aspek-aspek yang dititikberatkan dalam persembahan dendangan syair. Sebagai salah satu bentuk seni persembahan yang menitikberatkan elemen suara, dendangan syair mendapat perhatian daripada masyarakat. Elemen utama yang membuatkan masyarakat mengapresiasi persembahan dendangan syair adalah menerusi keupayaan pendendang syair mengalunkan suara. Pendendang syair merupakan objek utama dalam setiap persembahan dendangan syair.

Keupayaan seorang pendendang syair tidak sama dengan pendendang syair yang lain. Hal yang demikian dikaitkan dengan pengalaman seseorang pendendang. Di samping elemen suara (Esling et al., 2019), gaya dan penyampaian oleh pendendang juga mempengaruhi keseluruhan persembahan dendangan syair. Meskipun dendangan syair merupakan persembahan puisi Melayu tradisional (Chambert-Loir, 2021), persembahan dendangan syair tidak terbatas kepada konteks tradisi. Pendendang yang kreatif (Varela, 2016) berupaya menterjemahkan persembahan dendangan syair dalam nuansa baharu dan sesuai dengan konteks semasa.

Terdapat kelebihan yang dikenal pasti hasil dari kajian yang dilakukan. Kajian ini dapat memperkaya disiplin ilmu seni suara yang sedia ada terutama berkait dengan seni suara dalam persembahan dendangan syair. Masyarakat mendapat manfaat daripada hasil kajian ini mengenai aspek-aspek yang dititikberatkan dalam persembahan dendangan syair. Pemahaman terhadap aspek-aspek yang dibincangkan dapat meningkatkan apresiasi mereka terhadap pendendang dan seni persembahan dengan syair.

Biodata

Shafa'atussara Silahudin merupakan Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dalam bidang Sejarah Muzik Alam Melayu, Seni Persembahan Melayu dan Media Popular. Beliau penerima Anugerah Penggiat Seni (Seni Berbahasa) 2023, Anugerah Biduan Biduan Syair ASEAN 2022, Anugerah Bitara Syair 2021 dan Juara Pertandingan Dendangan Syair Antarabangsa 2019.

Rujukan

- Abbas Alias, & Mohd. Nawawi, N. (2003). Pakaian Melayu *sepanjang zaman*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adnan Hj. Nawang. (1998). *Za'ba dan Melayu*. Berita Publishing.
- Ahmad, N., & Bakar, A. Y. A. (2021). Elucidating Japanese community engagement with Malaysian traditional music therapy approach for special needs children. *Journal Of Legal, Ethical And Regulatory Issues*, 24, 1–8.
- Andreica, O. (Ed.). (2022). *Music as cultural heritage and novelty*. Springer Nature Switzerland AG.
- Bickel, J. (2017). *Vocal technique: A physiologic approach* (Second edition). Plural.
- Braginsky, V. (1975). Some Remarks on the Structure of the “Sya’ir Perahu” by Hamzah Fansuri. *Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia and Oceania* 131(4), 407-426.
- Brennan, C. (2001). Religion, cultural identity, and Kelantan's dikir barat. *The Australian Journal of Anthropology*, 12(3), 302–311. <https://doi.org/10.1111/j.1835-9310.2001.tb00079.x>
- Chambert-Loir. (2021). The author of the Syair Perang Mengkasar. *Indonesia and the Malay World*, 49(145), 470–480. <https://doi.org/10.1080/13639811.2021.1898152>
- Esling, M, S. R., Benner, A., & Crevier-Buchman, L. (2019). *Voice quality: The laryngeal articulator model* (Vol. 162). Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/9781108696555>
- Fatimah, F., & Lutfiah, W. (2022). The existence of Barzanji in the modern civilization as a local Islamic tradition in Bugis land in the frame of postmodrnisme. *Ibda'*, 20(1), 164–180. <https://doi.org/10.24090/ibda.v20i1.6302>
- Hery Supiarza, Deni Setiawan, & Cece Sobarna. (2019). Pattern of keroncong and tenor in keroncong irama Jakarta. *Resital*, 20(2), 112–124. <https://doi.org/10.24821/resital.v20i2.2459>
- Humin Jusilin, Ismail Ibrahim, & Angeline Toe Yu Yun. (2019). *Warisan Busana Murut: Motif dan corak* (Cetakan pertama.). Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hussin, & Jamaludin, M. H. (2021). Mubālaghah menurut perspektif al-‘Alawi: kajian terhadap elemen Mubālaghah dalam hadith berkaitan syurga. *Al-Bayan Journal of Quran and Hadith Studies*, 19(2), 257–287. <https://doi.org/10.1163/22321969-12340100>
- Idawati, M. A. (2016). Irama syair Melayu Riau: Sebuah tinjauan estetika. Dlm. Roslan Madun (Ed.), *Syair Alam Melayu Nusantara* (pp. 101-112). Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad.
- Isfaroh, I. (2022). Etika religius Imam Ghazali. *Refleksi Jurnal Filsafat dan Pemikiran Islam*, 21(1), 121–139. <https://doi.org/10.14421/ref.2021.2101-07>
- Ismail, A. U. (2014). Integrasi syariah dengan tasawuf. *Ahkam*, 12(1). <https://doi.org/10.15408/ajis.v12i1.987>
- Junaidi, J. (2020). Islam dalam jagad pikir Melayu. *Buletin Al-Turas*, 20(1), 45–56. <https://doi.org/10.15408/bat.v20i1.3745>
- Anele, K. (2019). Characteristics and potentials of Batak art-crafts in Indonesia. *Journal of Korean Traditional Costume*, 22(4), 143–157. <https://doi.org/10.16885/jktc.2019.12.22.4.143>
- Karimulloh, Grasiaswaty, N., & Caninsti, R. (2021). Tiga tema konsep kebersyukuran dalam perspektif Al-Qur'an: Sebuah literatur review. *Jurnal Online Studi Al-Quran*, 17(2), 251–263. <https://doi.org/10.21009/JSQ.017.2.05>
- Landay, K. & Harms, P. D. (2019). Whistle while you work? A review of the effects of music in the workplace. *Human Resource Management Review*, 29(3), 371–385. <https://doi.org/10.1016/j.hrmr.2018.06.003>
- Lebar, O. (2022). *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metode*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Leong, Gibson, P. G., Vertigan, A. E., Hew, M., McDonald, V. M., & Bardin, P. G. (2023). Vocal cord dysfunction/inducible laryngeal obstruction—2022 Melbourne Roundtable Report. *Respirology (Carlton, Vic.)*, 28(7), 615–626. <https://doi.org/10.1111/resp.14518>
- Martarosa, M., Yakin, I., & Fernando, K. (2019). Kesenian ronggeng Pasaman dalam perspektif kreativitas apropiasi musical. *Mudra: Jurnal Seni Budaya*, 34(1), 87–96. <https://doi.org/10.31091/mudra.v34i1.642>
- Matusky, P. & Tan, S. B. (2017). Muzik Malaysia: Tradisi klasik rakyat dan sinkretik. University Malaya Press.
- Mashur, F. M. (2017). Interpretation and overinterpretation of Ja'far Ibn Hasan Al-Barzanji's mawlid Al-Barzanji. *Humaniora*, 29(3), 316–326. <https://doi.org/10.22146/jh.v29i3.29688>
- Mat Piah, H. (2007). Syair dan persuratan Melayu. Dlm. Indirawati Zahid et al. (Eds.), *Keindahan Variasi Syair Melayu* (pp. 25-42). Akademi Pengajian Melayu.

- Matusky, P., & Beng, T. S. (2017). *The music of Malaysia* (2nd ed., Vol. 1). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315223025>
- Meigalia, E., Putra, Y. S., & Sofi, M. J. (2021). Preserving oral tradition amid the COVID-19 pandemic: A cultural adaptation in salawat dulang. *Walisongo: Jurnal Penelitian Sosial Keagamaan*, 29(2), 211–230. <https://doi.org/10.21580/ws.29.2.9596>
- Muchlison, & Suryawan, D. S. (2018). Batik in Banten. PT Gramedia Pustaka Utama.
- Muhammad Takari & Fadlin M. D. (2007). Syair dalam kebudayaan Melayu Sumatera Utara: Kajian dalam konteks sosiobudaya dan struktur. Dlm. Indirawati Zahid. et al. (Eds.), *Keindahan Variasi Syair Melayu* (p. 43-68). Akademi Pengajian Melayu.
- Nasser, I. (2022). The traditional qaṣīdah and kitāb al-Zahrah by Ibn Dāwūd al-İsfahānī. *Journal of Arabic Literature*, 53(1-2), 132–153. <https://doi.org/10.1163/1570064x-12341457>
- Putra, D. I. A., Farida, U., Sartika, D., Kasdi, A., & Handayani, S. (2023). Quranic mental health amidst pandemic: A cultural-hermeneutic reading to the salawat community in Indonesia. *Mental Health, Religion & Culture*, 26(1), 1–15. <https://doi.org/10.1080/13674676.2021.2009787>
- Ramlah Abas., Rohani Hussin., & Anderson, P. I. (2003). Busana Melayu Melaka Warisan Bangsa (Traditional Melaka Malay costumes). Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia Iksep.
- Silahudin, S. (2013). Nyanyian Melayu asli: Vokalisasi serta peranan korda vokal dan larinks. Dlm. M. K. Abdul Rahman et al. (Eds.), *Kearifan tempatan: Pengalaman Nusantara. Meneliti kosmologi dan adat istiadat* (pp. 27-37). Universiti Sains Malaysia.
- Silahudin, S. (2021a). Kajian unsur budaya dalam nazam berendoi dan dikir rebana di Pahang. *Pertanika Mahawangsa*, 8(2), 1-15.
- Silahudin, S. (2021b). Pelestarian syair menerusi program televisyen ‘Puisi Nusantara’ di musim pandemik COVID-19. *Jurnal Melayu Sedunia*, 4(1), 148-172. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/34276>
- Silahudin, S. (2023). *Malay Singing in Pahang villages: Identity and practice*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sholeh. (2018). Pendidikan anak usia dini dalam perspektif pendidikan Islam. *Yin Yang*, 13(1), 71–83. <https://doi.org/10.24090/yinyang.v13i1.2018.pp71-83>
- Stetkevych, S. P. (2017). Solomon and mythic kingship in the Arab-Islamic tradition: Qaṣīdah, qur’ān and qīṣāṣ al-anbiyā’. *Journal of Arabic Literature*, 48(1), 1–37. <https://doi.org/10.1163/1570064x-12341340>
- Suherti, O., & Sudarsono, T. (2019). Estetika lagu Rincik-rincik dalam pertunjukan Ronggeng Tayub. *Panggung*, 29(4), 358-372. <https://doi.org/10.26742/panggung.v29i4.1050>

- Supiarza, H., & Sarbeni, I. (2021). Teaching and learning music in digital era: Creating kercong music for Gen Z students through interpreting poetry. *Harmonia*, 21(1), 123–139. <https://doi.org/10.15294/harmonia.v21i1.28585>
- Syafniati, S., Firdaus, F., & Amran, A. (2019). Perkembangan pertunjukan salawat dulang di Minangkabau. *Panggung*, 29(2), 173-189. <https://doi.org/10.26742/panggung.v29i2.909>
- Tan, Y. S., Ngah, K., & Md Darit, S. (2018). Formation and negotiation of identity: The case of the Kelantan Kampung Pasir Parit Peranakan Chinese. *Asian Ethnicity*, 19(1), 16–35. <https://doi.org/10.1080/14631369.2017.1310614>
- Thomas, P. (2018). A brief history of dondang sayang. In. Thomas Philip (Ed.). *Like Tigers Around a Piece of Meat* (pp. 3-10). ISEAS–Yusof Ishak Institute Singapore. <https://doi.org/10.1355/9789814377782-003>
- Varela, M. E. (2016). Hacking and rehearsing: Experiments in creative tinkering. *New Theatre Quarterly*, 32(1), 68–77. <https://doi.org/10.1017/S0266464X15000871>
- Yudarta, I. G., & Haryanto, T. (2021). Eksistensi kesenian rebana gending Desa Langko dalam masa pandemik Covid-19 di Lombok. *Mudra: Jurnal Seni Budaya*, 36(2), 170–178. <https://doi.org/10.31091/mudra.v36i2.1460>
- Zandra, R. A., & Rustopo, R. (2020). Politik dan situasi sosial dalam sejarah kercong di Indonesia. *Dewa Ruci: Jurnal Pengkajian dan Penciptaan Seni*, 15(1), 6–11. <https://doi.org/10.33153/dewaruci.v15i1.2804>

**PENGAJIAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN MELAYU, PUSAT
KAJIAN BAHASA, KESUSASTERAAN DAN KEBUDAYAAN MELAYU
(BITARA MELAYU): CABARAN DI ARUS PERDANA**

*(MALAY CULTURE AND ART STUDIES, MALAY LANGUAGE, LITERATURE AND
CULTURE STUDIES CENTER (BITARA MALAY): CHALLENGES IN THE MAINSTREAM)*

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff
yuszaidy@ukm.edu.my

Muammar Ghaddafi Hanafiah
muammar@ukm.edu.my

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.

ABSTRAK

Kertas kerja ini mengenai pengajian kebudayaan dan kesenian Melayu di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (Bitara Melayu) dalam menghadapi cabaran di arus perdana. Dua pengajian yang terdiri daripada perspektif bidang sains sosial dan kemanusiaan. Dua bidang ini perlu melalui proses lestari dalam usaha menghadapi cabaran di arus perdana. Objektif kajian ini adalah menganalisis cabaran yang dihadapi bidang kebudayaan dan kesenian Melayu di arus perdana. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif naratif. Kaedah temu bual separa struktur digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul data. Beberapa teknik analisis digunakan dalam kajian ini seperti analisis kandungan dan tematik. Kajian ini juga disokong dengan data sekunder melalui kajian kepustakaan. Begitu juga, teori relevan McClelland didapati sesuai digunakan dalam perbincangan kajian ini. Hasil kajian menunjukkan kedua-dua bidang pengajian ini masih relevan dan amat diperlukan untuk mengimbangi keperluan pembangunan negara. Bidang pengajian kebudayaan dan kesenian Melayu perlu melakukan beberapa perubahan supaya kedua-dua bidang pengajian ini berupaya menghadapi cabaran di arus perdana. Hasil kajian yang diperoleh melalui cabaran yang dihadapi telah menyatakan kedua-dua bidang pengajian ini dapat menghasilkan individu yang mempunyai sikap profesional dan integriti yang diperlukan dalam pembangunan negara. Justeru itu, kajian ini dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada bidang pengajian itu serta pembangunan negara.

Kata kunci: budaya; kemanusiaan; Melayu; sains sosial; seni

ABSTRACT

In order to overcome obstacles in the mainstream, this essay discusses how the Center for the Study of Malay Language, Literature, and Culture (Bitara Melayu) is studying Malay culture and art. Two studies that combine the humanities and social sciences perspectives. In order to overcome obstacles in the mainstream, these two domains must go through a sustained process. The goal of this study is to examine the difficulties Malay culture and the arts are currently confronting in the public eye. A narrative qualitative methodology is employed in this study. Data for this study were gathered using a semi-structured interview style. In this study, a number of analytical methods were employed, including content and topic analysis. Secondary data from the literature is also used to support this study. Similarly, it was determined that McClelland's theory could be utilized in the analysis of this study. According to the findings, it is still important and crucial to balance these two academic disciplines in order to meet the needs of the nation's development. Changes must be made in the field of Malay cultural and artistic studies for these two academic disciplines to be prepared to meet the demands of the modern world. According to the study's findings, which were derived from the difficulties encountered, these two academic specialties can generate people who have the professionalism and integrity necessary for the nation's progress. Thus, this research has the potential to significantly advance both the subject of study and the nation's development.

Keywords: art; culture; humanities; Malay; social science; art

Pengenalan

Bidang pengajian Melayu merangkumi bidang bahasa, sastera dan budaya yang bersifat bidang terawal yang menjadi perhatian dan penawaran di peringkat institusi pengajian tinggi awam. Permulaan dan penawaran kajian ini bermula di Universiti Malaya setelah berpindah dari Singapura ke Kuala Lumpur, iaitu di Lembah Pantai pada tahun 1965. Penubuhan Jabatan Pengajian Melayu di bawah Fakulti Sastera dan Sains Sosial telah memberi erti dan manfaat yang besar mengenai keperluan untuk mengkaji masyarakat Melayu. Kajian ini telah bermula pada zaman kolonial Inggeris yang di teraju awal oleh Stamford Raffles sehingga kepada Sir Hugh Low antara kalangan pentadbir Inggeris berminat dengan masyarakat Melayu. Mereka banyak mengkaji masyarakat Melayu yang berasaskan keperluan pihak kolonial hendak mengetahui latar belakang menerusi aspek bahasa, sastera dan budaya serta tidak ketinggalan seni dan persembahan. Namun begitu, perubahan yang berlaku selepas keperluan kerajaan yang merdeka telah melihat perlu ada satu kajian bentuk sistematik mengenai masyarakat Melayu. Keperluan ini penting sejajar dengan polisi kerajaan untuk membina dan membangun bangsa dan negara untuk mencapai matlamat arus kemerdekaan dan negara bangsa. Perkara ini juga telah membawa kepada penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia, 1970 yang berteras semangat kebangsaan juga memberi tumpuan kepada aspek bidang bahasa, sastera dan budaya Melayu di bawah satu payung besar, iaitu Fakulti Sastera.

Kajian Pengajian Melayu mengenai aspek bidang budaya dan seni telah bersaing dengan bidang sains sosial dan kemanusiaan yang lain dalam usaha yang sama memberi dan menyumbang untuk membentuk ke arah kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat dan interaksi sosial. Namun begitu, keperluan dalam pembangunan kejuruteraan bandar dan industri perkilangan yang semakin mendapat perhatian, permintaan dan kebolehpasaran kerjaya yang luas telah memberi kesan kepada keperluan bidang budaya dan seni. Oleh itu, perubahan ini telah menimbulkan isu keperluan bidang budaya dan seni di masa depan, adakah bidang ini masih sesuai atau relevan untuk ditawarkan, dipelajari atau diikuti. Begitu juga persoalan mengenai keperluan bidang ini dalam menyediakan peluang pekerjaan dan adakah

mampu untuk turut serta memberi sumbangan kepada negara amnya masyarakat. Hal ini telah memberi dan menghasilkan idea untuk mencari jawapan bagi menjelaskan cabaran-cabaran yang perlu hadapi dalam arus perdana semakin sukar.

Metodologi Kajian

Keperluan data yang sesuai amat diperlukan bagi menghasilkan hasil kajian yang baik dan jelas. Penyelidikan ini telah memilih pendekatan kajian bersifat kualitatif dengan disokong oleh kaedah naratif. Kaedah penyelidikan ini didapati sesuai dengan keperluan data yang diperlukan. Kajian ini berorientasikan kaedah temu bual yang dilakukan secara berfokus dan berkumpulan sasaran. Bagi memastikan perolehan data yang baik dan kemas, beberapa informan bersasar telah dipilih bagi menjayakan kajian yang sedang dilakukan. Kajian ini juga menggunakan edaran soalan melalui *google form* untuk memperoleh data yang diperlukan. Kajian ini disokong dengan data sekunder yang diperoleh daripada kajian perpustakaan berdasarkan kepada sumber asal dan asli seperti artikel, buku, laporan rasmi dan tidak rasmi.

Bagi memastikan memperoleh data yang diperlukan dan sesuai, data-data mentah itu perlu disaring terlebih dahulu supaya data itu berguna sebelum melalui proses analisis. Keperluan proses analisis ini amat penting selepas data mentah itu disaring supaya data sesuai untuk menjawab persoalan dan permasalahan kajian. Proses analisis ini perlu menjalani dua kaedah analisis, iaitu analisis kandungan yang menekankan terhadap makna tersurat dan tersirat. Kaedah analisis kedua iaitu analisis tematik dipilih berasaskan pembinaan tema-tema mengikut data yang diperlukan. Kedua-dua kaedah ini selari dengan penggunaan teori relevan dalam membentuk reka bentuk penulisan kajian ini. Begitu juga, proses analisis ini telah menggunakan analisis Matrik SWOT, iaitu *Strengths* (Kekuatan), *Weaknesses* (Kelemahan), *Opportunities* (Peluang) dan *Threats* (Ancaman). Penggabungan kaedah analisis ini telah menghasilkan dapatan mentah yang diperlukan untuk menjelaskan kajian ini dilakukan.

Teori Relevan

Kajian ini berpandukan penggunaan teori relevan yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986). Pemilihan teori ini sesuai dengan merujuk kepada kerelevanannya yang diberi tumpuan mengenai cabaran yang dihadapi bagi memastikan isu kajian ini sentiasa relevan dan mempunyai daya saing dengan faktor yang berlaku dalam arus perdana. Teori ini memberi penekanan terhadap tiga elemen utama, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses. Berdasarkan tiga elemen itu dapat dijelaskan keupayaan dan kekuatan isu kajian dalam menghadapi cabaran di arus perdana. Data-data mentah yang diperoleh melalui saringan pada peringkat telah menghasilkan dan memberi maklumat yang diperlukan sebelum diselaraskan dengan kaedah analisis seterusnya untuk menghasilkan hasil dapatan kajian. Oleh itu, dapatan itu akan mengalami proses reka bentuk mengikut teori relevan supaya dapatan itu boleh disusun, menyumbang dan memberi pengertian selepas melalui proses interpretasi makna.

Program Kebudayaan dan Kesenian Melayu

Program budaya dan seni Melayu telah mula ditawarkan dan pengambilan pelajar sejak penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1970 melalui Jabatan Sastera di bawah Fakulti Sastera (Mohd Ali Kamaruddin, 1981). Program ini telah mengalami pelbagai perubahan penjenamaan nama dan struktur kurikulum mengikut keperluan permintaan semasa dan negara. Program ini selari dan seajar dengan wawasan dan matlamat yang diinginkan dan diperjuangkan oleh kerajaan untuk membangunkan masyarakat berilmu dan boleh memberi sumbangan dalam pembangunan negara amnya pengetahuan dan kebolehan masyarakatnya.

Program ini antara tujuan utama untuk mengangkat budaya dan seni Melayu berada pada kedudukan dan selaras dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1970 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri waktu itu, Datuk Abdul Razak Hussein. Perkembangan waktu itu menggambarkan keperluan bidang budaya dan seni Melayu dijadikan panduan dan rujukan selari dengan peruntukan yang terdapat dalam Perkara 160 (2) Perlembagaan Malaysia yang menjelaskan keperluan mengenai aspek budaya dan seni seharusnya berasaskan elemen masyarakat.¹³

Perkembangan bidang budaya dan seni telah berkembang dengan baik dan telah menawarkan kursus-kursus di bawah bumbung Jabatan Persuratan Melayu sebelum bertukar kepada menjadi Pusat Pengajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu pada tahun 2001. Perkembangan ini menggambarkan bidang budaya dan seni adalah antara yang perlu ada dan bergerak seiringan dengan polisi dan keperluan pihak berkepentingan. Penawaran bidang budaya dan seni telah memberi peluang perkembangan bidang ini di Universiti Kebangsaan Malaysia. Oleh itu, penggabungan kedua-dua bidang budaya dan seni di peringkat prasiswazah telah memperkuatkan dan memperkasakan serta mampu bersaing dengan kursus budaya dan seni di universiti lain. Program ini telah menawarkan peringkat ijazah dasar sehingga ke peringkat ijazah tinggi yang berkualiti, holistik dan komprehensif. Bidang kajian budaya telah diperluaskan kepada tumpuan kepada aspek sosial, ekonomi dan politik. Bidang seni telah memberi tumpuan kepada persempahan seni tradisional dan moden. Kedua-dua bidang ini juga dikaitkan dengan warisan yang baharu diperkenalkan. Pada tahun 2001 telah berlaku satu penstrukturran yang besar terhadap semua fakulti di Universiti Kebangsaan Malaysia serta jabatan di Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, apabila nama fakulti telah berubah kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan yang sesuai dengan tuntutan semasa (<http://www.ukm.my/ppbkkm/>). Perubahan secara keseluruhan ini diperlukan sejajar apa yang berlaku perubahan di peringkat global dan inovasi teknologi serta keperluan kebolehpasaran pelajar di dunia pekerjaan.

Hal ini juga telah membentuk satu program khusus mengenai aspek budaya dan seni yang dikenali sebagai Program Kebudayaan dan Kesenian Melayu. Program ini di bawah pembawaan acuan sendiri dengan diketuai oleh Ketua Program Siswazah dan Prasiswazah. Pengenalan program ini telah memberi nafas baharu tidak lagi di bawah bumbung program lain. Program ini secara rasmi telah menawarkan ijazah tinggi, iaitu Doktor Falsafah, Sarjana Falsafah dan Sarjana Sastera Kerja Kursus (<http://www.ukm.my/ppbkkm/>). Pengajian kebudayaan dan kesenian Melayu bukan hanya memberi penelitian kepada perkembangan ilmu bidang atau disiplin yang berdasarkan isi kandungannya dan diterbitkan dalam jurnal bidang akademik disiplin. Kajian wilayah lebih ke arah penyelidikan berasaskan bidang yang memberi tumpuan kepada kajian lapangan sesuatu bahagian, wilayah dan negara. Penawaran ini telah menyediakan tenaga pakar dalam bidang budaya dan seni kepada pembangunan negara selari usaha pihak kerajaan untuk melahirkan rakyat berpendidikan tinggi. Program ini secara tidak langsung telah menjadi pembekal kepada mereka yang menguasai bidang budaya dan seni untuk membentuk keperibadian dan kreativiti pelajar.

Program ini telah memperkasakan lagi bidang budaya dan seni selari dengan kajian Pengajian Melayu yang menjadi agenda utama pihak kerajaan terutamanya pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi memastikan Pengajian Melayu sentiasa relevan dan mengikut keperluan semasa. Hal ini selari dengan ucapan dan hasrat Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Khalid Nordin yang mahu bidang Pengajian Melayu mampu berada pada tahap sewajarnya dan selari dengan pengajian lain (<https://www.mohe.gov.my/hebahan/liputan-media/program-pengajian-melayu-pentinguntuk-negara>). Usaha ini tidak langsung telah memberi kesan yang baik dan positif dalam mengekalkan bidang ini relevan dan berupaya memberi tenaga

¹³ (<https://www.jpapencen.gov.my/cat289562/published/Perlembagaan%20Persekutuan>).

pekerjaan serta ilmu baharu dalam bidang itu. Bidang budaya dan seni perlu berubah mengikut paradigma semasa yang memerlukan kecuaian dan bergerak bersama dengan arus perdana supaya sentiasa relevan. Penelitian seharusnya lebih ke arah yang membolehkan pelajar mengikuti program yang dapat membentuk keperibadian dinamik, berfikiran kritis dan menerima setiap perubahan dengan mudah. Bidang budaya dan seni lebih memberi perhatian mengenai pengkajian tentang persamaan, perubahan, perbezaan dan perbandingan pengalaman seseorang mengenai budaya, hubungan sosial, keluarga, politik dan seni di persekitaran mereka.

Berkisar dengan program kebudayaan dan kesenian telah dibentuk dengan kelebihan dan keperkasaan dengan menerusi subbidang yang ditawarkan kepada program pengajian. Pembentukan struktur kurikulum yang menawarkan kursus yang berasaskan kepada berteraskan empat bidang kajian, iaitu kajian kewilayah, sistem pemikiran, sistem sosial dan sistem ekonomi. Penawaran empat bidang kajian ini membuktikan kesungguhan program bagi memastikan sentiasa relevan dan bermutu tinggi serta kualiti. Tumpuan kajian bidang lebih terarah kepada cara budaya mempengaruhi, mencipta dan mengubah pengalaman individu. Begitu juga berkaitan dengan mengenai hubungan keluarga, sosial dan kuasa dalam kehidupan bermasyarakat. Aspek kesenian lebih memberi perhatian kepada persembahan seni, kritikan dan falsafah dalam dunia kesenian yang menggambarkan kearifan tempatan dan penggiat selari dengan domain utama menjadi tumpuan pihak UNESCO (*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*) adalah berkaitan dengan warisan tidak ketara (<https://ich.unesco.org/en/intangible-heritage-domains>). Begitu juga ijazah sarjana sastera kerja kursus ditawarkan dalam Program Pengurusan Persembahan Seni menawarkan ilmu seni dalam bentuk teori dan aplikasi di dalam kajian kebudayaan dan kesenian Melayu (Buku Panduan Siswazah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, 2021) dan (<http://www.ukm.my/ppbkkm/program>).

Komitmen yang tinggi melalui program ini berupaya dan berkemampuan melahirkan pakar dalam kajian budaya dan seni Melayu sekali gus berupaya melahirkan graduan yang berfikiran kreatif dan inovatif dalam melestarikan kebudayaan dan kesenian Melayu. Secara keseluruhan, program ini menawarkan bidang yang masih mempunyai sumbangan dan keperluan situasi semasa dengan memberi tumpuan kajian bentuk wilayah dan disiplin, iaitu kajian budaya, pemikiran dan falsafah, etnoperubatan, warisan dan persembahan seni. Program ini menawarkan program-program ijazah sarjana sastera yang dijalankan secara kerja kursus yang lebih berfokus kepada pembelajaran dan pengajaran berorientasikan bilik kuliah. Hal ini berbeza dengan program ijazah sarjana falsafah dan doktor falsafah yang dijalankan secara penyelidikan sepenuhnya dengan bimbingan pakar-pakar daripada pelbagai bidang Pengajian Melayu¹⁴. Secara tuntas, program ini menawarkan penerokaan dan penelitian mengenai ilmu dalam bidang kebudayaan dan kesenian yang berteraskan disiplin sains sosial dan kemanusiaan. Penawaran program ini dapat memenuhi keperluan dan tuntutan semasa pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, industri, komuniti dan badan bukan kerajaan.

Kepakaran Bidang Kebudayaan dan Kesenian Melayu

Program ini mempunyai tenaga pakar dalam pelbagai bidang dan terbabit dalam rundingan serta penyelidikan. Kebolehan dan kemahiran yang dimiliki oleh tenaga pakar telah mendapat pengesahan dan diperakui oleh pihak berkepentingan seperti kementerian, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan dalam bidang budaya dan kesenian. Mereka juga terbabit dengan persidangan dan bengkel anjuran di peringkat antarabangsa dan kebangsaan seperti pengucap tama, ahli panel dan pembentang. Kekuatan dan hubungan rapat dalam aspek jaringan

¹⁴ (<http://www.ukm.my/ppbkkm/program-pengurusan-persembahan-seni/>).

akademik dan industri memperkuatkan lagi program ini untuk melahirkan pelajar memperoleh pengijazahan yang berkualiti dan bermanfaat. Program ini terdiri daripada empat ahli dalam kepakaran bidang masing-masing, iaitu tiga orang pakar dalam bidang budaya dan seorang dalam bidang kesenian. Secara keseluruhan, pakar-pakar bidang ini adalah Dr. Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (Pakar Warisan dan Budaya Melayu), Dr. Muammar Ghaddafi Hanafiah (Pakar Falsafah dan Pemikiran Melayu Islam), Dr. Nur Afifah Vanitha Abdullah (Pakar Audit, Pengurusan dan Seni Persembahan Melayu) dan Dr. Yusmilayati Yunos (Pakar Etnoperubatan Melayu) (<http://www.ukm.my/ppbkkm/program>).

Dapatan dan Perbincangan

Perbincangan ini akan memberi tumpuan kepada cabaran aspek budaya dan seni Melayu di arus perdana. Bagaimana bidang budaya dan seni Melayu mendapat dan melepassi rintangan yang dihadapi bagi memastikan kedua-dua bidang itu di terima dan relevan dengan situasi semasa dan bersifat kontemporari. Oleh itu, perbincangan menjurus dan terarah kepada cabaran yang bersifat positif, iaitu cabaran yang bersifat melahirkan kesedaran untuk membina tembok penghalang dan memperkasakan kekuatan yang ada dalam bidang budaya dan seni Melayu.

Merujuk kepada dapatan yang diperoleh melalui penyaringan dan analisis yang dilakukan telah menggambarkan beberapa cabaran yang perlu dihadapi. Data yang diperoleh itu dapat menjelaskan kemampuan dan kesediaan program dalam menghadapi dan melalui cabaran supaya dapat membantu dan membentuk pelajar memperoleh hasil pembelajaran dan pengijazahan yang berkualiti. Bagi menghadapi situasi sedemikian, program menerima dengan terbuka dan bersedia melakukan sebarang perubahan mengikut keperluan yang diperlukan berdasarkan perkembangan arus perdana. Kelebihan bidang budaya dan seni adalah gabungan kekuatan sains sosial dan kemanusiaan dengan menggambarkan kaedah dan teori dari sejarah, sosiologi, kajian sastera, kajian seni, kajian komunikasi, ekonomi dan antropologi budaya.

Kursus budaya dan seni kurang diberikan tumpuan dan penekanan oleh pihak berkepentingan dari awal pendidikan peringkat sekolah rendah dan menengah seseorang individu. Pihak berkepentingan beranggapan bidang ini boleh diterokai melalui tindakan dan aktiviti yang berkaitan budaya dan seni. Hal ini telah memberi kesan yang kurang baik dan menjelaskan perkembangan bidang ini yang hanya boleh dipelajari dan diikuti di peringkat pengajian tinggi seperti di institut pengajian awam dan swasta. Hal ini berbeza dengan kursus pendidikan seni yang dimasukkan dalam struktur kurikulum pelajar peringkat rendah dan menengah. Perkara ini berbeza dengan bidang budaya dan persembahan seni tidak dijadikan satu subjek mata pelajaran sebaliknya hanya sebagai aktiviti kurikulum pelajar sahaja. Pelajar hanya terdedah dengan bidang budaya dan seni apabila berada di institut pengajian tinggi. Pada peringkat ini, pelajar mula mempelajari serta meneliti mata pelajaran atau kursus dan mula membentuk penerimaan dan kefahaman kursus itu.

Cabarani yang menjadi perkara yang perlu diselesaikan supaya bidang budaya dan seni bersama dapat memberi sumbangan bermakna pada pembangunan negara dari aspek minda dan jati diri. Pembangunan negara masih memerlukan kepakaran dalam budaya dan seni dalam memastikan kesejahteraan masyarakat yang stabil dan seimbang. Pelajar yang mengikuti kursus budaya dan seni dapat menghasilkan dan memberi satu sumbangan yang membantu dan memberi manfaat kepada masyarakat mengenai nilai, norma dan tradisi. Oleh itu, pengisian mengenai sikap, watak dan kerohanian perlu selari dalam pembangunan negara bangsa. Bidang budaya dan seni perlu diberikan penekanan dan tumpuan sejajar dengan inspirasi negara yang membentuk akhlak yang baik. Pengembangan bidang budaya dan seni dalam dunia akademik perlu diberi perhatian dan sokong bagi memastikan budaya dan seni negeri berada di tempat yang wajar, selari dengan Dasar Kebudayaan Negara 2022 dan Dasar Industri Kreatif Negara 2021.

Pelajar tempatan kurang memberi perhatian dan mengetahui budaya dan seni kecuali atas keperluan pihak berkepentingan. Pada peringkat sekolah lagi tidak banyak perkara atau aktiviti budaya dan seni yang melibatkan jumlah ramai pelajar. Hal ini hanya merujuk kepada pelajar sekolah yang berminat yang lahir daripada warisan keluarga dan mempelajarinya secara persendirian. Pelajar sekolah tidak diberi penjelasan mengenai kepentingan budaya dan seni sebagai khazanah bangsa dan negara yang perlu diberi perlindungan dan pemuliharaan. Budaya dan seni tempatan ditonjolkan dan diangkat untuk menjadi suatu yang penting yang perlu dipelajari dan diamalkan dalam kehidupan. Keperluan yang tiada dalam pemikiran dan pengetahuan mereka menyebabkan budaya dan seni Melayu tempatan tidak mendapat sambutan dan penerimaan yang baik. Hal ini secara tidak langsung telah menjelaskan dan mengurangkan kefahaman mengenai budaya dan seni dalam kalangan pelajar kerana lebih terdedah dengan budaya luar yang dibawa masuk melalui hiburan dan makanan.

Ketidaaan pelapis dan pengganti akan memberi kesan kurang baik kepada perkembangan bidang budaya dan seni yang sejajar dengan arus pembangunan negara dan bangsa. Hal ini akan menyebabkan pembangunan modal insan menjadi lesu dan tidak bermaya yang seterusnya akan memberi ancaman kepada perkembangan budaya dan seni negara jika tidak situasi ini tidak diatasi. Keperluan melakukan perubahan dalam bidang budaya dan seni bukan hanya meneliti dari sudut disiplin, tetapi juga memberi perhatian kepada kajian wilayah yang berasaskan kajian lapangan untuk memperoleh data. Penggabungan kedua-dua kaedah kajian ini akan menjadikan kajian budaya dan seni lebih bersifat berdaya saing dan menyerlahkan data-data yang diperlukan untuk menyelesaikan isu yang melanda masyarakat dan negara. Penyediaan data-data dalam usaha merangka kurikulum yang relevan mengenai budaya dan seni merupakan satu usaha untuk memastikan bidang ini terus berdaya saing dengan merujuk kepada produk budaya dan seni. Sesungguhnya, pengenalan kursus baharu budaya dan seni yang berteraskan isu semasa dan kontemporari mampu membawa bidang budaya dan seni agar berada di peringkat yang setanding dengan bidang kajian yang lain.

Kesimpulan

Perubahan dan keperluan semasa telah memberi kesan yang negatif terhadap bidang budaya dan seni. Perubahan itu telah menyebabkan semua pihak perlu melakukan sesuatu supaya bidang budaya dan seni terus relevan. Keperluan ini perlu sejajar dan selari dengan perubahan dan permintaan dalam negara yang sedang membangun dari sudut fizikal seperti bangunan, bandar baharu, teknologi terbaharu dan media sosial. Kemajuan kejuruteraan dan teknologi maklumat yang semakin diminati oleh golongan muda telah menjarakkan lagi jurang antara ilmu pengetahuan asas dengan ilmu teknikal yang bersandarkan kemahiran praktikal. Selain itu, faktor perubahan ini juga memerlukan penjenamaan semula dan perubahan struktur kurikulum supaya sesuai dan relevan dengan permintaan semasa. Penjenamaan nama program dan pusat perlu berubah kepada nama baharu yang sesuai dengan tujuan dan tujuan penawaran bidang serta kursus-kursus yang perlu diikuti semasa mempelajari dan menguasai ilmu pengetahuan.

Penggunaan teori relevan telah menjelaskan cabaran yang perlu dihadapi dan dilalui supaya dapat memberi kesan kepada pembangunan negara terutamanya pembinaan negara bangsa. Cabaran yang dihadapi itu menjadikan bidang budaya dan seni berupaya menonjol dan berada di tempat yang setaraf dengan bidang lain. Kepakaran bidang budaya dan seni merupakan suatu aset kepada negara dengan memberi dan menjelaskan pertembungan dan persilangan pengaruh budaya dan seni luar yang berlaku dalam masyarakat kini. Hasil kajian jelas menerangkan bidang budaya dan seni masih diperlukan dalam pelbagai peringkat pendidikan dan kemanusiaan, bersesuaian dalam menyokong, membantu dan membina keperibadian, kerohanian dan jati diri serta identiti bangsa. Perubahan dalam bidang budaya

dan seni dapat memberi panduan dan ganjaran untuk bentuk kesejahteraan hidup kepada masyarakat dan negara. Sumbangan kajian ini diharap dapat menghasilkan pembuahan idea dan seterusnya boleh dijadikan panduan dan rujukan dalam usaha memastikan bidang itu diterima dan relevan berkaitan isu semasa terutamanya Pengajian Melayu.

Biodata Penulis

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff merupakan Pensyarah Kanan di Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muammar Ghaddafi Hanafiah merupakan Pensyarah Kanan di Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rujukan

Buku Panduan Siswazah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. (2021). Universiti Kebangsaan Malaysia.

<https://ich.unesco.org/en/intangible-heritage-domains>

<http://www.ukm.my/ppbkkm/>

<https://www.mohe.gov.my/hebahan/liputan-media/program-pengajian-melayu-pentinguntuk-negara>

<http://www.ukm.my/ppbkkm/program-persuratan-melayu-malay-literature-programmes/>

<http://www.ukm.my/ppbkkm/sample-page/>

<https://www.jpapencen.gov.my/cat289562/published/Perlembagaan%20Persekutuan>

Mohd Ali Kamaruddin. (1981). *Sejarah Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia.* Penerbit UKM.

Sperber, D. & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition.* Basil Blackwell.



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*The National University
of Malaysia*



UNIVERSITI
MALAYA

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
Academy of Malay Studies

e ISBN 978-967-9930-19-1

A standard linear barcode representing the ISBN 978-967-9930-19-1.

9 789679 930191